



JOHOR CORPORATION


شراكة تجارية

Perbadanan Johor

Membina dan Membela



Bisnes Utama/Strategik




BISNES KULIM

Diterajui Kulim (Malaysia) Berhad. Ditubuhkan pada 1933 di United Kingdom sebagai Kulim Rubber Plantations Limited. Aktiviti utama: Perladangan (kelapa sawit), Intrapreneur Ventures serta Minyak dan Gas (O&G). Strategi pengurusan dan pertumbuhan Kulim berpanduan Visi 30:30.



BISNES KESIHATAN PAKAR

KPJ Healthcare Berhad adalah kumpulan penjagaan kesihatan dan perubatan pakar swasta terbesar di Malaysia. Ia tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia sejak 1994. Menguruskan 25 hospital swasta di Malaysia; Indonesia (dua); Bangladesh (satu) selain melabur sejumlah saham di sebuah hospital swasta di Thailand serta sebuah hospital dan pusat penjagaan warga emas di Brisbane, Australia. Didokong lebih 1,000 pakar perubatan dan 12,322 anggota pekerja.



BISNES MAKANAN DAN PERKHIDMATAN RESTORAN

Diterajui QSR Brands (M) Holdings Bhd. Aktiviti utama: Bisnes Makanan dan Perkhidmatan Restoran. Jumlah anggota pekerja: 30,000 orang. Melaksanakan rantaian nilai yang bersepadan sepenuhnya. Pemegang francais dan pengendali rangkaian restoran KFC di Malaysia, Singapura, Brunei dan Kemboja. Pemegang francais dan pengendali rangkaian Pizza Hut di Malaysia dan Singapura. Terlibat secara meluas dalam industri penternakan ayam melalui aktiviti pengeluaran makanan ayam, penghasilan baka dan pengurusan ladang kontrak ayam pedaging, pusat penetasan dan pemprosesan produk hilir berasaskan ayam jenama Ayamas, serta pelbagai perniagaan lain termasuk kilang roti, komisari, pengeluaran sos jenama Life dan syarikat pengedaran QSR Trading Sdn Bhd.



PELABURAN STRATEGIK BISNES INTRAPRENEUR DAN O&G

Skim ini adalah pendekatan Johor Corporation dalam usaha mewujudkan budaya berbisnes terutama di kalangan anggota pekerja dan masyarakat luar yang mempunyai minat berbisnes. Khususnya dalam bidang ternakan, pertanian dan O&G.



BISNES HARTANAH

Diterajui Johor Land Berhad sejak 1972 melibatkan pembangunan harta tanah kediaman dan komersil dengan 1,012 hektar tanah simpanan di lokasi strategik dalam Iskandar Malaysia. Projek pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan ialah Bandar Dato' Onn, Bandar Tiram, Taman Seraja, Taman Damansara Aliff, Bandar Baru Majidee, Larkin Central Park, Kempas, Bandar Baru Tampoi, Pasir Gudang dan Sri Gading di Batu Pahat. Melaksanakan konsep pembangunan mapan dengan menyediakan kediaman berkualiti serta perjurusan beridentiti sendiri untuk pelanggan dalam setiap perbandarannya dan menyediakan ruang serta lokasi komersil yang strategik untuk perniagaan. Menjayaan Dasar Perumahan Rakyat Johor menerusi pembinaan 7,599 unit Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) bermula 2013 hingga 2020 serta skim Rumah Impian Bangsa Johor (RIBJ) mulai 2017.

PELABURAN HARTANAH

• DAMANSARA ASSETS SDN BHD

Menjalankan aktiviti pelaburan harta tanah komersil dan pengurusan bangunan khususnya pusat beli-belah, bangunan pejabat, terminal pengangkutan awam, bazar, kompleks sukan dan resort.

• AL-'AQAR HEALTHCARE REIT

REIT Islamik pertama di dunia dan REIT Islamik berkaitan kesihatan pertama di Asia.

• AL-SALĀM REIT

REIT Islamik kedua terbitan Johor Corporation.

PEMBANGUNAN KOMPLEKS PERINDUSTRIAN

• TPM TECHNOPARK SDN BHD

Membangunkan kawasan perindustrian dan berperanan sebagai pengurus projek Johor Corporation. Terlibat dalam perkhidmatan pengurusan projek komersil dan pembangunan infrastruktur. Merupakan agen pemasaran dan pemaju projek bagi kawasan perindustrian milik Johor Corporation.

• PELABUHAN TANJUNG LANGSAT

Pelabuhan Tanjung Langsat seluas 405 hektar merupakan pintu keluar masuk dan tulang belakang kepada Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat.

Fakta Sepintas Lalu


Restoran Pizza Hut



391
dalam negara

TERNAKAN LEMBU INTEGRASI

7,132
ekor



Rumah Mampu
Milik Johor

7,599
unit



TERMINAL LARKIN SENTRAL


27,000 orang sehari



600 trip taxi
sehari



56 syarikat bas




1,500 – 2,000
trip bas sehari

KOMPLEKS PERINDUSTRIAN TANJUNG LANGSAT

RM24
BILION
jumlah pelaburan



2,505
kapal



12,060
peluang pekerjaan

CIRI-CIRI BAHARU DI DALAM LAPORAN TAHUNANINI



Kod QR ini menghubungkan anda dengan maklumat yang boleh diakses menerusi telefon pintar anda, seperti melayari ke maklumat lanjut mengenai topik-topik tertentu.

Muat turun aplikasi dalam telefon pintar anda, imbas gambar kod pada laman yang berkaitan dan ia akan dibuka dalam pelayar (Safari, Google Chrome atau lain-lain) di telefon bimbit anda menerusi "Bakodo" atau "i-nigma" untuk iPhone, "QR Code Scanner Pro" untuk BlackBerry® dan "Barcode Scanner" untuk Android.



Laporan ini boleh diakses di laman web www.jcorp.com.my



IKONINI MENYEDIAKAN ENAM CARA MUDAH UNTUK MENGAKSES LEBIH BANYAK MAKLUMAT DARIPADA LAPORAN TAHUNAN JOHOR CORPORATION 2016:

1. Lakukan carian i-Nova App daripada Apple App Store atau Google Play menggunakan telefon pintar anda.
2. Klik pada aplikasi (app) tersebut dan muat turun. (Periksa peranti anda untuk memastikan kesesuaian sebelum memuat turun).
3. Sebaik sahaja selesai muat turun, klik dan buka untuk melancarkan Augmented Reality (AR) App.
4. Klik pada butang "start" i-Nova App untuk melancarkan kamera AR.
5. Cari "AR Icon" di dalam laporan ini dan lakukan imbasan menggunakan kamera AR untuk membolehkan anda mendapatkan kandungan interaktif AR.
6. Anda boleh klik pada butang interaktif untuk mencari kandungan tambahan.

Perbadanan pelaburan negeri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara melalui entiti bisnes yang dilaksanakan dengan efisien serta efektif dengan mengambil kira kepentingan masyarakat.

MISI

Berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan bisnes yang mapan dan seterusnya meneroka kejayaan untuk melunaskan obligasinya sebagai perbadanan pelaburan negeri.

Mengekalkan kedudukan sebagai entiti bisnes yang meneraju dan menguasai pasaran, berdaya saing, menjana keuntungan serta disegani.

Menyumbang dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat melalui kejayaan bisnes serta pelaksanaan tanggungjawab korporat.

VISI

**Membina
dan
Membela**

NILAI TERAS JOHOR CORPORATION 2.0

INTEGRITI

Kami melaksanakan tugas dengan amanah, jujur, adil dan berlandaskan undang-undang serta prinsip tadbir urus korporat.



PROFESIONAL

Kami komited melaksanakan tugas dengan efisien untuk menghasilkan perkhidmatan cemerlang dan produk berkualiti.



INOVATIF

Kami berpengetahuan, berwawasan, kreatif, berani merintis, responsif dan panjang ikhtiar ke arah misi kesinambungan bisnes Johor Corporation.



SETIA

Kami melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan komitmen kepada visi dan misi Johor Corporation serta berdaya tahan dan setia sepenuhnya kepada Johor Corporation.



BERPASUKAN

Kami sekata untuk bekerja secara berpasukan, menyumbang kepada pencapaian matlamat bersama dan perkongsian visi dalam suasana interaksi yang kondusif.



SEKSYEN 1

PENYATA KORPORAT

- 4 Perutusan Pengerusi
- 7 Penyata Korporat

SEKSYEN 2

MENGENAI JOHOR CORPORATION

- 15 Profil & Maklumat Korporat
- 16 Struktur Bisnes & Korporat
- 18 Lembaga Pengarah
- 20 Profil Lembaga Pengarah
- 22 Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah
- 22 Jemaah Lembaga Tawaran dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding
- 23 Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU)
- 25 Jawatankuasa Teraju Korporat
- 28 Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)
- 31 Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)



KANDUNGAN

SEKSYEN 3

RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN

- 33 Ulasan Kewangan
- 34 Ringkasan Prestasi Kewangan (Johor Corporation) 2012-2016
- 35 Ringkasan Prestasi Kewangan (Kumpulan) 2012-2016



SEKSYEN 4

PROSPEK

- 36 Laporan Ekonomi
- 38 Bisnes KULIM
- 44 Bisnes Kesihatan Pakar
- 48 Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran
- 51 Divisyen Hartanah
- 58 Divisyen Pembangunan Industri
- 64 Divisyen Pembangunan Bisnes
- 66 Divisyen Tanggungjawab Korporat
- 72 Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan



SEKSYEN 5

TADBIR URUS KORPORAT

- 74 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 78 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam
- 81 Laporan Jawatankuasa Audit



SEKSYEN 6

PENYATA KEWANGAN

- 83 Penyata Kewangan

RASIONAL MUKA HADAPAN



Segi tiga dengan ikon di dalamnya memaparkan dinamika dan kemajuan setiap sektor atau bisnes yang diceburi. Bucu tajam di depan menggambarkan keupayaannya melalui cabaran dan saingan di pasaran.

Perutusan Pengurus



“KETIKA MANA SUASANA EKONOMI GLOBAL SURAM DAN PASARAN HAMBAR, JOHOR CORPORATION SERTA SYARIKAT KUMPULAN TETAP BERJAYA MENCATATKAN PEROLEHAN MEMBERANGSANGKAN DALAM PELBAGAI BISNESNYA.”

**DATO' MOHAMED
KHALED BIN NORDIN**

Pengerusi Johor Corporation

Perutusan Pengerusi

SEJAK menerajui pentadbiran negeri

Johor mulai Mei 2013, saya dapat melihat prestasi dan hala tuju Johor Corporation yang menyakinkan Kerajaan. Sejak dari hari pertama menyandang jawatan Pengerusi Johor Corporation itu, saya memilih untuk membawa Johor Corporation hampir dengan saya dan Kerajaan Negeri. Kini, Johor Corporation merupakan konglomerat yang sangat penting kepada Kerajaan Negeri. Penting kerana Johor Corporation sentiasa menunjukkan prestasi membanggakan dan berjaya dalam melaksanakan setiap aspirasi Kerajaan Negeri sejak ia ditubuhkan.

Sebab itulah, setiap kali membentangkan Bajet Negeri Johor, saya akan pastikan Johor Corporation memainkan peranannya dalam merealisasikan beberapa titik sentuhan yang dapat memberi manfaat kepada rakyat Johor. Ini antaranya melibatkan projek pembangunan prasarana dan berkepentingan rakyat serta pemantapan program pembangunan modal insan dan keusahawanan.

Laporan Tahunan 2016 Johor Corporation dan intipati laporan Penyata Korporat ini mencakupi semua iaitu bisnes teras, divisyen yang melaksanakan aktiviti bisnes dan pembangunan mahupun meluncurkan tanggungjawab korporat. Laporan ini turut mengandungi cabaran, prospek dan perancangan untuk dikongsi dengan semua pihak berkepentingan.

Antaranya, titik sentuhan pelaksanaan pembangunan Ibrahim International Business District (IIBD) yang diilhamkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim. Aspirasi Baginda melalui pembangunan dengan Nilai Kasar Pembangunan (GDV) dijangka lebih RM20



bilion itu ialah mentransformasikan Bandaraya Johor Bahru menjadi pusat perdagangan bertaraf antarabangsa berdasarkan Pelan Induk IIBD 2025.

Seterusnya, Johor Corporation diamanahkan untuk melaksanakan program Rumah Impian Bangsa Johor Yayasan Sultan Ibrahim (RIBJ-YSI) yang juga merupakan cetusan ilham Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Johor dan program itu telah dilancarkan oleh Baginda sendiri pada 22 Mac 2017 lalu.

Untuk dua projek penting ini, Johor Corporation dengan penuh takzim Merafak Sembah Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana memberikan kepercayaan kepada Johor Corporation untuk melaksanakan pembangunan yang akan memberi impak besar kepada Bangsa Johor serta sosio-ekonomi negeri.

Mengamati prestasinya pada 2016 ini, saya berbangga dengan pencapaian Johor Corporation. Ketika suasana ekonomi global suram dan pasaran yang hambar, Johor Corporation serta syarikat Kumpulan tetap berjaya mencatatkan perolehan memberangsangkan dalam pelbagai bisnesnya.

PRESTASI BAIK JOHOR CORPORATION 2016 DISUMBANG ANTARANYA OLEH:

- KEAMPUAN PERANCANGAN STRATEGIK 2016-2020
- KECEKAPAN MELAKSANA DAN **MENTYEMPURNAKAN TITIK SENTUHAN BAJET NEGERI 2017**
- PELAN DAN STRATEGI LAIN DISEMAK, **DIANALISIS SERTA DITAMBAHBAIK DARI SEMASA KE SEMASA**
- KOMITMEN **60,643 ANGGOTA PEKERJA**
- **KPI** DITETAPKAN UNTUK MENGUKUR KEBERKESANAN DAN PENCAPAIAN
- PENGLIBATAN PROAKTIF DALAM **PEMBANGUNAN PENGERANG DAN USAHAWAN IKS**

Perutusan Pengerusi



SEPANJANG 2016, AGEN PEMBANGUNAN NEGERI ITU BERJAYA MEMBAWA MASUK PELABURAN BERJUMLAH

RM6 BILION KE KAWASAN PERINDUSTRIANNYA

Ini dicapai hasil Perancangan Strategik Johor Corporation 2016-2020 yang teliti dan beberapa pelan dan strategi lain yang disemak, dianalisis serta ditambahbaik dari semasa ke semasa. Semuanya, kemudian dinilai melalui Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) bagi mengukur tahap keberkesanannya atau pencapaian.

Selain itu, Johor Corporation juga telah mengambil beberapa tindakan proaktif dalam penyertaannya terhadap pembangunan di Pengerang. Ini boleh dilihat melalui kejayaannya menyediakan kerangka tadbir urus Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pengerang yang telah mula beroperasi secara rasmi pada 1 Januari 2017.

Penubuhan PBT Pengerang ini akan memperkemas dan memperkuatkukan lagi perjalanan pentadbiran di Pengerang yang kini merupakan zon perindustrian minyak dan gas (O&G) mega serta paling pesat di Asia. Saya yakin dengan penglibatan Johor Corporation dalam pembangunan di Pengerang itu, aspirasi Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk menjadikan Pengerang

sebagai Koridor Ekonomi Timur Johor akan dapat direalisasikan. Insya-Allah.

Dalam masa sama, penglibatan Johor Corporation dalam membuka beberapa zon perindustrian baharu di Johor juga diteruskan. Minat dan keyakinan pelabur asing dari Korea Selatan, Jepun dan China terhadap zon perindustrian Johor Corporation juga meningkat. Sepanjang 2016, sebagai sebuah agen pembangunan negeri, Johor Corporation telah berjaya membawa masuk pelaburan berjumlah RM6 bilion ke kawasan perindustriannya.

Di atas prestasi cemerlang itulah, Johor Corporation berjaya mencatat perolehan dan prestasi kewangan yang kukuh sepanjang 2016. Ini hingga membolehkannya menyumbang agihan tunai kepada Kerajaan Negeri Johor berjumlah RM11.2 juta serta ratusan juta lagi melalui pelaksanaan projek berkepentingan rakyat pada 2016.

Melangkah ke hadapan dan memasuki 2017, saya optimis Johor Corporation mampu meraih pencapaian cemerlang seterusnya. Dengan melihat senario ekonomi global, prestasi pasaran komoditi, peningkatan kecekapan, pengoptimuman sumber, penerokaan dalam bisnes baru serta perancangan yang teliti, Johor Corporation diyakini mampu untuk mendepani pelbagai cabaran yang mendarat serta terus mencatatkan prestasi membanggakan.

Akhir sekali, menerusi ruang ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Ismail Bin Karim di atas jasa bakti, panduan dan nasihat sepanjang tempoh menjadi Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation sehingga menamatkan khidmatnya serentak dengan persaraan beliau daripada jawatan Setiausaha Kerajaan Johor pada 29 Disember 2016. YB Dato' Haji Ismail juga merupakan tulang belakang jawatankuasa kerja bagi penubuhan PBT Pengerang.

Pada masa sama, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Haji Azmi Bin Rohani yang mengantikan kedua-dua jawatan tersebut.

Penghargaan dan terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Datuk Seri Dr Rahmat Bivi Binti Yusoff yang komited untuk memperkasakan Johor Corporation sehingga beliau menamatkan tugas sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation pada 1 April 2017 lalu.

Kepada 60,643 anggota pekerja dan barisan pengurusan Johor Corporation serta Kumpulan pula, terima kasih di atas dedikasi, kesetiaaan dan sentiasa bekerja keras untuk menjayakan misi dan visi organisasi untuk merealisasikan aspirasi negeri demi Bangsa Johor khususnya. Sesungguhnya semua kejayaan yang dikehendaki Johor Corporation pada hari ini merupakan sumbangan dan kerja keras daripada anda semua. Terima kasih sekali lagi.

Johor Corporation
20 Jun 2017

DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN

**MENTERI BESAR JOHOR MERANGKAP
PENGERUSI JOHOR CORPORATION**

Penyata Korporat



**SENARIO
EKONOMI 2016
SERTA STRATEGI
MENGEMUDI
CABARAN
PERSEKITARAN
EKONOMI DAN
SOSIO-EKONOMI**

**DATO'
KAMARUZZAMAN
BIN ABU KASSIM**

Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation

TAHUN 2016 diwarnai dengan pelbagai cabaran. Ketidakstetuan harga minyak mentah dan komoditi, tekanan ekonomi dan pasaran global, faktor nilai matawang, pergelangan dan proses peralihan kuasa di beberapa negara asing, perubahan cuaca, kegagalan mewujudkan kluster ekonomi global dan sebagainya telah memberi impak kepada Malaysia.

Penyata Korporat

Pada masa sama, Malaysia tidak terlepas daripada cabaran ekonomi dan sosio-ekonominya sendiri. Faktor kejatuhan nilai Ringgit, isu pergantungan kepada buruh asing, persepsi masyarakat, modal insan, pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (*Goods and services tax*), kenaikan kos produk import, operasi, perkhidmatan dan sara hidup serta pengurangan eksport turut mempengaruhi lanskap ekonomi dan sosio-ekonomi negara. Ini mendorong kepada pembelian yang lebih berhati-hati sekaligus mencetuskan situasi bisnes yang mendebarakan.

Senario VUCA (*Volatile, Uncertain, Complex and Ambiguous*) yang mengundang ketidaktentuan, ketidakpastian, kerumitan dan kesamaran adalah tema utama dan realiti kepada semua pihak sepanjang 2016. Sebagai sebuah institusi ekonomi, Johor Corporation terkena tempias fenomena tersebut. Cabaran dari dalam dan luar negara yang dimangkin oleh faktor VUCA sedikit sebanyak mempengaruhi prestasi Johor Corporation. Bagaimanapun, institusi ini membuktikan bahawa ia masih utuh dan mampu menangani cabaran sepanjang 2016.

Johor Corporation juga telah menjangkakan kesan VUCA yang akan memuncak pada 2016 selain tahap ketidaktentuan persekitaran domestik, serantau dan global. Menyedari impak semua elemen itu, Johor telah menyediakan strategi yang komprehensif, ampuh dan kukuh untuk mendepaninya. Maka, terhasil Perancangan Strategik Johor Corporation 2016-2020, yang melibatkan semua divisyen dalam Johor Corporation dan bisnes teras syarikat Kumpulan.

Hasilnya, dalam banyak aspek, Johor Corporation telah mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi dan berjaya ketika menongkah arus mengharungi iklim ekonomi semasa. Bagi 2016, Johor Corporation telah menggariskan lima strategi berikut:

- (i) Mencapai aspirasi *Zero Gearing* dengan menjana keuntungan dan penstrukturkan bisnes.
- (ii) Memangkin pertumbuhan ekonomi Negeri Johor.
- (iii) Mencetus impak positif melalui aktiviti-aktiviti tanggungjawab korporat.
- (iv) Meningkatkan daya saing, kecekapan dan keberhasilan impak melalui inovasi; dan
- (v) Meningkatkan kecekapan pelaksanaan pengurusan fiskal dan kewangan serta mengukuhkan tadbir urus.



Johor Corporation juga telah menjangkakan kesan VUCA yang akan memuncak pada 2016 selain tahap ketidaktentuan persekitaran domestik, serantau dan global. Menyedari impak semua elemen itu, Johor telah menyediakan strategi yang komprehensif, ampuh dan kukuh untuk mendepaninya. Maka, terhasil Perancangan Strategik Johor Corporation 2016-2020, yang melibatkan semua divisyen dalam Johor Corporation dan bisnes teras syarikat Kumpulan.

PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN 2016

PEROLEHAN

RM5,355
JUTA

KEUNTUNGAN
SEBELUM CUKAI

RM541
JUTA

KEUNTUNGAN
SELEPAS CUKAI

RM415
JUTA

Penyata Korporat



Strategi di atas dirangka kerana menyedari trajektori iklim ekonomi 2016. Selain itu, pendekatan mempelbagaikan bisnes, penerapan prinsip *musyawwarah* dan amalan tadbir urus serta kegigihan warga Johor Corporation menjalankan tugas dengan penuh amanah adalah antara faktor tambahan yang menyumbang kepada kesinambungan Johor Corporation.

PRESTASI KEWANGAN

Berlatarbelakangkan senario ekonomi global dan domestik yang mencabar, prestasi kewangan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir Disember 2016 merupakan sesuatu yang boleh dibanggakan.

Di peringkat entiti, Johor Corporation mencatatkan kemerosotan dengan perolehan sebanyak RM288

juta dan mengumpulkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM112 juta. Di peringkat Kumpulan pula, ia mencatat peningkatan perolehan berjumlah RM5.355 bilion berbanding RM5.306 bilion pada 2015 manakala keuntungan sebelum cukai adalah sebanyak RM541 juta – menokok RM42 juta berbanding RM499 juta tahun sebelumnya. Tunjang utama penjanaan hasil Johor Corporation ialah komoditi yang terdiri daripada kelapa sawit, minyak dan gas selain penjagaan kesihatan, pembangunan industri, harta tanah serta bisnes makanan dan perkhidmatan restoran.

Prestasi Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) secara amnya tidak terlalu digugat oleh faktor VUCA. Ini berikutan peningkatan perolehan Kulim bagi Tahun Kewangan Berakhir Disember 2016 berjumlah RM1.61 bilion berbanding RM1.47 bilion pada

2015. Hasil tuaian turut bertambah berikutan perluasan saiz kawasan tanaman kepada 56,921 hektar selain kewujudan bisnes sokongan dan pelengkap serta tahap kecekapan dan produktiviti yang tinggi telah menyumbang kepada keberhasilan tersebut.

Tahap pencapaian yang memberangsangkan turut dikecapi KPJ Healthcare Berhad (KPJ). Bisnes kesihatan pakar itu mencatatkan perolehan tahunan berjumlah RM3.02 bilion. Ia membuka lembaran baharu bagi KPJ yang buat pertama kalinya mencatatkan pendapatan tertinggi melebihi paras RM3 bilion. Prestasi ini mencerminkan keberkesanan, keutuhan dan daya tahan model bisnes KPJ yang menyumbang laba lumayan berikutan strategi bisnes yang berkesan dengan disokong tahap komitmen yang tinggi.

Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran turut mencatatkan prestasi positif. KFC Malaysia mencapai pertumbuhan 12.30% kepada RM2.37 bilion pada 2016 daripada RM2.11 bilion yang direkodkan pada 2015. Dengan mempelbagaikan menu sepanjang 2016, KFC Malaysia mengalami pertumbuhan jualan dan transaksinya. Untuk rekod, KFC kekal sebagai sebuah rangkaian restoran terbesar di Malaysia dengan 667 restoran di seluruh negara, selain 86 lagi di Singapura, Brunei (16) dan Kemboja (12).

Pizza Hut Malaysia pula mengalami sedikit kemerosotan iaitu sebanyak 1% dan menyaksikan penurunan hasil jualan kepada RM474.60 juta pada 2016 berbanding RM479.30 juta tahun sebelumnya. Bagaimanapun, Pizza Hut Malaysia yakin akan mencapai keuntungan tambahan pada 2017. Ini mampu direalisasikan melalui beberapa siri kempen dan promosi yang diatur selain melakukan penambahbaikan premis. Pizza Hut Malaysia pada 2016 membariskan 392 outlet manakala 80 lagi di Singapura.

Penyata Korporat

Prestasi Divisyen Hartanah pada 2016 menyaksikan Johor Land Berhad (JLand) mencatatkan perolehan RM346 juta berbanding RM505 pada 2015. Ini berikutan ketidakstabilan ekonomi domestik dan serantau yang secara tidak langsung mempengaruhi pengguna dan memberi kesan negatif kepada prestasi syarikat. Namun lembaran imbalan JLand pada asasnya kekal kukuh dengan aset ketara bersih meningkat kepada RM1.29 bilion berbanding RM1.14 bilion bagi tempoh sama.

Divisyen Pembangunan Industri melalui beberapa anak syarikatnya pula telah melaksana dan memperkuahkan peranan Johor Corporation selaku agen pembangunan perindustrian di Johor. Divisyen itu telah memajukan 31 zon perindustrian di Negeri Johor dengan keluasan 5,827.47 hektar. Johor Corporation juga setakat 2016, telah menarik pelaburan hampir RM63 bilion melibatkan 1,804 pelabur dan mewujudkan 184,000 peluang pekerjaan di zon-zon perindustrian yang dibangunkan. Bagi tempoh 2016, Johor Corporation menarik pelaburan berjumlah RM6 bilion ke Johor.

Perolehan hasil dan prestasi kukuh kewangan Johor Corporation yang dimungkin oleh langkah-langkah meningkatkan kadar kecekapan dan pengoptimuman telah membolehkan institusi ini menyumbang agihan tunai kepada Kerajaan Negeri Johor berjumlah RM11.2 juta pada 2016.

EKUITI & ASET KUKUH

Dari segi aset, Johor Corporation dan Kumpulan merekodkan pengukuhan apabila masing-masing mencatatkan pemilikan bernilai RM7.035 bilion dan RM20.889 bilion pada 2016 berbanding RM6.643 bilion dan RM20.606 bilion.

Kekuahan turut dipaparkan apabila Johor Corporation memiliki ekuiti bernilai RM1.969 bilion berbanding RM1.870 bilion pada 2015. Bagaimanapun, pemilikan ekuiti di peringkat Kumpulan merosot kepada RM7.787 bilion daripada RM9.2 bilion pada 2015.



RM20
BILION GDV IIBD

RM7.035
BILION NILAI ASET
JOHOR CORPORATION

RM20.889
BILION NILAI ASET
KUMPULAN

PERISTIWA KORPORAT

Karnival JCOP lengkap lima siri apabila acara terakhir dianjurkan pada 14 hingga 17 Mei 2016. Lebih manis lagi, karnival itu diangkat sebagai lokasi persinggahan konvoi program Kembara Mahkota Johor 2016 yang diketuai Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim di Dataran Bandaraya Johor Bahru, pada 17 Mei 2016.

Projek Ibrahim International Business District (IIBD) turut menerima sentuhan istimewa Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor apabila Baginda berkenan bercemar duli berangkat melancarkan penjenamaan IIBD pada 21 November 2016 bagi memacu strategi pembangunan dan pelaburan dalam zon itu.

IIBD adalah cetusan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan pembangunan zon itu dilaksanakan Johor Corporation dengan kerjasama Kerajaan Negeri Johor dan Majlis Bandaraya Johor Bahru. Pembangunannya melibatkan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) bernilai RM20 bilion sehingga RM25 bilion dan bakal merubah lanskap Pusat Bandaraya Johor Bahru menjadi pusat perdagangan antarabangsa. IIBD juga bakal menjadi jenama ekonomi Johor selain Pengerang dan Iskandar Malaysia.

Penyata Korporat



Komitmen Johor Corporation dari aspek keusahawanan ialah pembangunan Persada Annex yang akan menyediakan ruang niaga kepada usahawan Bumiputera untuk peringkat premium.

Sementara itu, Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor pula telah berkenan bercemar duli berangkat bagi menyempurnakan Majlis Penutup Program *Raja Zarith Sofiah Wildlife Defenders Challenge 2016* di Persada Johor pada 24 Oktober 2016.

Program ini adalah cabang tanggungjawab korporat Johor Corporation yang menumpu kepada aspek pendidikan terhadap pemuliharaan alam sekitar melalui inisiatif *Go Green - Johor Corporation*.

Melalui ruangan ini, Johor Corporation dengan penuh takzim Merafak Sembah Menjunjung Kasih Ke Bawah DYMM Sultan Johor dan DYMM Permaisuri Johor yang berkenan bercemar duli bagi menyempurnakan majlis tersebut.

Selain itu, Johor Corporation terus komited terhadap inisiatifnya untuk memartabatkan tulisan Jawi di negara ini. Selepas menaja penerbitan akhbar Jawi dengan Utusan Malaysia pada 2015, penajaan untuk tahun kedua diteruskan bagi tempoh 52 minggu bermula September 2016 hingga September 2017. Kali ini Johor Corporation menaja percetakan akhbar Jawi sebanyak 5,000 naskhah setiap minggu berbanding 10,000 naskhah pada 2015. Johor Corporation melakukan inovasi bagi penajaan kali ini apabila sebahagian lagi komitmen penajaan digunakan untuk membangunkan sebuah portal berita Jawi yang boleh diakses di mana-mana sahaja melalui www.utusanmelayu.com.my sekaligus membolehkan lebih ramai pelajar mengakses bahan bacaan tersebut. Projek ini mencipta sejarah apabila ia menjadi portal pertama dalam tulisan Jawi.

Peristiwa manis dan penting lain mewarnai dunia korporat Johor Corporation ialah kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri yang menyempurnakan Majlis Perasmian UTC Johor dan Klinik Waqaf An-Nur & Pusat Dialisis di Galleria@

Kotaraya, Johor Bahru. Hadir sama, Timbalannya, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, pada 6 Mac 2016. Perdana Menteri sekali lagi menerima jemputan Johor Corporation apabila sudi untuk merasmikan projek prasarana sukan bertaraf antarabangsa – Arena Larkin yang akan dibina oleh Johor Corporation dengan kos RM350 juta, pada 5 Disember 2016.

Projek ini adalah sumbangan Johor Corporation kepada pembangunan sukan peringkat negeri selain meningkatkan kesedaran rakyat supaya mengamalkan gaya hidup sihat serta arena melahirkan komuniti jaguh dalam pelbagai acara sukan.

Tempoh sama turut menyaksikan Johor Corporation berjaya menarik pelaburan berjumlah RM1.5 bilion daripada Kumpulan Lotte berpangkalan di Korea Selatan. Melalui misi pelaburan diketuai Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor ke Seoul pada 23 September lalu, Negeri Johor turut menerima pelaburan tambahan RM500 juta daripada syarikat kecantikan terkemuka negara itu – Amore Pacific.

Penyata Korporat



Bersempena dengan Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) di Jakarta, Indonesia pada 2 Ogos 2016 pula, Johor Corporation menerusi Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd menandatangani dokumen Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Sojitz Corporation dan Capital Medica Co Ltd dari Jepun.

Johor Corporation adalah entiti paling awal menterjemahkan komitmen dalam merealisasikan aspirasi kerajaan negeri bagi melaksanakan program Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) apabila menyerahkan 304 unit daripada 7,599 unit yang perlu dibina bagi tempoh 2013-2032. Sebanyak 2,122 unit lagi RMMJ masih dalam pembinaan sepanjang 2016. Sejumlah 320 unit RMMJ juga akan dibina melalui projek Pembangunan Bandar Baru Majidee yang dilancarkan 1 September 2016. Secara keseluruhannya, projek itu mensasarkan pembinaan 3,968 unit kediaman pelbagai jenis.

PENGLIBATAN DI PENGERANG

Komitmen Johor Corporation di Pengerang semakin ketara pada 2016. Pertama, kerajaan negeri meletakkan kepercayaan dan keyakinan kepada Johor Corporation selaku pihak yang bertanggungjawab menyediakan kerangka organisasi penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pengerang seterusnya menjadi pentadbirnya berkuatkuasa 1 Januari 2017.

Sebelum ini, Johor Corporation diberi kepercayaan menjadi pentadbir PBT Pasir Gudang bagi tempoh 1977-2009. Testimoni penglibatan Johor Corporation ialah PBT Pasir Gudang berjaya dibangunkan menjadi sebuah perbandaran industri terbesar di Malaysia dengan tiga kluster utama iaitu zon perindustrian, perumahan dan pusat bandar dengan lebih 400 kilang beroperasi di situ.

Komitem lain ialah rancangan membangunkan kawasan seluas 3,160 hektar di Sungai Papan yang mesra alam dan menitikberatkan kelestarian. Pembangunan jangka panjang sehingga lebih 20 tahun itu dijangka mensasarkan penjanaan 95,000 peluang pekerjaan dan pembinaan 60,000 unit kediaman pelbagai jenis.

ANUGERAH & PENGKTIRAFAN

Kejayaan Johor Corporation dan Kumpulan menghadapi cabaran ekonomi global mendapat pengiktirafan apabila memperolehi beberapa anugerah kecemerlangan sepanjang 2016. Ataranya, Al-'Aqar Healthcare REIT memenangi anugerah *Highest Returns To Shareholders Over Three Years – REIT Sector* dari Kumpulan The Edge Media. Selepas itu, Kulim menerima Anugerah Pulangan Tertinggi Ke Atas Ekuiti Lebih Tiga Tahun dan Pertumbuhan Tertinggi dalam Keuntungan Sebelum Cukai Lebih Tiga Tahun Bagi Sektor Perladangan pada malam *The Edge-Billion Ringgit Dollar Club & Corporate Awards 2016*.

MEMPERKASA KEUSAHAWANAN

Johor Corporation terus komited dalam memperkasakan bidang keusahawanan melalui Skim Intrapreneur serta program Biziswa dan Bistari. Sehingga 31 Disember 2016, terdapat 34 syarikat disenaraikan dalam skim tersebut yang mencatatkan perolehan berjumlah RM420 juta dan keuntungan sebelum cukai secara keseluruhan sebanyak RM10 juta.

Bagi 2016, dua syarikat baru usahawan Intrapreneur ditubuhkan di bawah Kumpulan KPJ, masing-masing bagi mengendalikan aktiviti-aktiviti bisnes 'Central Kitchen' dan pengurusan acara. Di peringkat Johor Corporation pula, sebuah syarikat telah ditubuhkan bagi menerajui aktiviti agrobisnes iaitu penanaman Cili Bangi bagi melahirkan usahawantani.

Pelaksanaan Skim Intrapreneur Johor Corporation merupakan pendekatan unik yang memenuhi ketiga-tiga mandat utamanya institusi iaitu bisnes, pembangunan ekonomi negeri dan tanggungjawab korporat. Mengambil kira kepentingan keusahawanan dan industri kecil dan sederhana sebagai satu faktor pemacu ekonomi, Johor Corporation telah mengambil langkah menyemak dasar-dasar dan prosedur-prosedur Skim Intrapreneur sedia ada. Versi Skim Intrapreneur 2.0 akan diperkenalkan pada 2017.



Penyata Korporat



Johor Corporation turut memperkenalkan Program Bizsiswa pada 2016. Program ini melibatkan 62 peserta Universiti Teknologi Mara, KFCH International College dan KPJ University College. Di bawah seliaan Johor Corporation, sebanyak 12 bisnes baharu melalui wadah perkongsian telah ditubuhkan. Bisnes tersebut menjana jualan sebanyak RM74,794.

Johor Corporation juga menganjurkan Program Keusahawanan Bistari melibatkan 1,050 pelajar dari 70 sekolah menengah dan 1,000 murid dari 100 sekolah rendah bagi tempoh 1992-2016. Seterusnya, seramai 20,725 pelajar dari 181 sekolah menengah menyertai Program Tunas Bistari bagi tempoh sama. Program Didik Bistari pula melibatkan 9,410 murid dari 154 sekolah rendah bagi tempoh 2005-2016. Program Bistari diwujudkan ke arah menyemai pengetahuan asas berhubung bisnes dan menyemai minat keusahawanan di kalangan generasi muda.

TAKRIFAN SEMULA FALSAFAH JOHOR CORPORATION

Falsafah ikonik Johor Corporation iaitu 'Membina dan Membela' mula digunakan sejak 1970. Falsafah tersebut serta tafsirannya merungkai aspirasi Johor Corporation ke arah melaksanakan mandat-mandatnya sebagai institusi ekonomi Negeri Johor. Pada 2016, Johor Corporation telah mengambil inisiatif mentakrifkan semula falsafah 'Membina dan Membela' untuk diselaraskan dengan lanskap ekonomi dan bisnes abad ke-21. 'Membina dan Membela 2.0' menggariskan 11 teras utama institusi iaitu:

- (i) Johor Corporation sebagai sebuah institusi ekonomi yang berteraskan ilmu dan berfikir.
- (ii) Memudahcara, bekerjasama dan bermusyawwarah.
- (iii) Mengamal dan menghayati prinsip serta nilai-nilai Islam.
- (iv) Inovasi dan teknologi memangkin peningkatan daya saing, produktiviti, nilai dan hasil.
- (v) Pengurusan dan operasi berteraskan tadbir urus korporat.
- (vi) Pelaksanaan agenda ekonomi berimbang dan mapan.
- (vii) Etika dan integriti sebagai amalan institusi serta modal insan.
- (viii) Institusi ekonomi yang cekap, responsif dan mengoptimumkan kos.

- (ix) Pewujudan hasil berorientasikan nilai dan impak yang tinggi.
- (x) Meletakkan semula kedudukan organisasi secara strategik (strategic repositioning) di peringkat nasional dan persada antarabangsa; dan
- (xi) Memungkin transformasi ekonomi Bumiputera.

Takrifan semula falsafah 'Membina dan Membela' disusuli dengan pengenalan Nilai Teras Johor Corporation 2.0 yang merangkumi Integriti, Profesional, Inovatif, Setia dan Berpasukan.

PELETAKAN SEMULA INSTITUSI SECARA STRATEGIK

Cetusan idea Misi Kesanambungan Bisnes dimulakan pada 2014. Misi itu digarap untuk membentuk pelan strategik institusi ke arah membolehkan Johor Corporation mengemudi lanskap ekonomi dan bisnes abad ke-21 secara berkesan. Dalam konteks tersebut, inovasi dan tanggungjawab korporat telah dikenalpasti sebagai dua faktor utama yang perlu diberi perhatian khusus. Justeru, Johor Corporation telah memperkenalkan dua pelan utama iaitu Rangka Kerja Strategik Inovasi dan Rangka Kerja Strategik Tanggungjawab Korporat.

Rangka Kerja Strategik Inovasi Johor Corporation telah diperkenalkan ke arah mewujudkan ekosistem inovasi yang kondusif. Rangka kerja tersebut mengandungi lima teras, 29 bidang utama, 52 polisi dan 24 projek. Rangka Kerja Strategik Tanggungjawab Korporat Johor Corporation pula diperkenalkan ke arah menjajarkan amalan tanggungjawab korporat Johor Corporation dengan perkembangan tanggungjawab korporat kontemporari. Rangka kerja itu mengandungi lima teras, 10 bidang utama, 29 polisi dan 20 projek. Pelaksanaan kedua-dua rangka kerja tersebut bermula pada April 2016 setelah diperakukan oleh Lembaga Pengarah Johor Corporation. Pelaksanaannya merangkumi tiga fasa iaitu 2016, 2017 dan 2018.

Penyata Korporat



Pelaksanaan semua polisi dan projek kedua-dua rangka kerja itu menyaksikan pengenalan falsafah Intrapreneur 2.0 dan Nilai Teras 2.0 (seperti diterangkan di atas), penstrukturkan semula organisasi dan fungsi divisyen dan jabatan, pembudayaan pendekatan Blue Ocean Strategy, penjajaran semula polisi dan proses penilaian bisnes dan pelaburan, perumusan konsep Intrapreneur 2.0, pengenalan pelan pengurusan bakat (*talent management masterplan*), pewujudan pelan bisnes untuk produk dan perkhidmatan berinovatif ke arah menjana Kekayaan Gelombang Baharu (*New-Wave Wealth Generation*) dan lain-lain.

SEKALUNG BUDI

Untuk meneruskan legasi kejayaan lalu dan memastikan pencapaian lebih baik pada masa akan datang, sudah semestinya Johor Corporation memerlukan sokongan semua pihak. Justeru, Johor Corporation merakamkan penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor, Kerajaan Persekutuan, pemegang kepentingan, semua badan berkaitan, pihak bank

dan penasihat kewangan selain pelanggan, rakan strategik serta pemegang kepentingan terbesar termasuk semua pemegang saham senarai awam dan institusi yang membuat pelaburan dalam Kumpulan yang telah menyatakan atau memberikan komitmen terhadap semua perancangan korporat mahupun transaksi bisnes sepanjang 2016.

Kepada seluruh Ahli Lembaga Pengarah, pastinya penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dirakamkan di atas segala sumbangan tidak ternilai yang dicurahkan. Begitu juga dengan panduan, kebijaksanaan serta kepakaran mereka - kami merakamkan ucapan yang sama.

Sumbangan mereka berjaya meletakkan Johor Corporation di persada kejayaan dan di atas landasan kukuh bagi meneruskan operasi bisnes, melunaskan obligasi sebagai agen pembangunan negeri serta memberikan perkhidmatan berkualiti sambil terus memperkuuh serta meluaskan rantaian nilai dan sinergi seluruh kegiatannya demi semua pemegang kepentingan mahupun Bangsa Johor amnya sepanjang 2016.

PENGHARGAAN

Johor Corporation adalah sebuah keluarga bersaiz mega. Seramai 60,643 anggota pekerja dan barisan pengurusan menumpahkan komitmen, kesetiaan mahupun dedikasi mereka kepada Johor Corporation serta 246 syarikat yang beroperasi pada 2016. Disiplin, etika dan nilai ahlak mereka yang tinggi serta iltizam yang menebal dalam diri seluruh anggota pekerja pun merupakan faktor kejayaan Johor Corporation dan Kumpulan. Mereka adalah modal, komoditi serta kekuatan sebenar entiti ini untuk terus kukuh bertapak serta berkeupayaan mengharungi persaingan, VUCA dan cabaran di pasaran.

Prestasi yang dicatatkan pada tahun ini dan kedudukan Johor Corporation di atas persada kejayaan adalah cerminan kemampuan seluruh anggota pekerja dalam memacu jentera operasi dan menata pengurusan organisasi secara tekun, profesional serta berintegriti. Semoga kejayaan ini berpanjangan pada tahun-tahun akan datang.

Langkah melaksanakan agenda Misi Kesinambungan Bisnes yang memfokus kepada inovasi dan tanggungjawab korporat adalah pendekatan strategik yang dimulakan kena pada masanya. Ini kerana inovasi dan kemampanan (*sustainability*) khususnya dalam arena bisnes sedang hangat dibincangkan manakala inisiatif ke arahnya sedang giat dijalankan. Tidak keterlaluan jika kita katakan bahawa kedua-dua komponen tersebut merupakan faktor pentru kejayaan sesuatu bisnes. Warga Johor Corporation perlu melengkapi diri masing-masing dengan pengetahuan inovasi dan tanggungjawab korporat ke arah terus memartabat institusi ekonomi ini.

Johor Corporation

20 JUN 2017

Profil & Maklumat Korporat

Pejabat Berdaftar

JOHOR CORPORATION

Level 11, Menara KOMTAR,
Johor Bahru City Centre,
80000 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Telefon : +607-219 2692

Faks : +607-223 3175

ISO Faks : +607-224 2692

Emel : pdnjohor@jcorp.com.my

Pejabat

JOHOR CORPORATION

CAWANGAN KUALA LUMPUR
Level 11, Menara JCorp
No 249 Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur, Malaysia.

Telefon : +603-27872692

Faks : +603-27872700

Juruaudit

PricewaterhouseCoopers

Level 16, Menara Ansar
Jalan Trus, Peti Surat 296
80730 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Bank Utama

MAYBANK

Lot M1-22, 106-108 City Square
Jalan Wong Ah Fook
80000 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Johor Corporation ditubuhkan sebagai sebuah perusahaan awam dan badan berkanun melalui Enakmen Perbadanan Johor Bil. 4, Tahun 1968 (Pindaan No. 5, Tahun 1995).

Sebagai sebuah konglomerat negeri, Johor Corporation melalui syarikat-syarikat dalam Kumpulannya menceburi bisnes utama merangkumi bisnes:

- KULIM - Kulim (Malaysia) Berhad.
- Kesihatan Pakar (Prisihatin) - KPJ Healthcare Berhad.
- Makanan & Perkhidmatan Restoran – QSR Brands (M) Holdings Bhd.
- Bisnes Intrapreneur.
- Hospitaliti.
- Pembangunan Hartanah - Johor Land Berhad, Damansara Assets Sdn Bhd, TPM Technopark Sdn Bhd & TLP Terminal Sdn Bhd, Al-'Aqar Healthcare REIT & Al-Salām REIT.

Johor Corporation menjadi peneraju pasaran tempatan dalam beberapa bisnes utama dan telah mengembangkan operasi ke seberang laut.

Bisnes KULIM memiliki operasi dan kepentingan bisnes di:

- Malaysia : 50,999 hektar
- Indonesia : 40,645 hektar

Bisnes Kesihatan Pakar yang diterajui melalui KPJ Healthcare Berhad di dalam negara, telah dikembangkan sehingga ke:

- Jakarta, Indonesia
- Brisbane, Australia
- Bangkok, Thailand
- Dhaka, Bangladesh

Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran pula melebar dari Malaysia ke:

- Singapura
- Brunei
- Kemboja

Empat Syarikat Tersenarai di Bursa Malaysia:


- KPJ Healthcare Berhad
- E.A. Technique (M) Berhad
- Al-Salām REIT
- Al-'Aqar Healthcare REIT



Untuk maklumat lanjut, sila layari: www.jcorp.com.my

JUMLAH SYARIKAT

332



BILANGAN SYARIKAT AKTIF DALAM KUMPULAN

239


JUMLAH ANGGOTA PEKERJA

60,643




(Nota: Sehingga 31 Disember 2016)

Struktur Bisnes & Korporat



- Perladangan ► Kesihatan Pakar ► Makanan & Perkhidmatan Restoran ► Hartanah ► Intrapreneur ► Perkapalan ► Pelabuhan/ Logistik ► RMMJ

Struktur Bisnes & Korporat



Lembaga Pengarah



1. **YAB DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN**
Menteri Besar Johor
Pengerusi Johor Corporation
2. **YBHG TAN SRI DR ALI BIN HAMSA**
Ketua Setiausaha Negara
Timbalan Pengerusi Johor Corporation
3. **YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**
Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation
4. **YB DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI**
Setiausaha Kerajaan Johor
5. **YB DATO' ISHAK BIN SAHARI**
Penasihat Undang-Undang Negeri Johor
6. **YB TUAN HAJI MOHD NASIR BIN ABD SALAM**
Pegawai Kewangan Negeri Johor

Lembaga Pengarah



7. **YBHG DATO' SITI ZAUYAH BINTI MD DESA**
Timbalan Ketua Setiausaha
Perbendaharaan (Dasar) Kementerian Kewangan
8. **YBHG DATO' AZMAN BIN MAHMUD**
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)
9. **YBHG DATUK DR HAFSAH BINTI HASHIM**
Ketua Pegawai Eksekutif
SME Corporation Malaysia

10. **YB DATUK HAJI MD JAIS BIN HAJI SARDAY**
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan & Kerajaan
Tempatan Negeri Johor
11. **YBHG ENCIK IZADDEEN BIN DAUD**
Pengerusi Jawatankuasa Audit
Lembaga Pengarah Johor Corporation
12. **ENCIK ALFADZILAH BIN HAJI MAT ARIS**
Setiausaha Johor Corporation



Untuk maklumat lanjut, sila layari:
www.jcorp.com.my

Profil Lembaga Pengarah

1.  **YAB DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN**
Menteri Besar Johor
Pengerusi Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 14 Mei 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Menteri Besar Johor.

2.  **YBHG TAN SRI DR ALI BIN HAMSA**
Ketua Setiausaha Negara
Timbalan Pengerusi Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mulai 1 November 2009 mewakili Kerajaan Persekutuan. Mulai 1 November 2011 beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan juga Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Oklahoma State University pada 1997, Ijazah Sarjana Ekonomi dari Oklahoma State University pada 1986, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1979 dan Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara pada 1980. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri.

3.  **YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**
Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif dan Pengarah Johor Corporation mulai 1 Disember 2010. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari Universiti Wollongong, New South Wales, Australia pada 1987. Sebelum ini, beliau menjalankan tugas selaku Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Operasi Johor Corporation mulai 1 Ogos 2006 sebelum dilantik selaku Naib Presiden Kanan, Kewangan dan Khidmat Korporat pada 1 Januari 2010 dan sebagai Pemangku Presiden & Ketua Eksekutif mulai 29 Julai 2010.

4.  **YB DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI**
Setiausaha Kerajaan Johor

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 1 Januari 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2004 dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Ekonomi & Pengurusan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1990. Beliau kini merupakan Setiausaha Kerajaan Johor.

5.  **YB DATO' ISHAK BIN SAHARI**
Penasihat Undang-Undang Negeri Johor

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 1 Januari 2014. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1986. Beliau kini merupakan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.

6.  **YB TUAN HAJI MOHD NASIR BIN ABD SALAM**
Pegawai Kewangan Negeri Johor

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 20 Jun 2015. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1983. Beliau kini merupakan Pegawai Kewangan Negeri Johor.

Profil Lembaga Pengarah

- 7.**  **YBHG DATO' SITI ZAUYAH BINTI MD DESA**
Timbalan Ketua Setiausaha
Perbendaharaan (Dasar) Kementerian Kewangan
- Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 11 Mac 2013. Beliau berkelulusan Sarjana Perbankan Antarabangsa dari University of Manchester, United Kingdom, Sarjana Muda Sains Ukur Bahan (Kepujian) dari University of Reading, United Kingdom dan Diploma Pentadbiran Awam dari INTAN. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan.
- 8.**  **YBHG DATO' AZMAN BIN MAHMUD**
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Pelaburan
Malaysia (MIDA)
- Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Mac 2016. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari Universiti Putra Malaysia. Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).
- 9.**  **YBHG DATUK DR HAFSAH BINTI HASHIM**
Ketua Pegawai Eksekutif
SME Corporation Malaysia
- Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Disember 2013. Mulai 1 Disember 2015 beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan dari Universiti Sains Malaysia dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Aston University, United Kingdom. Beliau kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corporation Malaysia.
- 10.**  **YB DATUK HAJI MD JAIS BIN HAJI SARDAY**
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan
Kerajaan Tempatan Negeri Johor
- Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 1 September 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor.
- 11.**  **YBHG ENCIK IZADDEEN BIN DAUD**
Pengerusi Jawatankuasa Audit
Lembaga Pengarah Johor Corporation
- Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 1 September 2013. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Perakaunan dan Undang-Undang (Kepujian) dari De Montfort University, Leicester, United Kingdom pada 1991. Beliau juga adalah Ahli Lembaga Pengarah Iskandar Investment Berhad, Permodalan Darul Takzim dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor.
- 12.**  **ENCIK ALFADZILAH BIN HAJI MAT ARIS**
Setiausaha Johor Corporation
- Beliau dilantik sebagai Setiausaha Johor Corporation mulai 1 Mac 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi) dari Universiti Teknologi Malaysia. Beliau mula berkhidmat di Johor Corporation mulai 16 Oktober 1995. Kini beliau memegang jawatan sebagai Pengurus Kanan, Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif, Johor Corporation.

Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah

**PENGURUSI**

1. **YBHG ENCIK IZADDEEN
BIN DAUD**
Pengarah Bebas

AHLI-AHLI

2. **YB TUAN HAJI MOHD NASIR
BIN ABDUL SALAM**
Pegawai Kewangan Negeri Johor

3. **YBHG DATUK DR HAFSAH
BINTI HASHIM**
Ketua Pegawai Eksekutif
SME Corporation Malaysia

4. **PUAN HAJAH ZAINAH
BINTI MUSTAFA**
Ahli Bebas

SETIAUSAHA

5. **ENCIK ONN BIN
ISMAIL**
Naib Presiden
Divisyen Tadbir Urus
& Ekosistem Bisnes

Jemaah Lembaga Tawaran dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding

**PENGURUSI**

1. **YB DATO' HAJI AZMI
BIN ROHANI**
Setiausaha Kerajaan Johor

AHLI-AHLI

2. **YB TUAN HAJI MOHD
NASIR BIN ABD
SALAM**
Pegawai Kewangan
Negeri Johor

3. **YB DATO'
KAMARUZZAMAN
BIN ABU KASSIM**
Presiden & Ketua Eksekutif
Johor Corporation

4. **TUAN HAJI ZULKIFLI
BIN IBRAHIM**
Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif
Divisyen Pembangunan Industri/
Pengarah Urusan
TPM Technopark Sdn Bhd

SETIAUSAHA

5. **TUAN HAJI ABDUL
RAHIM BIN MUSTAFA**
Timbalan Pengurus Besar
Unit Tanah
Divisyen Pembangunan
Industri

Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (Teraju)



PENGURUSI

- YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**
Presiden & Ketua Eksekutif



AHLI-AHLI

- TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM**
Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif
Divisyen Pembangunan Industri/
Pengarah Urusan
TPM Technopark Sdn Bhd
- TUAN HAJI LUKMAN BIN HAJI ABU BAKAR**
Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif
Divisyen Hartanah/
Pengarah Urusan
Johor Land Berhad
- YBHG DATO' AMIRUDDIN BIN ABDUL SATAR**
Presiden/Pengarah Urusan
KPJ Healthcare Berhad



- TUAN HAJI JAMALUDIN BIN MD ALI**
Naib Presiden Kanan
Divisyen Tanggungjawab Korporat
- TUAN HAJI ZULKIFLY BIN ZAKARIAH**
Pengarah Eksekutif
Divisyen Perladangan
Kulim (Malaysia) Berhad
- ENCIK ONN BIN ISMAIL**
Naib Presiden
Divisyen Tadbir Urus & Ekosistem
Bisnes

Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (Teraju)



- 8. TUAN HAJI MOHD SAHIR BIN RAHMAT**
Naib Presiden
Divisyen Pembangunan Bisnes
- 9. ENCIK MOHAMAD SALLEH BIN MOHAMAD YUSOF**
Naib Presiden
Divisyen Kewangan Kumpulan
- 10. YM UNGKU HARUN AL 'RASHID BIN AHMAD**
Naib Presiden
Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan



11. ENCIK WAN AZMAN BIN ISMAIL
Pengarah Eksekutif
Damansara REIT Managers Sdn Bhd/
Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan &
Penstrukturkan Korporat



12. PUAN ROZANA BINTI RUSLI
Naib Presiden
Divisyen Kemajuan ICT



SETIAUSAHA BERSAMA
13. ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR
Pengurus Besar
Jabatan Hal Ehwal Korporat
Kulim (Malaysia) Berhad



14. ENCIK ALFADZILAH BIN HAJI MAT ARIS
Setiausaha Johor Corporation
Pengurus Kanan
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

Jawatankuasa Teraju Korporat



PENGURUSI

- 1. YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**
Presiden & Ketua Eksekutif



TIMBALAN PENGURUSI

- 2. TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM**
Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif
Divisyen Pembangunan Industri/
Pengarah Urusan
TPM Technopark Sdn Bhd



AHLI-AHLI

- 3. TUAN HAJI LUKMAN BIN HAJI ABU BAKAR**
Naib Presiden Kanan/Ketua Eksekutif
Divisyen Hartanah
Pengarah Urusan Johor Land Berhad

- 4. TUAN HAJI JAMALUDIN BIN MD ALI**
Naib Presiden Kanan
Divisyen Tanggungjawab Korporat

- 5. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDUL SAMAD**
Naib Presiden
Teknikal & Pra Pembangunan
Divisyen Pembangunan Industri
Pengarah Eksekutif
TPM Technopark Sdn Bhd



- 6. TUAN HAJI YUSAINI BIN SIDEK**
Naib Presiden
Hartanah Komersil
Divisyen Hartanah/Pengarah Eksekutif
Damansara Assets Sdn Bhd

- 7. TUAN HAJI MOHD SAHIR BIN RAHMAT**
Naib Presiden
Divisyen Pembangunan Bisnes

- 8. TUAN HAJI BUKHARI BIN ABDUL RAHMAN**
Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan
Pengerang

Jawatankuasa Teraju Korporat



9. ENCIK JOHARI SUKRI BIN JAMIL
Naib Presiden
Perhubungan Bisnes & Pemasaran
Divisyen Pembangunan Industri/
Pengarah Eksekutif
TLP Terminal Sdn Bhd

**10. YM UNGKU HARUN AL 'RASHID
BIN AHMAD**
Naib Presiden
Divisyen Pengurusan Sumber
Manusia Kumpulan

**11. ENCIK MOHAMAD SALLEH BIN
MOHAMAD YUSOF**
Naib Presiden
Divisyen Kewangan Kumpulan

**12. ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU
BAKAR**
Pengurus Besar
Jabatan Hal Ehwal Korporat
Kulim (Malaysia) Berhad

13. PUAN WAN SU BINTI ALI
Pengurus Besar/Pemangku Ketua
Jabatan Kesetiausahaan Syarikat
Kumpulan & Undang-Undang
Kumpulan



**14. PUAN RABIATUL ADAWIAH
BINTI ADNAN**
Pengurus Besar
Jabatan Pengurusan & Khidmat
Hartanah



**15. PUAN HAJAH NORISHAH BINTI
MOHD SETH**
Pengurus Besar
Waqaf An-Nur Corporation Berhad

Jawatankuasa Teraju Korporat



16. ENCIK MOHD BAHRIN BIN BAKRI
Pengurus Besar
Jabatan Kewangan & Strategik
Kewangan Kumpulan



17. ENCIK ABDUL SHUKOR BIN ABDULLAH
Pengurus Besar
Jabatan Khidmat Korporat
Kulim (Malaysia) Berhad



18. PUAN HAJAH AZIAH BINTI AHMAD
Pengurus Besar
Jabatan Pemantauan & Nasihat
Kewangan Kumpulan



19. ENCIK SHAF'E'I BIN SULAIMAN
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Pengurusan dan
Pemantauan Bisnes



SETIAUSAHA BERSAMA
20. TUAN HAJI JAMALLUDIN BIN KALAM
Timbalan Pengurus Besar/
Pemangku Ketua Jabatan
Kesetiausahaan Syarikat Kumpulan



21. CIK HAJAH NOOR LINDA BINTI IBRAHIM
Pengurus
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif/
Penolong Setiausaha Johor
Corporation

Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)



PENGURUSI

1. **TUAN HAJI MOHD SAHIR BIN RAHMAT**
Naib Presiden
Divisyen Pembangunan Bisnes



TIMBALAN PENGURUSI I

2. **ENCIK MOHAMAD SALLEH MOHAMAD YUSOF**
Naib Presiden
Divisyen Kewangan Kumpulan

TIMBALAN PENGURUSI II

3. **PUAN RABIATUL ADAWIAH BINTI ADNAN**
Pengurus Besar
Jabatan Pengurusan & Khidmat Hartanah



AHLI-AHLI

4. **TUAN HAJI MOHD HIZAM BIN ABDUL RAUF**
Pengurus Besar
Johor Land Berhad
5. **ENCIK MD ZIN BIN MD YASIN**
Pengurus Besar Kanan
Damansara Assets Sdn Bhd
6. **TUAN HAJI JAMALLUDIN BIN KALAM**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Kesetiausahaan Syarikat

Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)



- 7. ENCIK MOHD FADZIL BIN MOHD NOOR**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Pentadbiran
- 8. CIK NARIMAH BINTI ABDULLAH**
Timbalan Pengurus Besar
TPM Technopark Sdn Bhd
- 9. PUAN HAJAH ROHANA BINTI MD TAHIR**
Timbalan Pengurus Besar
Jabatan Pembangunan Bisnes



- 10. ENCIK MOHD FARID BIN ABDULLAH**
Pengurus Besar
Divisyen Kemajuan ICT
- 11. TUAN HAJI MD ARIS BIN AMIN**
Pengurus Kanan
Divisyen Tanggungjawab Korporat
- 12. ENCIK MOHD KAMAL BIN AHMAD**
Pengurus Kanan
Jabatan Komunikasi Strategik



- 13. PUAN NINA SAPURA BINTI RAHMAT**
Pengurus Kanan
Jabatan Strategi Korporat Kumpulan
- 14. PUAN JULIAH BINTI YON**
Pengurus Kanan
Jabatan Nilai & Budaya
- 15. PUAN NURUL AIDEA BINTI SENIN**
Pengurus
Jabatan Undang-Undang Kumpulan

Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)



16. PUAN ZARINA BINTI ISMAIL
Pengurus
Jabatan Kewangan & Strategi
Kewangan Kumpulan

17. PUAN SUHAINI BINTI TAIB
Pengurus
Jabatan Pengurusan Modal
Insan – Operasi

18. PUAN ANISAH BINTI RAMDAN
Pengurus
Divisyen Tadbir Urus &
Ekosistem Bisnes



**19. ENCIK MOHAMAD RIZA
BIN ABDUL HALIM**
Pengurus
Jabatan Pengurusan & Khidmat
Hartanah

20. ENCIK ROHAIME BIN ROSPLUJI
Timbalan Pengurus
Jabatan Percukaian & Insurans
Kumpulan

21. PUAN YUS ZIANA BINTI SELAMAT
Eksekutif Kanan
Jabatan Perakaunan Kumpulan



SETIAUSAHA BERSAMA
**22. ENCIK MOHD FADZLI
BIN ABU BAKAR**
Eksekutif Kanan
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif



23. CIK NUR IZZATI BINTI AZMAN
Eksekutif
Jabatan Kesetiausahaan Syarikat
Kumpulan

Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)



PENGURUSI

1. **ENCIK WAN AZMAN BIN ISMAIL**
Pengarah Eksekutif
Damansara REIT Managers Sdn Bhd



AHLI-AHLI

2. **YBHG DATO' AMIRUDDIN BIN ABDUL SATAR**
Presiden/Pengarah Urusan
KPJ Healthcare Berhad



3. **TUAN HAJI AMINUDIN BIN DAWAM**
Pengarah Eksekutif
KPJ Healthcare Berhad



4. **TUAN HAJI BUKHARI BIN ABDUL RAHMAN**
Yang Dipertua
Pihak Berkusa Tempatan
Pengerang



5. **ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR**
Pengurus Besar
Jabatan Hal Ehwal Korporat
Kulim (Malaysia) Berhad



6. **PUAN RABIATUL ADAWIAH BINTI ADNAN**
Pengurus Besar
Jabatan Pengurusan & Khidmat Hartanah

Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)



7. ENCIK MOHD BAHRIN BIN BAKRI
Pengurus Besar
Jabatan Kewangan & Strategi
Kewangan Kumpulan



8. ENCIK MOHD FAIZAL BIN ABDULLAH
Pengurus Besar
Jabatan Strategi Korporat Kumpulan



9. PUAN HAJAH ANDEK NOOR HUDAYAH BINTI BACHOK
Pengurus
Jabatan Undang-Undang Kumpulan



10. ENCIK YUSRI BIN ALI
Ahli Jawatankuasa
JCorp Intrapreneur (M) Berhad



SETIAUSAHA
11. ENCIK MUHAMMAD ASHRAF BIN MOHD YUNUS
Eksekutif Kanan
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

Ulasan Kewangan

Amaun dalam RM Juta

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|--------------|-------|-------------------|------|
| | 2016 | 2015 | 2016 | 2015 |
| Hasil | 5,355 | 5,306 | 288 | 574 |
| Keuntungan kasar | 1,722 | 1,519 | 232 | 453 |
| EBITDA* | 1,367 | 1,291 | 265 | 415 |
| Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan | 541 | 499 | 112 | 262 |
| Cukai pendapatan | (126) | (118) | 8 | (56) |
| Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai | 415 | 381 | 120 | 206 |
| Keuntungan daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai | - | 1,316 | - | - |
| Keuntungan bersih selepas cukai | 415 | 1,697 | 120 | 206 |






**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA DISEMBER 2016**

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|------------------------------------|---------------|--------|-------------------|-------|
| | 2016 | 2015 | 2016 | 2015 |
| Aset bukan semasa | 15,648 | 15,256 | 5,483 | 5,630 |
| Aset semasa | 5,241 | 5,350 | 1,552 | 1,013 |
| Jumlah aset | 20,889 | 20,606 | 7,035 | 6,643 |
| Liabiliti bukan semasa | 8,875 | 8,101 | 3,743 | 3,781 |
| Liabiliti semasa | 4,227 | 3,305 | 1,323 | 992 |
| Jumlah liabiliti | 13,102 | 11,406 | 5,066 | 4,773 |
| Jumlah ekuiti | 7,787 | 9,200 | 1,969 | 1,870 |
| Jumlah ekuiti dan liabiliti | 20,889 | 20,606 | 7,035 | 6,643 |







* EBITDA - Pendapatan sebelum faedah, cukai, susutnilai dan pelunasan

Penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan di atas diperolehi daripada penyata kewangan beraudit Johor Corporation

Ringkasan Prestasi Kewangan (Johor Corporation) 2012-2016



Ringkasan Prestasi Kewangan (Kumpulan) 2012-2016



Laporan Ekonomi

SEPANJANG TEMPOH 2016, EKONOMI MALAYSIA SECARA KESELURUHAN TIDAK MEMPAMERKAN PERUBAHAN YANG LEBIH BAIK. WALAUPUN DILIHAT STABIL, PERTUMBUHAN EKONOMI TEMPATAN AGAK LEMAH DAN HAKIKATNYA TERUS MENYEDERHANA DARIPADA TAHUN SEBELUMNYA.

Pasaran kewangan Malaysia sebagai gambaran kedudukan ekonomi tempatan juga mempamerkan prestasi kurang memberangsangkan berbanding pasaran lain di Asia Tenggara. Ini termasuk kedudukan nilai Ringgit dan Bursa Malaysia yang menunjukkan prestasi lemah sepanjang 2016 berbanding pergerakan positif matawang dan pasaran negara setarafnya.



Secara amnya, ekonomi Malaysia terus dipengaruhi cabaran global. Ia dibebani peningkatan ketidaktentuan berhubung perubahan polisi di Amerika Syarikat (AS), pertumbuhan ekonomi maju yang agak rapuh, pergerakan harga komoditi minyak mentah yang pada mulanya agak kurang stabil dan perkembangan di United Kingdom setelah mengundi keluar dari Kesatuan Eropah. Di samping pelbagai faktor global yang tidak menentu, ekonomi tempatan berhadapan masalah dalam terutama kelemahan nilai Ringgit yang berterusan, kenaikan kos sara hidup dan situasi bisnes yang hambar. Satu demi satu halangan terus menjelaskan trajektori ekonomi tempatan.

Pertumbuhan ekonomi tempatan mempamerkan kelemahan sepanjang tempoh 2016. Walaupun terdapat sedikit pemulihan di mana kadar keluaran dalam negara kasar (KDNK) tempatan mencatatkan pertumbuhan tahunan sebanyak 4.5% pada suku keempat 2016 berbanding 4.3% pada suku tahunan sebelumnya, petunjuk utama ekonomi itu secara keseluruhan terus menyederhana ke paras 4.2% pada 2016 berbanding pertumbuhan 5% pada tahun sebelumnya. Bagaimanapun, kadar pertumbuhan tahunan itu masih dalam lingkungan jangkaan rasmi iaitu di antara kadar 4 hingga 4.5% bagi 2016.

Walaupun faktor dalam terus memberikan sokongan kepada pertumbuhan ekonomi tempatan, perkembangan permintaan domestik turut menyederhana secara keseluruhannya pada 2016. Selain kehambaran sektor penggunaan, sektor pelaburan selaku penyumbang kepada permintaan dalam terus mempamerkan kelemahan. Ini memberi kesan kepada persekitaran bisnes dan pelaburan sektor korporat tempatan yang turut dirasai oleh Kumpulan Johor Corporation. Strategi bisnes Kumpulan Johor Corporation amat bergantung kepada kedua-dua aspek penggunaan dan pelaburan tersebut. Ini termasuk bisnes hartanah, kesihatan, peruncitan, makanan dan juga pembangunan industri. Kelembapan ekonomi negara jiran iaitu Singapura juga sedikit sebanyak memberikan kesan terhadap bisnes berkaitan penggunaan di Johor Corporation.

Tahun 2016 juga terus menyaksikan kelemahan nilai Ringgit di mana matawang itu secara keseluruhan jatuh sebanyak 4.5 peratus. Kejatuhan berpunca daripada peningkatan pengaliran keluar dana asing juga disebabkan oleh jangkaan peningkatan kadar faedah dan pengukuhan ekonomi di AS. Kedudukan nilai Ringgit yang agak lemah turut menjelaskan sektor penggunaan tempatan di mana kuasa membeli pengguna tempatan semakin mengecil.

Syarikat pengimport termasuk yang bergantung kepada bahan mentah luaran pula berhadapan bebanan kos operasi yang tinggi akibat kejatuhan nilai Ringgit. Dalam situasi ini, syarikat Kumpulan Johor Corporation tidak terkecuali dan merasakan tekanan ekoran peningkatan kos sumber luaran serta pembiayaan yang dibuat di luar negara. Penurunan nilai Ringgit juga tidak menyokong pertumbuhan eksport tempatan. Ini membuktikan tahap permintaan global yang masih lagi lemah sepanjang 2016.

Bagaimanapun, kestabilan dan seterusnya pengukuhan harga komoditi utama tempatan iaitu minyak mentah dan minyak sawit mentah dalam tempoh setengah tahun kedua 2016 sedikit sebanyak mengurangkan tekanan di persekitaran ekonomi tempatan. Ini turut memberi prospek positif kepada bisnes seumpamanya dalam Kumpulan Johor Corporation seperti bisnes berkaitan minyak dan gas serta perladangan.

Laporan Ekonomi

KETIDAKTENTUAN EKONOMI GLOBAL MENDORONG SEKTOR KORPORAT TERMASUK KUMPULAN JOHOR CORPORATION MELAKSANAKAN STRATEGI KEWANGAN YANG LEBIH BAIK DAN BERKESAN.

PROSPEK EKONOMI 2017

Tahun 2017 merupakan satu lagi tempoh yang bakal dipenuhi dengan ketidaktentuan di persekitaran ekonomi global. Dijangka terdapat perubahan ketara di kalangan negara maju yang akan terus mempengaruhi negara lain. Ini terutamanya berkaitan peningkatan pergerakan nasionalisme yang dicetus oleh keputusan Britain keluar dari Kesatuan Eropah dan kemenangan Donald Trump dalam pilihanraya Presiden AS. Perkembangan ini semestinya menyuntik nafas baharu dalam ekonomi global yang setiap tahun menempuh pelbagai cabaran.

Peningkatan nasionalisme yang turut mendorong pendekatan memperolehi perlindungan terhadap isu-isu berkaitan perdagangan antarabangsa boleh menjelaskan permintaan global yang sedia rapuh sekaligus menimbulkan risiko kelembapan ekonomi global yang berterusan. Berhubung pasaran minyak mentah, seluruh dunia menyambut baik usaha bersepadau. Anggota Pertubuhan Negara-Negara Pengekspor Petroleum (OPEC) dan negara bukan anggota OPEC mengurangkan pengeluaran minyak bagi memberikan sokongan kepada harga komoditi tersebut yang masih berada pada paras yang rendah berbanding paras tertingginya. Walaupun terdapat kestabilan pada harga minyak mentah di atas paras AS\$50 setong, masih terlalu awal untuk mengatakan pemulihan harga yang kukuh memandangkan permintaan global masih lagi kurang memberangsangkan dan jangkaan pengeluaran yang lebih tinggi di AS.

Malaysia juga mempunyai cabaran ekonominya yang tersendiri. Ini terutamanya berkaitan faktor penggunaan tempatan yang masih dibebani

kos sara hidup dan hutang isi rumah yang tinggi. Rasionalisasi subsidi yang berterusan dan terbaharu subsidi minyak masak serta pemulihan harga minyak mentah dunia baru-baru ini yang mendorong kenaikan harga minyak petrol, terus memberi tekanan kewangan kepada pengguna. Mereka turut merasakan kesan harga barang import yang lebih tinggi akibat kelemahan nilai Ringgit yang berterusan. Oleh itu, sumbangan permintaan domestik terutama daripada aktiviti penggunaan terhadap ekonomi Malaysia pada 2017 berkemungkinan tidak seteguh sebelumnya. Digabungkan dengan ketidaktentuan luaran, terdapat kemungkinan bahawa pertumbuhan ekonomi tempatan akan menjadi lebih perlahan.

Berdasarkan ketidaktentuan luaran dan cabaran dalaman yang berupaya menjelaskan pertumbuhan ekonomi tempatan, senario bisnes dan lanskap pelaburan akan turut terkesan. Ini seterusnya memberi tumparan kepada sektor korporat termasuk syarikat Kumpulan Johor Corporation. Oleh itu, adalah menjadi keutamaan untuk sentiasa bersedia menghadapi sebarang bentuk cabaran dankekangan ekonomi yang mendarat serta mengambil pendekatan yang lebih berhati-hati dalam setiap strategi bisnes dan pelaburan. Bagaimanapun, di sebalik ketidakstabilan ini wujud peluang yang perlu diambil bagi mengukuhkan kedudukan dalam persekitaran bisnes global yang semakin kompetitif ini.


Selain itu, ketidaktentuan ekonomi global mendorong sektor korporat termasuk Kumpulan Johor Corporation melaksanakan strategi

kewangan yang lebih baik dan berkesan. Ini merangkumi peningkatan kecairan dan pengurangan bebanan hutang. Kebergantungan kepada hutang yang tinggi akan menyebabkan sesebuah organisasi lebih terdedah terhadap impak negatif kepincangan ekonomi global. Pelaksanaan kos yang efektif dan pengurusan sumber yang cekap juga perlu dalam situasi ekonomi yang tidak menentu ini.

Nilai Ringgit sememangnya masih berisiko dan memamerkan kelemahan dengan jangkaan pengaliran keluar dana asing yang berterusan. Ini setelah AS memberi isyarat pelaksanaan dasar kewangan lebih ketat melalui peningkatan kadar faedah apabila ekonominya dijangka terus mengukuh, lebih-lebih lagi dengan rancangan Trump merangsang pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, syarikat korporat tempatan termasuk dalam Kumpulan Johor Corporation yang bergantung kepada sumber dan pembiayaan luaran akan terus menerima tekanan sekiranya nilai Ringgit semakin lemah.

Bagaimanapun, kelemahan nilai Ringgit tidak seharusnya dijadikan kekangan dalam bisnes seharian. Sektor korporat tempatan perlu merebut peluang mengembangkan lagi bisnes dengan meluaskan pasaran masing-masing ke luar negara. Kesimpulannya, mereka perlu mempunyai keinginan untuk terus berdaya saing bagi memastikan kesinambungan bisnes masing-masing dan kekal relevan dalam lanskap bisnes global yang kompleks dan amat kompetitif ini. Ini hanya dapat dicapai melalui pendekatan yang inovatif dan kreatif serta dapat memberi nilai tambah kepada sesebuah organisasi.

Bisnes Kulim



TAHUN 2016 ADALAH DINAMIK BAGI KULIM. WALAUPUN BERHADAPAN PELBAGAI CABARAN DARIPADA KETIDAKTENTUAN HARGA MINYAK MENTAH SEHINGGA KEPADA PERUBAHAN CUACA YANG MENCABAR, KULIM TERUS MAJU KE HADAPAN - MERANGKA DAN MENYUSUN SEMULA STRUKTUR ORGANISASI SUPAYA LEBIH RESPONSIF, BERGERAK MAJU KE ARAH OPERASI YANG MAPAN SERTA MEMACU KE ARAH PERTUMBUHAN KEUNTUNGAN KUMPULAN KULIM YANG LEBIH KONSISTEN.



Sepanjang 2016, Kulim mencapai kemajuan yang signifikan terhadap inisiatif strategik yang dirangka, di mana anggota pekerja yang berkebolehan memberikan tumpuan untuk menggunakan serta mengekalkan sumber sedia ada secara optimum. Pihak syarikat pula meninjau peluang yang ada dalam usaha memberikan pulangan kepada semua pemegang kepentingan.

Hasil usaha tersebut, Kumpulan Kulim mengakhiri tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, dengan pertumbuhan pendapatan sebanyak 11.76% kepada RM1.61 bilion. Ini dibantu oleh harga Minyak Sawit Mentah (MSM) yang meningkat sekaligus memperbaiki pencapaian pendapatan bagi 2015 sebanyak RM1.44 bilion. Keuntungan sebelum cukai pula mencatat pengurangan sebanyak 49.14% pada 2016 kepada RM59.92 juta daripada RM117.80 juta pada tahun sebelumnya. Bahagian Perladangan adalah penyumbang terbesar iaitu sebanyak 56% atau RM889.50 juta. Ini diikuti oleh operasi minyak dan gas (O&G) yang menyumbang 39% atau RM626.17 juta manakala selebihnya daripada lain-lain cabang bisnes.



Sila layari
www.kulim.com.my
atau imbas Kod QR di sebelah kiri untuk maklumat lanjut mengenai Kulim.

Bisnes Kulim

Walaupun berhadapan dengan kejatuhan harga minyak mentah, bahagian O&G berjaya mengekalkan prestasi baik melalui anak syarikatnya iaitu E.A Technique (M) Berhad (E.A. Tech), yang terus kukuh dengan kontrak sedia ada dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan marin dan perkhidmatan penyimpanan bagi O&G pesisir pantai.

Dengan berbekalkan komitmen dan keyakinan tinggi terhadap anggota pekerjanya, Kulim memasuki 2017 dengan memberi keutamaan yang jelas untuk memangkin pertumbuhan Kumpulan, menetapkan sasaran masa hadapan lebih baik berdasarkan inisiatif strategik yang telah dirangka.

TAHUN PENTING TRANSFORMASI

Perjalanan transformasi Kulim telah melangkah setapak ke hadapan apabila pada pertengahan 2016 pemegang saham Kulim mengundi bagi menyokong cadangan penswastaan Kulim oleh pemegang saham terbesarnya iaitu Johor Corporation pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 3 Mei 2016.

Proses penswastaan Kulim bermula pada November 2015. Ketika itu Kulim diminta melaksanakan langkah Pengurangan dan Pembayaran Balik Modal Terpilih (*Selective Capital Reduction and Repayment* atau *SCR*) melibatkan pembayaran tunai sebanyak RM4.10 bagi nilai sesaham, yang membuka jalan kepada Johor Corporation untuk menswastakan Kulim. Dengan selesainya SCR, Kulim secara rasminya dinyahsenaraikan dari Pasaran Utama Bursa Malaysia Sekuriti Berhad pada 4 Ogos 2016.

Dengan penswastaan ini, Kulim kini adalah anak syarikat milik penuh Johor Corporation dan secara langsung berkongsi aspirasi dan objektif korporat Johor Corporation sebagai agensi pelaburan dan pembangunan ekonomi negeri Johor.



PERKEMBANGAN KORPORAT Pengembangan operasi di Indonesia Minyak dan Gas (O&G)

Lanjutan daripada keputusan Kulim untuk mengambil alih 60% kepentingan dalam sebuah syarikat O&G di Indonesia pada penghujung 2014, telah membawa Kulim kepada perbincangan untuk menyemak semula jumlah pelaburan pada nilai lebih rendah kerana berhadapan dengan penurunan harga minyak mentah. Berikut itu, pada 10 Februari 2016, anak syarikat milik penuh Kulim iaitu Kulim Energy Nusantara Sdn Bhd (KENS) memeterai Perjanjian Tambahan (SA) dengan PT Citra Sarana Energi (PT CSE), PT Wisesa Inspirasi Sumatera (PT WIS) dan PT Inti Energi Sejahtera (PT IES) untuk mengubahsuai syarat di bawah Perjanjian Langganan Bersyarat dan Pembelian Saham (CSSPA) daripada pelaburan asal iaitu AS\$133.55 juta kepada AS\$80 juta.

Perlادangan

Seperti dilaporkan pada 2015, PT Wisesa Inspirasi Nusantara (PT WIN) yang mana 74% subsidiari milik Kulim telah memeterai empat Perjanjian Pembelian Saham Bersyarat (CSPA) untuk mengambil alih 95% pegangan ekuiti dalam empat syarikat perladangan kelapa sawit bersaiz sederhana di Indonesia. Pada 23 Jun 2016, Kulim mengambil alih dua ladang kelapa sawit daripada empat CSPA yang telah ditandatangani iaitu PT Tempirai Palm Resources (PT TPR) dan PT Rambang Agro Jaya (PT RAJ) dengan penambahan sebanyak 8,345 hektar kawasan tanaman sawit di Sumatera Selatan. Ini menjadikan jumlah keluasan tanaman sawit Kumpulan Kulim meningkat kepada 55,680 hektar pada penghujung 2016.



Bisnes Kulim



Pengambilalihan baki 40% pegangan ekuiti dalam Kulim TopPlant Sdn Bhd (KTP)

Bagi menyokong operasi perladangannya, Kulim meningkatkan pegangannya dalam KTP dengan mengambilalih baki 40% pegangan ekuiti milik TopPlant Laboratories Sdn Bhd yang disempurnakan pada 8 Disember 2016. Ini sekaligus menjadikan KTP sebagai anak syarikat milik penuh Kulim.

Melalui pengambilalihan ini, Kulim mendapat kawalan penuh ke atas operasi KTP dan memperluaskan peluang untuk memantapkan pengetahuan teknologi. Pada masa sama, ini membolehkan pakarnya untuk mendalami bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menghasilkan klon benih lebih baik pada masa akan datang. Kejayaan pengembangan dalam bidang ini berpotensi membawa kepada pulangan yang ketara bagi Kumpulan Kulim.

Pengambilalihan ekuiti tambahan dalam Classruum Technologies Sdn Bhd (CRTSB)

Pembelajaran atas talian adalah trend yang semakin popular. Ia juga adalah satu cara untuk mendekati masyarakat di kawasan luar bandar

di mana kemudahan infrastruktur adalah terhad. Mengambil kira potensi pertumbuhan tersebut, Kulim memutuskan untuk mengambilalih pegangan ekuiti tambahan sebanyak 25% dalam CRTSB yang disempurnakan pada 24 November 2016 dan seterusnya, menjadikan jumlah pegangan Kulim meningkat kepada 76%. CRTSB adalah sebuah syarikat pengendali jaringan sosial untuk pendidikan dan ini sebahagian daripada usaha tanggungjawab korporat Kulim untuk menyumbang ke arah kemajuan pendidikan negara dalam membentuk generasi muda dan bakal pemimpin masa hadapan.

Pada 27 April 2017, Kulim melalui CRTSB dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri Johor (JPNJ), Yayasan Pelajaran Johor (YPJ), Yayasan Pasir Gudang (YPG) dan Yayasan Penyayang melancarkan Program *E-Learning Johor*, yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor, di Maktab Sultan Abu Bakar, Johor Bahru. *E-Learning Johor* adalah produk inovatif terbaru diperkenalkan kerajaan negeri Johor yang menggunakan *classruum.com* sebagai platform.

Penjualan Granulab (M) Sdn Bhd (Granulab)

Satu lagi perkembangan utama adalah apabila Kulim memutuskan untuk melupuskan Granulab, sebuah syarikat pengeluar peranti perubatan iaitu produk tisu tulang sintetik kepada SIRIM Tech Venture Sdn Bhd yang disempurnakan pada 13 November 2016 sebagai sebahagian daripada usaha penggabungan bisnes Kulim.

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

Kulim menerbitkan Laporan Tahunan Bersepadu pertama bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 (IAR 2014) pada 2015 bertujuan menyediakan maklumat lebih mendalam dan berkongsi maklumat syarikat secara komprehensif dari segi pewujudan nilai, strategi, tadbir urus, dan prestasi Kumpulan Kulim. Kulim percaya melalui pendedahan lebih meluas seperti ini adalah cara terbaik berkongsi dengan pemegang saham dan pemegang kepentingan. Kulim turut berbesar hati di atas penerimaan Anugerah Pengiktirafan 2016 untuk IAR 2014 sebagai ‘Perintis untuk Laporan Bersepadu (IR) di Malaysia’, yang disampaikan ketika *MIA IR Conference & Recognition Award*. Seterusnya, Kulim memenangi NACRA 2016-Anugerah Kecemerlangan Industri bagi kategori Perladangan & Perlombongan (Syarikat Papan Utama) untuk kali kelapan dalam tempoh 9 tahun. Sementara itu, Laporan Kemapanan Kulim 2012/2013 juga disenaraikan pendek ketika *ACCA Malaysia Sustainability Reporting Awards (MaSRA) 2016*.



Pemenang Kategori Anugerah Kecemerlangan Industri bagi Perladangan dan Perlombongan (Syarikat Papan Utama) untuk

KALI KE-8 DALAM TEMPOH 9 TAHUN

Bisnes Kulim

Kulim turut menerima dua anugerah pada majlis *The Edge Billion Ringgit Club and Corporate Awards 2016* bagi kategori ‘Highest Return on Equity Over 3 years in Plantation Sector’ dan ‘Highest Growth in Profit Before Tax over 3 years in Plantation Sector’. Di samping itu, Kulim menerima anugerah gangsa bagi ‘Anugerah Amalan Tempat Kerja Terbaik’ pada *8th Annual Global CSR Summit and Awards 2016*. Sementara itu, ketika *Asia Sustainability Reporting Awards (ASRA) 2016*, Laporan Tahunan Bersepadu Kulim 2015 disenaraipendek untuk Laporan Bersepadu Terbaik Asia.

SOROTAN BAHAGIAN Perladangan di Malaysia

Bagi 2016, Kulim mencapai harga purata MSM sebanyak RM2,532 satu tan metrik bagi operasi di Malaysia, berbanding RM2,191 satu tan metrik tahun sebelumnya. Kulim turut mencatatkan harga Minyak Isirong (PK) lebih tinggi sebanyak RM2,387 satu tan metrik pada 2016 berbanding RM1,534 satu tan metrik tahun sebelumnya.

Bagaimanapun, tekanan cuaca kemarau telah mengurangkan pertumbuhan pengeluaran, di mana pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) Kulim untuk operasi di Malaysia (Kulim dan Johor Corporation) merosot 4.6% kepada 981,734 tan berbanding 1,029,725 tan tahun sebelumnya. Ini membawa hasil sehektar pada 2016 kepada

20.75 tan berbanding 22.39 tan yang dicatatkan pada 2015. Pada 2016, jumlah BTS diproses lebih rendah sebanyak 5% atau bersamaan 1,339,659 tan manakala Kadar Perahan Minyak (OER) dicatatkan pada 20.40% iaitu lebih rendah berbanding 20.86% tahun sebelumnya. Pencapaian BTS Bahagian Perladangan adalah lebih tinggi berbanding hasil purata yang dicapai oleh industri sawit di Johor dan Semenanjung masing-masing sebanyak 17.80 tan dan 15.77 tan sehektar.

Penurunan pengeluaran BTS yang dialami ladang Kumpulan adalah sejajar dengan trend industri disebabkan oleh tekanan cuaca kemarau yang dialami sejak dua tahun lalu dan ditambah pula dengan fenomena *Ei Nino*.

Prestasi Bahagian Perladangan turut dipengaruhi beberapa faktor utama iaitu keadaan cuaca yang tidak menentu, tuaian, trend harga komoditi global dan kecekapan operasi.

Untuk mengukuhkan kemapanan prestasinya, Kulim komited dalam meneruskan program penanaman semula yang merupakan satu aspek penting dalam industri perladangan bertujuan meningkatkan profil usia tanaman sawit dan mendapatkan hasil yang optimum. Pada 2016, sebanyak 1,568 hektar (Kulim dan Johor Corporation) telah ditanam semula menggunakan benih klon berhasil tinggi. Ia dijalankan secara



berperingkat untuk memaksimumkan potensi tanaman sebelum penebangan pokok dilakukan. Hasil inisiatif itu, purata profil umur tanaman sawit Kulim dan Johor Corporation meningkat kepada 11.50 tahun berbanding 11.42 tahun pada 2015. Pokok utama (*prime*) adalah di antara umur 9 hingga 18 tahun dan membentuk sejumlah 45% daripada jumlah kawasan bertanam. Pada akhir 2016, kawasan tanaman Kumpulan di Malaysia terdiri daripada 50% kawasan pokok matang, 39% kawasan pokok tidak matang atau pokok muda dan 11% pokok berumur di atas 23 tahun.

Perladangan di Indonesia

Keputusan Kulim mengembangkan operasinya ke Indonesia adalah sejajar dengan matlamat strategik Kumpulan untuk meningkatkan keluasan tanah perladangan. Pada 23 Jun 2016, PT WIN secara rasmi mengambil alih dua ladang daripada Kumpulan Amara iaitu PT TPR dan PT RAJ di Sumatera Selatan dengan kawasan sawit bertanam seluas 8,345 hektar merangkumi keluasan tanaman matang sebanyak 4,316 hektar. Program pemulihan merangkumi penambahbaikan infrastruktur dan pelaksanaan peringkat awal untuk pensijilan ‘Roundtable on Sustainable Palm Oil’ (RSPO) dan ‘Indonesian Sustainable Palm Oil’ (ISPO) sedang giat dijalankan.



Bisnes Kulim



Pada akhir 2016, Kulim turut mempunyai keluasan kawasan sawit bertanam seluas 307 hektar di Barito Utara, Kalimantan Tengah.

Intrapreneur Ventures (IV)

Prestasi kewangan keseluruhan Bahagian IV agak merundum. Ini berpuncu daripada kos operasi yang tinggi kesan daripada matawang yang lemah yang telah meneutralkan pemulihian bisnes beberapa syarikat dalam Bahagian IV.

Secara keseluruhan, Bahagian IV mencatatkan pendapatan sebanyak RM57.61 juta bagi 2016, penurunan sebanyak 10% berbanding tahun sebelumnya iaitu RM64.06 juta dan mencatatkan penurunan keuntungan sebelum cukai sebanyak 35% daripada RM1.09 juta kepada RM704,960.

Extreme Edge Sdn Bhd (EESB) kekal sebagai penyumbang utama keuntungan dengan pendapatan dan keuntungan sebelum cukai masing-masing sebanyak RM20.42 juta dan RM2.44 juta. Ini diikuti oleh MIT Insurance Brokers Sdn Bhd dengan pendapatan sebanyak RM9.59 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.50 juta.

Bahagian IV akan terus menilai portfolio bisnesnya dari masa ke semasa serta mengekalkan fleksibiliti bagi anjakan strategik dalam strategi bisnesnya. Dalam menjalankan apa jua bisnes, penilaian harus diteliti di

mana Kulim perlu membuat keputusan untuk menghentikan operasi beberapa syarikat IV yang lemah seterusnya akan membawa kepada pelupusan/ pemberhentian operasi bagi syarikat tersebut.

Minyak dan Gas (O&G)

Perkhidmatan sokongan O&G bagi operasi di Malaysia iaitu E.A.Tech menyumbang hasil pendapatan sebanyak RM591.66 juta, peningkatan sebanyak 10.28% berbanding RM536.53 juta dicatatkan pada 2015 hasil daripada perkhidmatan pengangkutan laut. Keuntungan sebelum cukai meningkat sebanyak 36.18% kepada RM21.54 juta daripada RM15.82 juta pada 2015.

Pada 2016, E.A. Tech memperolehi pendapatan lebih tinggi daripada projek Hess Exploration & Production Malaysia B.V. (HESS) bagi penyediaan Kejuruteraan, Pemerkahan, Pembinaan, Pemasangan Dan Pentauliahan (EPCIC) selain pengangkutan marin, operasi luar pesisir dan perkhidmatan pelabuhan marin.

Sebuah lagi syarikat perkhidmatan sokongan O&G iaitu Danamin (M) Sdn Bhd (Danamin) yang terlibat dalam pembekalan khidmat kejuruteraan seperti Ujian Tanpa Musnah (NDT), Jaminan Kualiti, Pengurusan Integriti Aset dan Pemeriksaan untuk industri O&G yang dipercayai,

berkualiti tinggi, kos efektif, dan berteknologi tinggi di Malaysia.

Sepanjang 2016, Danamin mencatatkan pendapatan sebanyak RM34.50 juta iaitu peningkatan marginal sebanyak 8.35% berbanding RM31.84 juta pada 2015. Walaupun peningkatan dalam pendapatan syarikat tidak begitu ketara, kerugian sebelum cukai berjaya dikurangkan daripada RM4.75 juta kepada RM1.33 juta pada 2016. Ini disebabkan keberkesanan usaha syarikat dalam pengurusan kos termasuk penilaian semula perancangan tenaga kerja.

Makanan Agro

Pengembangan Bahagian Makanan Agro adalah sama kepada pengembangan rantaian makanan, yang menggalakkan Kulim mempergiatkan aktiviti hijau melalui program kitar semula kompos dan sisa bahan buangan daripada buah-buahan bagi menyokong usaha fidlot dan lembu integrasi. Pada masa sama, ini menyokong rakan kongsi dan penanam luar bagi membina usahasama yang baik serta menyokong Program Keselamatan Makanan Negara.

Pada 2016, Kulim mencapai peningkatan yang besar dalam Bahagian Makanan Agro di mana aktiviti fidlot menjana jualan sebanyak RM2.5 juta manakala penjualan nanas mencatat pendapatan RM4.92 juta.

Kulim juga antara pengeluar buah nanas segar terbesar bagi pasaran tempatan dan eksport ke Timur Tengah, Asia Timur dan Singapura. Kulim mensasarkan perancangan untuk mengembangkan lagi tanaman nanas daripada 182 hektar kepada 1,000 hektar menjelang 2019.

Selain menghasilkan buah nanas segar, Kulim mengeluarkan produk berdasarkan nanas seperti kuih tat, jem nanas, yogurt buku dan minuman di bawah jenama *Melita*.

Bisnes Kulim

Dalam pendekatan untuk mengitar semula sisa buangan dan bagi mengurangkan kos, bahan buangan nanas akan dikutip sekurang-kurangnya dua kali seminggu, untuk digunakan sebagai makanan untuk ternakan lembu. Ia adalah lebuh mesra alam dan dapat mengurangkan kebergantungan kepada dedak isirong sawit (PKC) yang lebih mahal sebagai bahan makanan utama.

TINJAUAN DAN PROSPEK

Tinjauan Bahagian Perladangan

Harga MSM dijangkakekal kukuh pada awal 2017 walaupun terdapat kemungkinan ia akan mencatatkan penurunan menjelang akhir 2017 berikutan peningkatan hasil dan pengeluaran BTS, dan keadaan cuaca yang lebih baik pada akhir 2016 dan awal 2017.

Oleh demikian, Kulim menjangkakan Bahagian Perladangan akan terus mengekalkan prestasi yang memberangsangkan pada tahun hadapan dan dengan permintaan tinggi dari sektor biodiesel dapat membantu dalam menstabilkan permintaan bagi minyak sawit.

Tinjauan Bahagian O&G

Keadaan pasaran industri O&G pesisir pantai amat mencabar sepanjang 2016. Tetapi pada tahun mendatang, Kulim menjangkakan persekitaran lebih baik berikutan harga minyak yang lebih stabil. Ini merupakan masa yang tepat bagi penerokaan huluan Kulim di Indonesia yang dijangka memperoleh hasil pulangan dalam masa 2 hingga 3 tahun.

Kulim menceburi projek huluan O&G di Blok South West Bukit Barisan (SWBB) di persisiran Wilayah Sumatera Barat di bawah kontrak perkongsian pengeluaran *Production Sharing Contract* pada 2016, dan dalam proses mendapatkan kelulusan tertentu. Bergantung terutamanya kepada daya maju komersil, pengeluaran dijangka bermula pada 2017 sekaligus meletakkan Kulim pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang dalam jangka masa pemulihan sektor huluan O&G pada tahun akan datang.

Kulim menjangkakan prospek lebih baik untuk E.A. Tech di mana ia terus memanfaatkan kontrak sedia ada di samping meninjau peluang mendapatkan projek baharu hasil daripada pemulihan persekitaran industri. Fasiliti kapal yang besar membolehkan E.A. Tech memenuhi permintaan pelanggan yang lebih tinggi dan pelbagai. Kulim juga melihat pembaharuan dan peningkatan dalam permintaan untuk khidmat sokongan O&G pada 2017 berikutan daripada jangkaan pemulihan pasaran bagi aktiviti huluan.



Majlis perasmian Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pengerang pada 16 Januari 2017 yang dipertanggungjawabkan untuk menyelia zon industri Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) dan kawasan sekitarnya turut dilihat sebagai pemangkin dalam mempercepatkan pembangunan projek RAPID yang akan memberi kelebihan kepada bisnes Danamin kerana kedudukannya yang terletak berhampiran projek tersebut.

Tinjauan Bahagian IV

Kulim percaya Bahagian IV mempunyai potensi pertumbuhan yang ketara dan Kulim akan terus menilai idea-idea baharu serta peluang yang membolehkan Kulim membuka kunci nilai bisnes di bawah inisiatif IV.

Strategi Kulim pada masa hadapan antaranya, berusaha mengukuhkan bisnes sedia ada dengan memanfaatkan pengetahuan, kepakaran dan pengalaman Kumpulan serta menyokong pertumbuhan pelaburan baharu. Kulim juga akan mempertimbangkan usahasama bisnes yang matang, keluar daripada bisnes yang kurang menguntungkan atau melupuskan pelaburan bagi mengoptimumkan pulangan.

Bagaimanapun, bagi bisnes yang mempunyai potensi besar, Kulim akan menyusun semula operasinya supaya lebih efisien dalam memastikan ia bergerak sebagai entiti yang berterusan. Kulim berhasrat terus melabur dalam bisnes baharu yang berpotensi dan juga idea yang memberi peluang kepada Kumpulan mempelbagaikan operasinya.

Bisnes Kesihatan Pakar



**KPJ HEALTHCARE BERHAD (KPJ) TELAH
MENCATATKAN PENCAPAIAN POSITIF
PADA TAHUN 2016, MESKIPUN BERDEPAN
PELBAGAI CABARAN.**

KPJ HEALTHCARE BERHAD

Tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 penuh cabaran antaranya kadar Ringgit Malaysia yang menurun sementara kos sara hidup pula meningkat. Senario ini meninggalkan impak besar kepada industri perkhidmatan kesihatan negara, di mana jumlah kemasukan pesakit ke wad telah berkurangan dan pasaran pula mendatar.

Keadaan ini tidak mematahkan usaha dan matlamat KPJ demi menjana pulangan jangka panjang. Hasil strategi yang mapan, KPJ mencatatkan pendapatan tahunan berjumlah RM3.0 bilion pada 2016 iaitu peningkatan 6.1% berbanding 2015. Keuntungan sebelum zakat dan cukai pula meningkat RM210 juta berbanding sebanyak RM209 juta pada tahun sebelumnya.

Model bisnes KPJ terbukti utuh dan berdaya tahan. Ia mampu menampung objektif utama syarikat, iaitu pembangunan bisnes melalui hospital sedia ada, pembukaan hospital baharu dan juga pulangan atas pelaburan dalam projek baharu yang bakal disiapkan beberapa tahun lagi.

Bisnes Kesihatan Pakar



Antara projek yang mencatatkan kejayaan bagi KPJ pada 2016 adalah pembukaan Hospital Pakar KPJ Pahang yang baru dan canggih. Ianya telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Ahmad Shah pada 6 Oktober 2016. Pembukaan KPJ Pahang di Tanjung Lumpur itu memberi impak besar kepada industri kesihatan di Pahang kerana selain menawarkan pelbagai kepakaran dan kemudahan perubatan moden, ianya adalah hospital swasta pertama menawarkan perkhidmatan pemeriksaan jantung yang komprehensif di negeri itu. Ini meletakkan KPJ Pahang sebagai antara penyumbang terbesar kepada pembangunan sektor kesihatan negeri.

Di selatan tanah air, Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor pula telah berkenan mencemar duli berangkat menyempurnakan Majlis Perasmian Hospital Pakar KPJ Bandar Maharani

pada 30 Oktober 2016. Baginda turut berkenan menerima sumbangan bernilai RM10,000 untuk Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor daripada pihak pengurusan dan Tabung Kebajikan Doktor-doktor Pakar KPJ Bandar Maharani.


Seterusnya, Majlis Perasmian Hospital Pakar KPJ Sabah telah disempurnakan oleh TYT Tun Datuk Seri Panglima (Dr) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahiruddin, Yang Dipertua Negeri Sabah pada 23 Ogos 2016. Hospital yang terletak di Jalan Damai, Luyang, berhampiran Kota Kinabalu itu adalah yang ke-22 dalam rangkaian hospital pakar KPJ. Dengan kapasiti lebih 200 katil, hospital ini mempunyai kemudahan yang komprehensif. KPJ Sabah turut mencatatkan sejarah apabila ia menjadi satu-satunya hospital swasta di Sabah yang menyediakan kepakaran seperti hemotologi, pembedahan vitro-retina, perkhidmatan gynaec-onkologi, rawatan GERD secara ‘non-invasive’ serta onkologi dan radioterapi.

Di Sarawak, kerjasama KPJ bekerjasama dengan Naim Holdings Berhad menyaksikan pelaksanaan Majlis Pecah Tanah Hospital Pakar KPJ Miri di Bandar Permyjaya, Miri yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr S Subramaniam, Menteri Kesihatan Malaysia pada 27 November 2016.

Hospital itu dijangka mula beroperasi pada 2018 dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan kepakaran canggih termasuk menuhubkan Unit Rawatan Kebakaran bagi mengendalikan kes rawatan mangsa kebakaran memandangkan lokasinya berhampiran zon perindustrian O&G di Miri selain Brunei Darussalam.

Pada 17 Oktober 2017 pula, KPJ mengadakan Majlis Pecah Tanah Hospital Pakar KPJ Batu Pahat di Seri Gading, Batu Pahat. Hospital itu sebahagian daripada komponen projek pembangunan perbandaran baharu oleh Johor Land Berhad. Hospital ini berkapasiti lebih 200 katil.

Seterusnya, pada 19 Disember 2016, sejarah turut ditempa apabila Majlis Pecah Tanah Hospital Pakar KPJ Kluang disempurnakan oleh YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Projek ini, sebuah usahasama KPJ dengan Optimax Healthcare, terletak di Taman Saujana, Kluang.



Bisnes Kesihatan Pakar

Selain itu, KPJ terus mempertingkatkan infrastruktur hospital sedia ada dalam Kumpulan. Pada Februari 2016, Hospital Pakar KPJ Ipoh membuka dua lagi bilik di Unit Rawatan Rapi (ICU) khusus untuk kes neonatal. Kemudahan itu melengkapkan kompleks ICU yang mula beroperasi pada 2015.

KPJ juga melaburkan RM1.29 bilion bagi menambah tujuh hospital lagi ke dalam rangkaian hospital pakarnya, termasuk melalui kolaborasi bagi beberapa projek baharu iaitu Hospital Pakar KPJ Bandar Dato' Onn di Johor Bahru dan KPJ BDC Specialist Hospital di Kuching, Sarawak.

Ketika Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) berlangsung pada Ogos 2016 di Jakarta, KPJ menandatangani perjanjian persefahaman tiga hala dengan dua syarikat Jepun iaitu Sojitz Corp dan Capital Medica Co Ltd untuk mendirikan sebuah pusat rawatan kanser di Rumah Sakit Medika Bumi Serpong Damai (RSMBSD) bernilai AS\$12 juta.

Pada 23 September 2016, KPJ menandatangani pula perjanjian persefahaman dengan penyedia perkhidmatan dari Seoul, Korea Selatan iaitu Barun Development Co (Sebarun Hospital) untuk mendirikan sebuah pusat penjagaan tulang belakang, dan DK Medical Center (DKMC) pula akan bekerjasama bagi menerajui teknologi pembedahan plastik dan rekonstruktif di KPJ Tawakkal Health Centre, Kuala Lumpur. Usahasama KPJ dengan Daejeon Wellness Hospital pula adalah untuk mendirikan sebuah Pusat Kesejahteraan (*Specialised Wellness Centre*) di Johor.

Selain itu, hospital KPJ di Indonesia menyumbang kepada pencapaian Kumpulan di peringkat antarabangsa apabila merekodkan peningkatan pendapatan sebanyak 15% daripada RM52.0 juta pada 2015 kepada RM59.6 juta pada 2016.

RSMBSD turut menempa sejarah apabila dinobatkan sebagai pemenang anugerah khas Pusat Trauma 2016 - BPJS Ketenagakerjaan Bagi Provinsi Banten, sebagai pengiktirafan kerajaan Indonesia terhadap perkhidmatan cemerlangnya sepanjang 2016.

RSMBSD juga membesar lagi Klinik Hipertensi-Buah Pinggang dan Diabetes melalui pertambahan 8 mesin dialisis dan menjadikan jumlah kesemuanya 18 unit. Klinik ini merawat 688 pesakit setiap bulan.

Sementara itu, Rumah Sakit Medika Permata Hijau - sebuah lagi hospital KPJ di Jakarta; dalam proses mendapatkan status akreditasi dari Komite Akreditasi Rumah Sakit Indonesia (KARS), yang dijangka dianugerahkan pada 2017.

Inovasi di KPJ

Antara pelaburan terbesar KPJ adalah dalam bidang inovasi terutamanya bagi menangani '*disruptive technology*', dalam aspek teknologi perubatan mahupun pengurusan. Sistem pengkomputeran awan di semua hospital KPJ sejak 2015 terus-menerus memungkinkan Kumpulan menawarkan perkhidmatan yang menyeluruh kepada semua pesakit. Dengan pelaksanaan teknologi ini, konsultan perubatan KPJ boleh mendapatkan maklumat dan data pesakit dengan cepat meskipun ketika berada di luar hospital. KPJ juga sedang meneroka Sistem Maklumat Klinikal Generasi Ke-2 (KCIS 2) dan ia bakal dilaksanakan di hospital Kumpulan mulai 2017.

Satu lagi pencapaian besar KPJ adalah kemampuannya menawarkan prosedur pembedahan menggunakan teknologi canggih iaitu cetakan 3-dimensi (*3D Printing*). Selain itu, KPJ giat meneroka kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence* atau *AI*) melalui kerjasama dengan syarikat pembekal teknologi dari seluruh negara.



Bisnes Kesihatan Pakar



PUSAT JAGAAN WARGA EMAS

1 Australia

2 Malaysia



PENGAJIAN TINGGI

1 Kolej Universiti

2 Cawangan



HOSPITAL BERAKREDITASI

18

Diakreditasi oleh
Malaysian Society for Quality in Health (MSQH)

4

Diakreditasi oleh
Joint Commission International (JCI)

Pembangunan Modal Insan

Pada 2016 sahaja, KPJ telah melabur lebih RM10 juta dalam pembangunan modal insan Kumpulan. Secara puratanya, warga KPJ telah menerima 47 jam latihan pada 2016 – lebih daripada 30 jam yang ditetapkan.

Kumpulan juga terus menawarkan Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS). Anggota pekerja yang berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun sebagai eksekutif dalam Kumpulan KPJ layak mengambil bahagian skim ini. KPJ merekodkan perbelanjaan ESOS sebanyak RM27.8 juta pada 2016 untuk tujuan itu.



Perkhidmatan Pelancongan Kesihatan

Sepanjang 2016, bilangan pelancong kesihatan warga asing yang memilih untuk mendapatkan rawatan di hospital KPJ meningkat sebanyak 8% iaitu 155,052 orang daripada 140,231 orang sebelumnya. Ini meningkatkan pendapatan keseluruhan sektor pelancongan kesihatan Kumpulan KPJ sebanyak 8% daripada RM115.4 juta pada 2015 kepada RM124.2 juta pada 2016.

Perkembangan ini berdasarkan kerjasama mantap antara KPJ dan pihak kedutaan dan konsulat asing di Malaysia. Ia juga terhasil daripada aktiviti pemasaran KPJ ke luar negara. Kebanyakan pesakit asing memilih Malaysia untuk menjalani prosedur perubatan elektif terutama rawatan kanser, orthopedik dan kosmetik.

Antara penyumbang terbesar kepada sektor pelancongan kesihatan di KPJ ialah pesakit dari Timur Tengah yang jumlahnya meningkat sebanyak 36% iaitu 1,686 orang pada 2015 kepada 2,289 pesakit pada 2016. Pasaran Indonesia juga amat penting bagi industri pelancongan kesihatan KPJ yang berdasarkan keserasian dari segi budaya, agama, bahasa, jarak perjalanan yang dekat dan kemudahan penerbangan.

Tanggungjawab Korporat

Rangkaian Klinik Waqaf An-Nur (KWAN), terus menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat yang kurang kemampuan. Sejak ditubuhkan sehingga Disember 2016, rangkaian KWAN merawat lebih 1.1 juta pesakit di seluruh Malaysia serta sebuah Hospital Waqaf An-Nur Pasir Gudang. Terdapat juga empat klinik bergerak, iaitu sebuah di Kelantan serta tiga di Lembah Klang.

Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran



PADA 2016, KFC MALAYSIA MENCAPAI PERTUMBUHAN HASIL DUA DIGIT SEBANYAK 12.30% KEPADA RM2.37 BILION DARIPADA RM2.11 BILION YANG DIREKODKAN TAHUN SEBELUMNYA. KFC MALAYSIA TURUT MENERIMA PELBAGAI ANUGERAH BERPRESTIJ SEPERTI ANUGERAH EMAS BAGI PUTRA BRAND – *PEOPLE'S CHOICE AWARDS* DALAM KATEGORI RESTORAN & MAKANAN SEGERA, *BEST 2016 - MALAYSIA'S STRONGEST BRANDS AWARDS* DALAM KATEGORI MAKANAN DAN DISENARAIIKAN DALAM *GLOBAL HALL OF FAME GOOGLE, THINK DAN BEBERAPA LAGI ANUGERAH.*

KFC MALAYSIA

KFC Malaysia mempelbagaikan menu sepanjang 2016 termasuk ketika musim cuti sekolah dan musim perayaan selain menawarkan produk khusus untuk jangka waktu terhad bagi menarik minat pelanggan baru mahupun sedia ada. "KFC Cheezy Onion Crunch" yang dilancarkan pada 2016 berikutnya kejayaan "KFC Hot & Cheezy" pada 2015, menerima sambutan hangat dan mencapai pertumbuhan jualan dan transaksi yang sama iaitu masing-masing 18.50% dan 10.3%. Pilihan Super Jimat Box bersama beberapa lagi siri Bucket mewah turut meningkatkan transaksi sepanjang 2016. Kemuncaknya ialah pelancaran KFC Crispy Tenders – hidangan ayam tanpa tulang! Kempen ini memacu kehadiran pengunjung baharu dan mewujudkan minat serta rasa keterujaan dalam pasaran.

Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran


Sebagai sebuah jenama yang mempercayai keperluan untuk sama-sama menyumbang kembali kepada komuniti, KFC meneruskan sokongan terhadap kumpulan kurang berkemampuan melalui program "Add Hope" dan "Projek Penyayang" serta peluang pekerjaan buat komuniti istimewa.

KFC Malaysia juga berusaha menyediakan persekitaran restoran yang lebih baik berdasarkan keperluan pelanggan yang berbeza. Oleh itu, 73 restoran dinaiktaraf sepanjang 2016. Walaupun terdapat lapan restoran yang terpaksa ditutup, 31 lagi ditambah ke rangkaian termasuk dua outlet pandu lalu sekali gus mengembangkan lagi perniagaan KFC.

KFC kini kekal sebagai sebuah rangkaian restoran terbesar di Malaysia dengan 667 restoran di seluruh negara – 553 di Semenanjung manakala 114 lagi di Sabah dan Sarawak.

KFC SINGAPURA

Pada 2016, KFC Singapura mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju QSR berdasarkan ayam dengan penambahbaikan dan inovasi terhadap ayam Original Recipe. Pelbagai perisa baharu diperkenalkan contohnya perisa Keju Parmesan, perisa Umakara ala Jepun dan perisa pedas Red Hot yang mendapat sambutan hangat. Khas untuk mereka tidak gemarkan tulang dalam ketulan ayam, KFC Crispy Tenders diperkenalkan. Selain itu, nilai hebat bagi Ultimate Value Box dipertingkatkan lagi dengan pelancaran harga serendah S\$5.90 bagi setiap dua kotak pembelian. Produk tetap S\$5 Fill-up Meal dengan Sambal Rice Bucket terus dipasarkan pada Ogos lalu. Menu sarapan pagi KFC A.M menambah keterujaan apabila dilancarkan semula dengan barisan pilihan menu baharu seperti telur rebus dan frozen yogurt, Froyo yang menampilkan perisa buah pic. Tahun 2016 berakhir dengan jumlah 86 restoran iaitu penambahan bersih sebanyak 2 unit. Jualan merosot 4% bersamaan S\$166.70 juta berbanding 2015. Pengurangan sebanyak S\$6.9 juta disebabkan keputusan pemilik premis untuk memajukan semula kawasan serta menyebabkan penutupan 3 outlet yang tinggi jualannya.



KFC BRUNEI

Tiada outlet baharu dibuka sepanjang 2016. Oleh itu, jumlah outlet kekal 16 restoran. Jumlah hasil merosot sedikit kepada B\$11.60 juta iaitu penurunan sebanyak 0.2% (B\$27,000).

KFC KEMBOJA

KFC Kemboja mencapai peningkatan 5.8% berbanding 2015 dengan jumlah jualan bernilai AS\$4.8 juta pada 2016. Peningkatan itu bertumpu pada suku keempat 2016 sebaik sahaja kenaikan gaji minimum dalam sektor pakaian diumumkan serta pertambahan pelaburan asing ke Kemboja sekali gus mengukuhkan kuasa belanja pekerja kelas rendah dan pertengahan. Pihak pengurusan terus kekal mengambil langkah perlu untuk memastikan kos makanan terkawal termasuk pengurusan sisa yang ketat dan telah membantu mengekalkan margin bersih pada 59%.

Secara keseluruhan, hanya sebuah outlet (KFC Chbar Ampov) terpaksa ditutup pada 14 Disember 2016 setelah mengalami kerugian sepanjang tahun berikut kerja membaiki jalan secara besar-besaran di hadapan premis. KFC Kemboja mengakhiri 2016 dengan mengendalikan sebanyak 12 restoran.

Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran

PIZZA HUT MALAYSIA

Pizza Hut adalah rangkaian restoran piza nombor 1 di Malaysia, dan terus menjadi pilihan yang paling digemari di negara ini, terutama bagi penduduk bandar golongan dewasa muda dan juga keluarga yang mempunyai anak remaja dan juga kanak-kanak. Menampilkan masakan Itali-Amerika berkhasiat yang juga menampilkan piza pan kegemaran dunia beserta hidangan lazat yang lain, Pizza Hut menawarkan suasana restoran yang selesa untuk menikmati hidangan lazat sambil bersantai dengan keluarga atau rakan.

Hasil jualan Pizza Hut Malaysia menurun sebanyak 1% untuk mencatatkan jumlah sebanyak RM474.6 juta pada 2016 berbanding RM479.3 juta pada 2015. Bagaimanapun, Pizza Hut masih menunjukkan potensi untuk mencapai keuntungan tambahan melalui beberapa kempen dan rancangan promosi pemasaran yang sangat menarik sepanjang 2017.

Pada 2016, Pizza Hut telah menjalankan enam promosi nilai hebat dan dua inovasi berbeza yang dikhaskan bagi musim perayaan. Bagi memeriahkan perayaan Tahun Baru Cina, Pizza Hut telah memperkenalkan piza istimewa, Cheesy Crown yang menampilkan kerak unik dengan limpahan *topping* yang pasti menambat citarasa. Menambahkan lagi kelazatannya adalah isi ketam, cebisan ayam, hirisn lada bengala, bawang, nanas dengan sos pedas dan masam. Bersempena dengan Ramadan, Pizza Hut telah mempromosikan piza istimewa iaitu Loaded Pockets. Piza Loaded Pockets mempunyai 12 kerak poket yang padat berinti dan menyelerakan.

Promosi yang paling mendapat sambutan hangat iaitu promosi *Wow* yang bermula pada Oktober 2016 untuk jualan *Take-Away* adalah pemacu utama dalam mendapatkan kembali momentum jualan. Pizza Hut komited dalam menyediakan pengalaman yang lebih baik sewaktu menikmati hidangan di setiap restorannya. Oleh itu, pelancaran '5 Image-Enhanced Stores' di outlet Lembah Klang beserta menu yang telah dipertingkatkan adalah antara inisiatif utama yang dilakukan bagi memenuhi tujuan tersebut.



Pizza Hut mengakhiri 2016 dengan jumlah 392 outlet, 14 restoran baharu dibuka dan 46 lagi melalui proses penambahbaikan. Antara 14 outlet tersebut, dua daripadanya adalah restoran dengan kemudahan penghantaran, satu outlet biasa dan 11 lagi outlet ekspress.

PIZZA HUT SINGAPURA

Tahun 2016 merupakan tempoh inovasi piza, bermula dengan Bountiful Fortune Pizza khas untuk Tahun Baru Cina; Seoul Sensation Pizza untuk memenuhi kegilaan ramai dengan masakan enak dari Korea dan kemunculan semula Cheesy 7 dan Cheesy Bites yang cukup popular di kalangan penggemar keju di Singapura. Restoran Pizza Hut terus menggantik pengunjung dengan penambahbaikan menu "Pizza and More" pada sekitar Julai selain pelancaran promosi makan tengah hari *1-for-1 Weekday* yang menyediakan pelbagai hidangan pasta, *pizza and entrée* untuk pengunjung. Sebagai respon kepada limpahan khidmat penghantaran makanan yang lain, Pizza Hut Delivery mewujudkan inovasi piza dan memperkuuhkan lagi tawaran dengan promosi *Double Box* dan *Big Box* di samping menambah baik KPI perkhidmatan untuk mengekalkan bahagian pasaran.

Pizza Hut Express kini semakin berkembang dan memperkenalkan pelbagai variasi piza sebagai tawaran istimewa bulanan untuk menarik minat pelanggan. Pengaktifan zon dagangan atau "*tradezone activation*" bermula pada suku keempat bagi menghasilkan interaksi dengan komuniti dan meningkatkan kesedaran tentang lokasi restoran serta promosi yang ada. Pihak operasi turut meneruskan pelaburan ke atas latihan dan pembangunan sepanjang tahun untuk mempertingkatkan pengalaman pelanggan. Pizza Hut telah berjaya mencapai jualan sebanyak S\$93.2 juta sekali pun berada di tengah-tengah kegawatan pasaran pada 2016 iaitu S\$0.7 juta lebih rendah berbanding 2015. Hal ini disebabkan keputusan pemilik premis untuk memajukan semula kawasan yang menyebabkan penutupan sebuah outlet yang jualannya tinggi. Pizza Hut Singapura menutup tirai 2016 dengan 80 outlet, peningkatan bersih sebanyak 9 unit yang dipacu oleh perkembangan model Pizza Hut Express.

Divisyen Hartanah



JOHOR LAND BERHAD MEMFOKUSKAN PEMBINAAN KEDIAMAN DAN PERBANDARAN KE ARAH PEMBANGUNAN TERANCANG SERTA KEDIAMAN BERKUALITI. KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN CEMERLANG TERUTAMA DALAM MEMBINA KOMUNITI TERBUKTI DENGAN PEMBANGUNAN KEDIAMAN PERJIRANAN DI PERBANDARAN PASIR GUDANG DISUSULI BANDAR DATO' ONN DI JOHOR BAHRU DAN TERKINI BANDAR TIRAM DI ULU TIRAM.



JOHOR LAND BERHAD

Komitmen jangka panjang bagi pembangunan mapan dan berkeupayaan memenuhi keperluan pasaran tempatan menjadikan Johor Land Berhad (JLand) terus pro-aktif dalam mengenalpasti keutamaan seterusnya membangunkan produk baharu selaras permintaan pasaran. Dengan memiliki bank tanah 1,012 hektar di lokasi strategik di tengah-tengah Iskandar Malaysia, JLand berada pada kedudukan baik untuk terus memperkuuhkan kedudukan sebagai syarikat hartanah utama dan dipercayai bukan sahaja di Johor malah Malaysia.

Walaupun pasaran hartaan dijangka lebih mencabar pada tahun-tahun mendatang, namun kejayaan yang dicapai menjadi pendorong JLand untuk terus berkeyakinan bahawa 2017 akan menjanjikan sesuatu yang lebih bermakna.

Divisyen Hartanah



PRESTASI KEWANGAN

Ketidakstabilan ekonomi serantau secara tidak langsung memberi kesan kepada prestasi syarikat. Sehingga 31 Disember 2016, JLand mencatatkan pendapatan perolehan RM346 juta berbanding RM505 juta pada 2015. Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai meningkat 18% kepada RM193 juta berbanding RM163 juta pada 2015. Meskipun pasaran kurang memberangsangkan, produk perumahan dan komersil JLand masih mendapat sambutan pembeli. JLand menjangka dapat mengekalkan prestasi yang baik pada 2017 dengan mengambil kira projek yang akan disiapkan selain projek terbaharu yang akan dilancarkan. Kualiti lembaran imbanginan JLand pada asasnya kekal teguh dengan aset ketara bersih meningkat kepada RM1.29 bilion pada 2016 berbanding RM1.14 bilion pada 2015.

TINJAUAN OPERASI

Bandar Dato' Onn

Bandar Dato' Onn kini berkembang menjadi pusat harta tanah pilihan utama di Johor Bahru bagi unit kediaman atau komersil dengan kedudukan yang strategik. Pembangunan utamanya hanya 12 kilometer dari pusat Bandaraya Johor Bahru. Merangkumi 612.69 hektar tanah pegangan bebas, Bandar Dato' Onn dirancang sebagai sebuah bandar serba lengkap merangkumi 17,200 unit perumahan dan kedai. Bandar Dato' Onn dijangka menjadi tumpuan bagi lebih 90,000 penduduk yang akan menjadikannya kediaman pilihan. Setakat ini, JLand telah menyiapkan 2,203 unit kediaman dan komersil manakala 359 unit dijangka siap pada 2017.

Pada 2016, JLand melancarkan projek 239 unit rumah kediaman di Perjiranan 15 Fasa 2 dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM152.8 juta. Di samping itu, JLand melancarkan 74 unit kedai pejabat tiga tingkat di Perjiranan 4 dengan GDV RM67.3 juta.

Bandar Dato' Onn turut menyediakan pelbagai kemudahan seperti masjid, taman rekreasi, sekolah dan balai polis. Pembinaan pusat beli-belah terkemuka, AEON pula dijangka siap pertengahan 2017. Masjid Sultan Iskandar di Bandar Dato' Onn siap sepenuhnya pada 7 Januari 2016 dan JLand telah menerima anugerah *QLASSIC Excellence Award 2016* daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi pembinaan masjid itu.

Divisyen Hartanah

Bandar Tiram

Bandar Tiram adalah antara mercu tanda hartenah JLand yang sedang pesat dibangunkan secara berperingkat di tapak seluas 485.62 hektar (Bandar Tiram Fasa 1–5). Pembangunan ini merangkumi lebih 11,000 unit kediaman serta komersil dan dijangka siap sepenuhnya menjelang 2025.

Bandar Tiram Fasa 1 merangkumi pembangunan bercampur melibatkan 1,429 unit kediaman dan 132 unit kedai pejabat dengan GDV bernilai RM440 juta. Sehingga 2016, sebanyak 708 unit kediaman dan 53 unit kedai pejabat di Bandar Tiram Fasa 1 telah dilancarkan dengan GDV RM245 juta. Bagi kegunaan bersama, sebuah lanskap berpusat siap dibina bagi manfaat penduduknya untuk beriadah.

Bandar Tiram juga merupakan destinasi kediaman yang strategik kerana lokasinya berhampiran Lebuhraya Senai-Desaru.

Taman Bukit Dahlia

Taman Bukit Dahlia dibangunkan di kawasan seluas 168.75 hektar di Pasir Gudang - satu daripada koridor pertumbuhan Johor. Pembangunan bercampur itu menempatkan lebih 3,800 unit rumah teres dan berkembar, banglo serta komersil. Projek ini dijangka menjana GDV RM990 juta. Untuk 2016, sebanyak 34 unit rumah teres 2 tingkat jenis Lovage Fasa 2, rumah teres jenis Idaman 1 dan 2 (66 unit), 28 unit rumah berkembar, 78 unit rumah teres 2 tingkat jenis Laman Cendana dan 14 unit kedai pejabat telah disiapkan lengkap Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).

Taman Damansara Aliff

Taman Damansara Aliff dibangunkan di atas tapak 90.31 hektar merangkumi plot komersil serta kedai pejabat dan unit kediaman yang



tersusun dan inovatif. Kedudukannya juga strategik kerana boleh dihubungi terus melalui Lebuhraya Perlis-Pasir Gudang dan Jalan Tampoi. Melalui pembangunan usahasama dengan Damansara Realty Berhad, JLand membina 42 unit kedai pejabat 3 tingkat yang siap pada April 2016 dan 26 unit kedai pejabat 3 tingkat dijangka siap pada Julai 2017. JLand juga membina 86 unit rumah teres 2 tingkat yang dijangka siap pada Jun 2017 dengan CCC.

Taman Mutiara Gading

Taman Mutiara Gading adalah pembangunan bercampur terbaru seluas 95.51 hektar yang sedang dibangunkan oleh JLand mulai Mei 2016. Projek itu berada di lokasi yang strategik iaitu 7 kilometer dari pusat bandar Batu Pahat dan mempunyai akses dari jalan utama Air Hitam-Batu Pahat serta berhampiran dengan cadangan stesen laluan keretapi laju.

Taman Mutiara Gading akan merangkumi pembinaan 1,599 rumah teres dua tingkat; 113 unit kedai pejabat 2 tingkat; 6 unit kedai sederhana rendah dan 2 lot komersil serta 211 unit Perumahan Komuniti Johor (PKJ) jenis teres. Keseluruhan pembangunan itu dijangka siap dalam tempoh 20 tahun. Taman Mutiara Gading juga bakal dilengkapi kemudahan awam seperti taman rekreasi dan permainan.

Menara JLand

Menara JLand adalah pembangunan menara pejabat terbaru di pusat Bandaraya Johor Bahru. Pembinaannya bermula November 2014. Sehingga Disember 2016, projek pembangunan itu siap 76 peratus dan dijangka siap sepenuhnya Disember 2017. Menara itu merupakan bangunan pertama di Johor Bahru yang mensasarkan Persijilan Emas bagi Indeks Bangunan Hijau (GBI) dan bangunan pejabat bertaraf gred A dalam Ibrahim International Business District (IIBD).

Divisyen Hartanah

Menara JLand ini setinggi 37 tingkat. Kedudukannya sangat strategik kerana terletak di pintu masuk IIBD serta Iskandar Malaysia dari arah Singapura. Ia mempunyai akses keluar masuk melalui jaringan penghubungan yang terbaik dari enam pusat pertumbuhan ekonomi dalam lingkungan 60 kilometer – Pasir Gudang, Senai, Iskandar Puteri, Tanjung Langsat, Tanjung Pelepas serta Pengerang. Penghubungan yang strategik dengan jajaran jejantas pejalan kaki yang menghubungkan antara bangunan dan pusat beli-belah di bandaraya ini memberi kelebihan kepada Menara JLand bagi membolehkan pengunjung melakukan aktiviti seperti bekerja, berekreasi ataupun membeli-belah.

Pembangunan Rumah Mampu Milik

Sebagai warga korporat, JLand bertanggungjawab dan komited menjayakan aspirasi kerajaan negeri dalam memastikan pemilikan rumah untuk rakyat di bandar mahupun di luar bandar melalui Dasar Perumahan Rakyat Johor. Memorandum Perjanjian (MoA) Pembangunan Perumahan Kos Rendah dan Mampu Milik antara Johor Corporation dengan Kerajaan Negeri Johor pada September 2013 membuktikan komitmen JLand terhadap aspirasi itu. JLand akan melaksanakan pembinaan 7,599 unit perumahan kos rendah dan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) di beberapa lokasi seperti di Bandar Dato' Onn, Bandar Tiram, Bandar Baru Majidee, Taman Mutiara Gading, Jalan Kong Kong-Masai di Pasir Gudang serta Lenga, Muar. Pembangunan berperingkat itu dijadualkan siap sepenuhnya pada 2020.

JLand juga sedang menyiapkan sebanyak 1,016 unit rumah PKJB di Bandar Dato' Onn di mana 1,000 unit rumah di bawah Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome). Projek ini dijangka siap pada 2017. Pembangunan menggunakan '*Industrialised Building System (IBS)*' ini mencapai 96% siap bagi fasa 1 dan 79% siap untuk fasa 2. Pada April 2016, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, menyempurnakan Majlis Gimik Penyerahan Surat Tawaran Skim MyHome Bandar Dato' Onn kepada 22 pemiliknya.

Bagi memenuhi keperluan perumahan di Bandar Tiram, sebanyak 630 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah sedang dibina. Ia dijangka siap Mei 2017. Sebanyak 250 unit rumah kos sederhana rendah adalah di bawah Skim MyHome. JLand juga memulakan pembinaan 320 unit rumah jenis RMMJ di Bandar Baru Majidee dan 156 unit RMMJ di Kampung Londang Batu, Endau, Mersing pada 2016.

DAMANSARA ASSETS SDN BHD

Damansara Assets Sdn Bhd (DASB) adalah syarikat anak milik penuh Johor Corporation. Ia menjalankan aktiviti pembangunan dan pengurusan hartanah komersil khususnya kompleks beli-belah dan bangunan pejabat. Setakat ini, DASB menguruskan 205,000 meter persegi ruang boleh disewa di Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Bangunan yang dimiliki Al-Salām REIT pula diuruskan oleh Synergy Mall Management Sdn Bhd (SMMSB) iaitu syarikat anak DASB. Ia menguruskan pusat beli-belah KOMTAR JBCC dan Pasaraya Komuniti @mart Kempas selain Menara KOMTAR JBCC dan bangunan KFCH International College. Bangunan yang dimiliki dan diuruskan DASB ialah Galleria@Kotaraya dan Pusat Perniagaan Taman Dahlia.

Selain itu, DASB menguruskan bangunan milik Kumpulan Johor Corporation iaitu Menara JCorp, Menara 238, Menara VSQ1, Menara Ansar, Jeti Tanjung Leman, Tunjuk Laut Beach Resort, Larkin Sentral serta Masjid Sultan Iskandar Bandar Dato' Onn.



Divisyen Hartanah

Chingay di KOMTAR JBCC

Perarakan Chingay ke-144 diadakan di Jalan Wong Ah Fook, Johor Bahru pada 28 Februari 2016. Laluan di hadapan KOMTAR JBCC dijadikan pentas utama sambutan itu yang disempurnakan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor. Hadir sama, YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor.

Perasmian UTC Johor di Galleria@Kotaraya

Majlis Perasmian Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Galleria@ Kotaraya diadakan pada 6 Mac 2016 dan disempurnakan YAB Dato' Seri Najib Tun Razak, Perdana Menteri. Turut hadir, YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri; dan YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Besar Johor.

UTC Johor adalah yang kelapan seumpamanya di negara ini. Sempena majlis itu, Perdana Menteri turut meninjau 32 pejabat agensi kerajaan, badan berkanun serta syarikat penyedia utiliti yang beroperasi di situ. Sejak beroperasi pada 3 Julai 2014 hingga akhir 2016, UTC Johor dikunjungi hampir 3 juta pelanggan.

Naik Taraf Larkin Sentral

Selaku pengurus Larkin Sentral, DASB menaiktaraf terminal pengangkutan awam terbesar di Johor itu pada 2016 bagi meningkatkan keselesaan pengguna di samping memastikan ia sentiasa berada pada tahap kompetitif dan imej yang baik. Antara yang dilaksanakan ialah menaiktaraf Sistem Operasi Terminal (TOS) melibatkan pembinaan bangunan bagi menempatkan operasi 56 kaunter tiket bas dan platform bas yang baharu. Projek naiktaraf TOS dimulakan pada Mac 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada suku ketiga 2017 dengan kos RM15.3 juta.



Latihan Kebakaran Bangunan

Latihan Kebakaran Bangunan dengan kerjasama Jabatan Bomba diadakan sebanyak 6 kali pada 2016 melibatkan enam bangunan yang diuruskan DASB iaitu Menara KOMTAR, KOMTAR JBCC, Pusat Perniagaan Taman Dahlia, Menara Ansar, @mart Kempas dan Galleria@Kotaraya. Latihan turut disertai penyewa bangunan terlibat.

Pemenang 'Shop & Win' dirai


Yang Amat Mulia Tunku Tun Aminah Binti Sultan Ibrahim telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penyampaian Hadiah Utama Karnival Mega 'Shop & Win' di lobi KOMTAR JBCC pada 20 November 2016. Pertandingan karnival itu dibuka kepada pelanggan yang membeli-belah di KOMTAR JBCC bagi tempoh 19 Ogos hingga 18 September 2016. Pihak penganjur menerima lebih 1,000 borang penyertaan bagi merebut hadiah utama iaitu sebuah kereta Perodua Axia.

Kedudukan Kewangan Syarikat 2016

Perolehan Kumpulan DASB sehingga 31 Disember 2016 berjumlah RM117.94 juta berbanding pada 2015 sebanyak RM86.84 juta. Sebahagian besar pertambahan itu hasil sewaan Menara VSQ1 di Petaling Jaya yang mencapai kadar kependudukan 100% serta KOMTAR JBCC dan Menara KOMTAR yang masing-masing mencapai kadar kependudukan 93% sekaligus menyumbang pertambahan pendapatan sebanyak RM24.54 juta.

Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai Kumpulan DASB sehingga 31 Disember 2016 adalah RM27.09 juta berbanding RM75.29 juta pada 2015. Keuntungan sebelum cukai Kumpulan DASB pada 2015 disumbangkan daripada lain-lain pendapatan sebahagian besarnya oleh penjualan hak pembangunan hotel sebanyak RM50 juta.

Divisyen Hartanah



AL-AQAR REIT

Al-Aqar Healthcare REIT (Al-Aqar) disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia pada 10 Ogos 2006. Meraikan ulang tahun ke-10 pada Ogos 2016 lalu, Al-Aqar telah meraih pelbagai pencapaian. Antaranya, disenaraikan sebagai REIT Islam pertama di dunia, REIT Penjagaan Kesihatan Islam pertama di Asia dan merupakan penanda aras bagi pembangunan REIT Islam di Malaysia serta di rantau ini.

Ditubuhkan dengan portfolio awal sebanyak enam hartaanah, Al-Aqar kini berkembang kepada 23 hartaanah terdiri daripada 19 hospital dan 4 hartaanah berkaitan penjagaan kesihatan meliputi seluruh Malaysia dan Australia. Hartanah di Malaysia mewakili 90.6% daripada jumlah nilai hartaanah dan masing-masing menyumbang 89% kepada hasil dan 88% kepada pendapatan sewa bersih Al-Aqar.

Jeta Gardens Aged Care & Retirement Village di Brisbane, Australia adalah aset asing tunggal dimiliki Al-Aqar yang mewakili 9.4% daripada jumlah nilai hartaanah dan menyumbang 11% terhadap hasil dan 12% terhadap pendapatan sewa bersih Al-Aqar.

Sehingga 31 Disember 2016, saiz hartaanah Al-Aqar mencecah RM1.61 bilion dengan modal pasaran bernilai RM1.02 bilion.

Al-Aqar yang diuruskan Damansara REIT Managers Sdn Berhad selaku Pengurus, adalah syarikat Kumpulan Johor Corporation.

Prestasi Kewangan

Al-Aqar mencatatkan perolehan bernilai RM103.8 juta bagi tahun kewangan 2016 iaitu penurunan sebanyak 6.4% berbanding tahun sebelumnya. Pendapatan bersih hartaanah turut merosot 6.7% kepada RM97.6 juta daripada RM104.6 juta pada tahun kewangan 2015. Penurunan ini disebabkan penjualan hartaanah di Indonesia pada 2015.

Keuntungan bagi 2016 bernilai RM63.1 juta (11% penurunan berbanding RM70.9 juta pada 2015) terdiri daripada keuntungan direalisasikan sebanyak RM61.5 juta (2015: RM55.8 juta) dan keuntungan tidak nyata sebanyak RM1.5 juta (2015: RM15.1 juta). Penurunan keuntungan disebabkan keuntungan yang lebih rendah dalam pelarasan nilai saksama.

Dividen yang diisyiharkan bagi tahun kewangan 2016 adalah 7.70 sen seunit berjumlah RM56.1 juta yang mewakili 95.7% daripada pendapatan yang boleh diagihkan.

Prospek

Al-Aqar menjangkakan pendapatan akan kekal stabil dan berdaya tahan berbanding REIT lain di pasaran serta akan berkembang secara organik daripada pembaharuan sewa dan peningkatan tahunan dan melalui pengambilalihan.



Divisyen Hartanah

AL-SALĀM REIT

Al-Salām REIT adalah REIT Islam yang pelbagai di Malaysia. Asetnya terletak di lokasi strategik di Pusat Bandaraya Johor Bahru dan bandar utama di seluruh Malaysia. Al-Salām REIT disenaraikan di Bursa Malaysia pada 29 September 2015. Pada 31 Disember 2016, saiz aset Al-Salām REIT berjumlah RM978.2 juta dengan jumlah modal pasaran RM620.6 juta.

Sebanyak 31 portfolio awal diambil alih Al-Salām REIT daripada dua anak syarikat Johor Corporation iaitu Damansara Assets Sdn Bhd (DASB) dan QSR Brands (M) Holdings Bhd (QSR). Antara aset utama DASB adalah KOMTAR JBCC, Menara KOMTAR, @mart Kempas dan KFCH College manakala aset QSR adalah rangkaian restoran KFC dan Pizza Hut di seluruh negara serta aset industri operasi terpilih. Johor Corporation merupakan penaja Al-Salām REIT.

Al-Salām REIT diuruskan oleh Damansara REIT Managers Sdn Berhad (DRMSB atau Pengurus), sebuah syarikat Kumpulan Johor Corporation.

Prestasi Kewangan

Al-Salām REIT mencatatkan peningkatan pendapatan kasar dan pendapatan harta tanah bersih masing-masing sebanyak 268.4% dan 262.3% pada 2016 berbanding 2015. Ini adalah kerana sumbangan tahun penuh daripada harta tanah-harta tanah memandangkan harta tanah-harta tanah tersebut diambil alih pada 29 September 2015.



Dalam tempoh kewangan 2016, kadar penghunian Menara Komtar adalah sebanyak 93%. Menara Komtar merupakan Ibu Pejabat Johor Corporation sekaligus menjadikan ia penyewa utama. Ini membolehkan Menara Komtar menikmati tempoh sewa yang stabil untuk jangka masa panjang.

Segmen makanan dan minuman (F&B) menyaksikan sumbangan yang lebih rendah daripada Hasil dan Pendapatan Hartanah Bersih berbanding tahun sebelumnya. Ini disebabkan proses pengambilalihan harta tanah selesai terdiri daripada dua fasa. Fasa pertama selesai pada 6 Mei 2016 dan melibatkan 13 harta tanah bernilai RM126.0 juta manakala pengambilalihan harta tanah fasa kedua melibatkan 14 harta tanah F&B dan KFCH International College selesai pada 29 September 2016.

Keuntungan pada tahun semasa adalah sebanyak RM46.7 juta (TK2015:RM14.8 juta) sejak pengambilalihan di mana menyumbang kepada pendapatan Al-Salām yang dilakukan secara berperingkat dan selesai sepenuhnya pada 30 September 2016 .

Bagi tahun kewangan 2016 Al-Salām mengistiharkan jumlah agihan tahunan sebanyak 6 sen per unit bersamaan RM34.8 juta iaitu 96.6% daripada pendapatan yang boleh diagihkan.

Prospek

Disokong oleh pajakan bersih tiga kali ganda panjang, restoran F&B dan restoran bukan F&B mempunyai daya tahan pendapatan yang kukuh yang akan membantu meminimumkan kenaikan perbelanjaan operasi harta tanah untuk jangka masa panjang.

Divisyen Pembangunan Industri



AKTIVITI UTAMA DIVISYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI (DPI) ADALAH MELAKSANA DAN MEMPERKUKUHKAN PERANAN JOHOR CORPORATION SEBAGAI AGEN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DI JOHOR.INI MERANGKUMI ASPEK MERANCANG, MEMBINA DAN MENYIAPKAN KAWASAN PERINDUSTRIAN DENGAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN DISOKONG PEMBOLEHUPAYA (*ENABLER*) SEPERTI PELABUHAN, ZON PERDAGANGAN BEBAS, PUSAT LOGISTIK DAN SETERUSNYA MENAWARKAN EKOSISTEM YANG KONDUSIF UNTUK PELABUR.

Setakat ini, DPI telah memajukan 31 kawasan perindustrian di seluruh Johor dengan keluasan 5,827.47 hektar. Johor Corporation turut berjaya menarik pelaburan hampir RM63 bilion melibatkan 1,804 pelabur tempatan dan asing. Sebanyak 184,000 peluang pekerjaan diwujudkan hasil pembangunan dan pelaburan tanah industri tersebut.

Sepanjang 2016, permintaan terhadap tanah industri masih menggalakkan walaupun senario ekonomi dunia masih tidak menentu sekaligus mendorong pelabur mengambil sikap ‘tunggu dan lihat’. Bagaimanapun, DPI berjaya menarik pelaburan berjumlah RM6 bilion ke Johor bagi tempoh tersebut.

Divisyen Pembangunan Industri

Pelabuhan Tanjung Langsat (PTL) menyediakan kemudahan logistik untuk industri minyak dan gas (O&G) di Tanjung Langsat Industrial Complex (TLIC). Selepas krisis harga pasaran minyak global pada 2014, harga pasaran minyak pada 2016 mencatatkan peningkatan positif berikutan persetujuan anggota Pertubuhan Negara-Negara Pengekspor Petroleum (OPEC) mengurangkan pengeluaran. Peningkatan harga pasaran minyak yang berterusan ini memberi kesan langsung kepada PTL kerana perdagangan minyak adalah aktiviti utama di situ.

Secara keseluruhan, PTL mencatatkan peningkatan 35 peratus bagi jumlah pengendalian kargo sepanjang 2016 kepada 12.5 juta tan. Pengendalian kargo berasaskan petroleum menyumbang 95% jumlah keseluruhan pengendalian kargo di PTL.

Peningkatan harga pasaran minyak turut mendorong peningkatan pengendalian kargo pukal dan kering, terutama kargo berkaitan industri O&G. Pada 2016, PTL mengendalikan 0.3 juta tan kargo pukal dan kering iaitu peningkatan 41 peratus berbanding 2015.

Bermula 1 Jun 2016, pengurusan PTL diambilalih sebuah syarikat anak milik penuh Johor Corporation iaitu TLP Terminal Sdn Bhd.

PEMBANGUNAN TAMAN PERINDUSTRIAN PERKAYUAN MUAR

Johor Corporation diamanahkan oleh Kerajaan Johor untuk bertindak sebagai pemaju pembangunan hab industri perabot bagi memenuhi keperluan pembuatan dan pemasaran produk perabot khasnya di Muar. Pembangunan fizikal yang melibatkan tanah seluas 399 hektar itu dijangka mengambil masa tiga tahun. Pembangunan hab itu mengunjurkan penjanaan pelaburan sebanyak RM1.3 bilion melalui pembinaan 213 kilang.

PEMBANGUNAN INDUSTRI SOKONGAN O&G PENGGERANG

Di Pengerang, Johor Corporation mengenalpasti tanah seluas 318 hektar untuk dibangunkan bagi menempatkan industri sokongan kepada RAPID. Antara aktiviti yang disasarkan ialah kegiatan hilir O&G seperti perkhidmatan ujian bukan pemusnah (*non-destructive testing services*), acuan suntikan plastik (*plastic injection moulding*), 'pipes & profiles extrusion' dan acuan buih (*foaming moulding*).

Kenyataan Petronas mengenai jangkaan mulakan operasi RAPID Fasa 1 pada suku pertama 2019 mengukuhkan lagi bilangan pertanyaan pelabur sejajar sentimen positif terhadap pemulihan industri O&G. Justeru, Johor Corporation giat bekerjasama bersama Petronas dan Johor Petroleum Development Corporation (JPDC) bagi mempromosikan kawasan perindustrian itu kepada pelabur.

PEMBESARAN TLIC

TLIC adalah zon perindustrian di Johor khusus untuk menempatkan industri berat. Sehingga Disember 2016, seramai 114 pelabur tempatan dan asing komited melabur AS\$5.4 bilion (RM24 bilion) bagi mendirikan kilang di TLIC. Daripada jumlah itu, 53 kilang telah beroperasi dengan nilai pelaburan AS\$3.7 bilion (RM16.58 bilion).

Berikutan permintaan tinggi, tanah boleh dijual di TLIC direkodkan berbaki 485 hektar. Justeru, TPM Technopark Sdn Bhd (TTSB) melalui Johor Corporation mengenalpasti tanah di sebelah utara PTL seluas 309 hektar untuk dibangunkan sebagai Hab Fabrikasi Luar Pantai dan Pusat Maritim.

Cadangan pembangunan ini bertujuan menempatkan aktiviti pembinaan dan penyelenggaraan kapal, fabrikasi untuk eksplorasi dan pengeluaran minyak luar pantai, industri berkaitan maritim, penyelenggaraan pelantar minyak serta aktiviti lain berkaitan O&G. Unjur an nilai pelaburan hampir RM2.0 bilion dengan hampir 2,000 peluang pekerjaan baharu.



Divisyen Pembangunan Industri

TLP TERMINAL SDN BHD

Pada 1 Jun 2016, pengurusan PTL diambilalih sebuah syarikat anak milik penuh Johor Corporation iaitu TLP Terminal Sdn Bhd (TLPT) telah dianugerahkan Lesen Terminal Operator oleh Lembaga Pelabuhan Johor.

Dengan modal dibenar dan modal dibayar berjumlah RM1,000,000, TLPT merekodkan prestasi yang baik sepanjang operasi pada tujuh bulan pertama sehingga 31 Disember 2016.

Berikut adalah perbandingan prestasi operasi yang direkodkan oleh TLPT bermula 1 Jun 2016 sehingga 31 Disember 2016:

| | Jun-Dis | | Peningkatan (%) |
|------------------|-------------|----------------------|-----------------|
| | 2016 (TLPT) | 2015 (operator lama) | |
| Bilangan Kapal | 569 | 438 | 30% |
| Kargo (juta tan) | 7.9 | 5.3 | 49% |

Jumlah pengendalian kargo meningkat 49 peratus kepada 7.9 juta tan berbanding 5.3 juta tan. Ia disumbangkan oleh aktiviti konsolidisasi produk Mogas ke terminal minyak milik Langsat Terminal (One) Sdn Bhd (LGT-1) bermula Jun 2016.

Berikut jumlah peningkatan bilangan kemasukan kapal dan pengendalian kargo yang tinggi untuk tempoh Jun sehingga Disember 2016, TLPT mencatatkan perolehan berjumlah RM31.9 juta dan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM3.1 juta.

BISNES PELABUHAN

Kedudukan PTL yang strategik - cuma 12 batu nautika dari laluan perkapalan antarabangsa, dilengkapi fasiliti dermaga dan keupayaan mengendalikan kapal bersaiz Suezmax dan Aframax adalah faktor utama pelabuhan itu terus menjadi pilihan pedagang dan pelabur. Ini selari dengan Projek Permulaan Ekonomi (*Entry Points Project, EPP*) yang menjadi hasrat Kerajaan Persekutuan. Beberapa pelaburan baharu mula beroperasi di TLIC pada 2016. Beberapa pembangunan baharu turut giat dilaksanakan bagi memastikan peningkatan prestasi jangka panjang dan kemampuan bisnes pelabuhan. Berikut adalah komponen kluster di TLIC:



a) Tangki Penyimpanan Minyak

Tangki Penyimpanan Minyak berkapasiti 922,800 meter padu dengan keluasan 161 hektar merangkumi terminal minyak bagi kargo petroleum & petrokimia serta terminal minyak bagi kargo minyak boleh dimakan (*edible oil*). Setakat ini, beberapa pelaburan asing dan tempatan beroperasi iaitu Langsat Terminal (One) Sdn Bhd (syarikat kerjasama Dialog Berhad, MISC Berhad dan Puma Energy (Malaysia) Sdn Bhd); Langsat Terminal (Two) Sdn Bhd (syarikat kerjasama Trafigura, Shell dan Petronas); Puma Energy (Malaysia) Sdn Bhd; Musim Mastika Oil & Fats (M) Sdn Bhd; serta Langsat Bulkers Sdn Bhd.

b) Hab Oilfield Services & Equipment (OFSE)

Tapak industri untuk Khidmat Kejuruteraan Pesisir Pantai seluas 202 hektar diperuntukkan kepada syarikat OFSE global beroperasi di TLIC bagi memberi perkhidmatan industri O&G yang pesat berkembang maju di rantau ini. Antara pelaburnya ialah Asiaflex Products Sdn Bhd (syarikat Kumpulan Technip), Kiswire Neptune Sdn Bhd; dan Bahru Stainless Sdn Bhd (syarikat anak Acerinox Pte Ltd).

Divisyen Pembangunan Industri



c) Pangkalan Bekalan Marin Serantau

Pangkalan Bekalan Marin Serantau dibangunkan oleh Langsat OSC Sdn Bhd dan Langsat Marine Terminal Sdn Bhd, masing-masing dengan keluasan 20 hektar.

i. Langsat OSC Sdn Bhd (LOSC)

Pembinaan fasiliti '*Common User Supply Base*' oleh LOSC telah siap sepenuhnya. Ia beroperasi dengan status Gudang Berlesen Awam (GBA) dan Gudang Pengilangan Berlesen (GPB) mengikut Seksyen 65 & 65A Akta Kastam 1967. Fasiliti ini merangkumi 16 bengkel bagi penggunaan syarikat yang berkaitan aktiviti huluau industri O&G. Dengan kepakaran rakan kongsi yang menguruskan fasiliti serupa di Jebel Ali Freezone, Dubai, Emiriah Arab Bersatu mampu menarik syarikat terkemuka O&G beroperasi di situ.

ii. Langsat Marine Terminal Sdn Bhd (LMT)

Fasiliti gudang dan logistik oleh LMT telah siap dibina sepenuhnya dan berjaya menarik syarikat berpangkalan di Jepun, NKGBS Malaysia Sdn Bhd, untuk menyewa keseluruhan gudang tertutup di situ selama 10 tahun bermula 2016. LMT turut membawa masuk Welfab Engineering Sdn Bhd, Tiong Nam Sdn Bhd dan FGV Logistics Sdn Bhd untuk membuat pajakan selama 30 tahun. Keseluruhan LMT beroperasi menggunakan GBA di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967.

PEMBOLEHUPAYA – ZON PERDAGANGAN BEBAS (FCZ)

Kelebihan lokasi yang strategik dan peningkatan kapasiti kemudahan pelabuhan memberi kelebihan kepada Johor Corporation mewujudkan FCZ di PTL. Kementerian Kewangan memberi kelulusan kepada Johor Corporation mewujudkan FCZ di kawasan seluas 75 hektar pada 3 Jun 2016. Pembangunan FCZ sedang dilaksanakan dan dijangka siap sepenuhnya akhir 2017.

Apabila pembangunan itu siap, PTL akan menjadi Hab Logistik Bersepada di rantau ini. Setakat ini, beberapa pelabur tempatan dan asing telah mengisi lebih 40% daripada keseluruhan kawasan projek. Dijangka lebih banyak pengendali logistik akan melabur di situ pada 2017.

PEMBOLEHUPAYA – KLUSTER PERINDUSTRIAN MINYAK SAWIT

Pembangunan Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) di TLIC menerima geran khas Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi berjumlah RM103 juta. Tujuannya untuk menyediakan kemudahan infrastruktur, bangunan pejabat dan kilang, kilang biomas serta tangki simpanan minyak. Setakat ini, 78 hektar (69%) daripada jumlah keseluruhan POIC dipajak dan dioperasikan sepenuhnya oleh pelabur strategik.

PEMBOLEHUPAYA – JOHOR SKILLS

Peranan Johor Skills menyediakan latihan kemahiran bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian adalah kritikal untuk memastikan Johor terus berdaya saing sebagai destinasi pelaburan terutama pelaburan langsung asing. Sepanjang tempoh 2016, Johor Skills melatih seramai 3,412 peserta melalui pelbagai latihan kemahiran yang disediakan.

Divisyen Pembangunan Industri

TINDAKAN BERTERUSAN TINGKATKAN KEMUDAHAN PELABUHAN

DPI terus berusaha membawa masuk pelabur baru ke TLIC termasuk yang memerlukan kemudahan dermaga.

a) Projek Pembesaran Jeti Kargo Kering

Berdasarkan unjuran peningkatan aktiviti di Jeti Kargo Kering oleh pengguna sedia ada dan baharu terutama MSM Malaysia Holdings Berhad, Johor Corporation sedang merancang pembinaan dua dermaga baharu di Jeti Kargo Kering. Projek pembesaran jeti itu bernilai hampir RM120 juta dan bermula pada 2017. Ia dijangka siap sepenuhnya pada akhir 2018. Apabila projek siap, kapasiti Jeti Kargo Kering akan meningkat 155% daripada 2 juta tan metrik kepada 5.1 juta tan metrik setahun.

TPM TECHNOPARK SDN BHD

TPM Technopark Sdn Bhd (TTSB) adalah syarikat anak milik penuh Johor Corporation di bawah DPI. Ia menyediakan perkhidmatan pengurusan projek komersil dan pembangunan infrastruktur serta bertindak selaku agen pemasaran dan pemaju projek kawasan perindustrian milik Johor Corporation.

Prestasi Kewangan

Pendapatan Kumpulan TTSB bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 berjumlah RM55.72 juta berbanding tempoh sama pada 2015 sebanyak RM107 juta. Keuntungan sebelum cukai bagi 2016 turut merekodkan penurunan sebanyak RM9.8 juta berbanding RM30 juta tahun sebelumnya. Sebahagian besar penurunan pendapatan pada 2016 disebabkan pelabur-pelabur dari luar negara mengambil langkah tunggu dan lihat.

Kualiti lembaran imbalan Kumpulan TTSB pada asasnya kekal teguh dengan aset ketara bersih meningkat kepada RM117 juta pada 2016 berbanding RM112 juta tahun sebelumnya.

Namun, prestasi TTSB dijangka lebih baik menjelang 2017 dengan mengambil kira projek yang akan disiapkan selain projek terbaru yang akan dilancarkan meskipun keadaan pasaran hartanah industri dijangka lebih mencabar pada masa akan datang.



PEMASARAN TANAH INDUSTRI

Sebagai agen pemasaran bagi pembangunan industri Johor Corporation, TTSB sentiasa fokus dalam misi menarik pelaburan sekaligus memperkenalkan Johor sebagai lokasi pilihan pelaburan utama di Malaysia khususnya di TLIC dan Kawasan Perindustrian Sedenak.

Sepanjang 2016, TTSB giat menyertai misi pelaburan anjuran Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Kerajaan Negeri Johor termasuk ke Jepun, China, Jerman serta United Kingdom.

TTSB dengan kerjasama DPI turut menganjurkan Sesi Jaringan Kerja Bisnes bersama pelabur serta pihak berkepentingan bagi memberi penghargaan kepada mereka yang menyumbang terhadap pembangunan industri di Johor di samping memberi ruang kedua-dua pihak berinteraksi.

PENGURUSAN PROJEK

TTSB turut memainkan peranan penting sebagai Pengurus Projek. Sepanjang 2016, TTSB menguruskan 35 projek Johor Corporation dan Kumpulan dengan nilai projek hampir RM100 juta.

TTSB juga bertindak selaku pengurus projek di bawah Jabatan Perdana Menteri melalui Pejabat Pembangunan Negeri Johor (SDO). Sepanjang 2016, TTSB menerima 16 projek SDO bernilai RM32.7 juta. Sejak 2011, TTSB menerima 52 projek daripada SDO.

Divisyen Pembangunan Industri

Sepanjang 2016, TTSB menyiapkan 24 projek dengan nilai RM186 juta. Ia melibatkan 18 projek komersil dan enam projek industri. Antaranya, Pembangunan Bersepadu Kem Askar Timbalan Setia Negeri Johor; Pembangunan Naik taraf Bangunan Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH); Kerja-Kerja Menaiktaraf Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunos di Larkin; dan Kerja Tanah di Kawasan Perindustrian Sedenak.

PEMBINAAN KILANG SIAP BINA

TTSB terus merancang pelbagai strategi bisnes yang mampu menjana pendapatan berterusan kepada bisnes terasnya. Antara projek yang sedia untuk dijual adalah Premium Corporate Premises yang menawarkan 14 unit kilang siap bina di Zon 12B, Kawasan Perindustrian PG (Fasa 2).

Selain itu, TTSB melalui Johor Corporation menerima geran berjumlah RM30 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan 30 unit kilang siap bina di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang bagi menampung permintaan perusahaan kecil dan sederhana bumiputera. Pembinaannya bermula Januari 2017 dan dijangka siap akhir 2018.

Park Management

TTSB juga telah dilantik untuk melaksanakan Projek Pilot Pengurusan Kawasan Perindustrian di Johor yang dijangka siap pada akhir 2017.

**Johor sebagai
pusat pangkalan data
kedua di Malaysia**



SEDENAK ISKANDAR DATA HUB (SIDH)

Tanah seluas 302 hektar di Kawasan Perindustrian Sedenak dikenalpasti untuk dibangunkan sebagai Sedenak Iskandar Data Hub iaitu pusat pangkalan data seperti diumumkan Kerajaan Persekutuan. Ini secara tidak langsung mengetengahkan Johor sebagai pusat pangkalan data kedua di Malaysia selepas Cyberjaya.

TTSB menjangkakan pembangunan projek ini akan mewujudkan limpahan ekonomi yang positif sekaligus merangsang peluang pekerjaan serta menarik pelaburan tempatan dan asing ke situ.

PROSPEK

Berdasarkan perancangan strategik lima tahun syarikat, TTSB bercadang meningkatkan simpanan tanah industri yang akan menjana pendapatan kepada TTSB dan Johor Corporation. Perancangan itu dijangka tercapai melalui pembangunan kawasan perindustrian baharu.

Dengan mengandaikan semua projek dalam perancangan itu dapat dilaksanakan tanpa sebarang halangan, TTSB dijangka mengekalkan statusnya sebagai antara penyumbang utama keuntungan dan tunai kepada Johor Corporation sekaligus memperkuuh peranan Johor Corporation dalam menerajui pembangunan perindustrian di Johor.



Divisyen Pembangunan Bisnes



**BERPEGANG KEPADA VISI MEMBINA
DAN MEMBELA, JOHOR CORPORATION
BERPERANAN BESAR DALAM
PEMBANGUNAN MASA DEPAN
EKONOMI JOHOR DAN NEGARA BAGI
MEMENUHI PENGISIAN OBJEKTIF DASAR
PEMBANGUNAN NASIONAL.**



INTRAPRENEUR

Selaras dengan matlamat ini, agenda pembangunan usahawan kekal menjadi tugas dan teras utama aktiviti Johor Corporation dengan sasaran melahirkan lebih ramai usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negeri dan negara supaya mapan serta berdaya saing. Melalui Skim Intrapreneur yang dimulakan sejak 1999, Johor Corporation terus memberi peluang dan ruang kepada individu yang berminat menjadi usahawan sama ada di kalangan anggota pekerja Johor Corporation dan syarikat Kumpulan mahupun usahawan luar.

Skim Intrapreneur Johor Corporation adalah inisiatif pembangunan usahawan yang inovatif dan menunjukkan pencapaian serta kejayaan cemerlang.

Sehingga 31 Disember 2016, terdapat 34 syarikat diletakkan di bawah Skim Intrapreneur Johor Corporation dengan perolehan dicatatkan berjumlah RM420 juta. Prestasi keuntungan sebelum cukai secara keseluruhan bagi tempoh sama adalah RM10 juta. Tujuh syarikat Intrapreneur mencatatkan keuntungan sebelum cukai masing-masing melebihi RM1 juta.

Divisyen Pembangunan Bisnes

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, sebanyak 17 syarikat Intrapreneur berada di bawah Kulim (Malaysia) Berhad; Johor Corporation (lapan); KPJ Healthcare Berhad (enam); Waqaf An-Nur Corporation Berhad (dua); dan QSR Brands (M) Holdings Bhd (satu).

Pada 2016, dua syarikat baharu Intrapreneur turut diwujudkan. Dua syarikat adalah dalam kalangan anggota pekerja Kumpulan KPJ Healthcare Berhad iaitu Syarikat Total Meal Solution Sdn Bhd dan Skop Yakin Sdn Bhd.

Pada 2016 turut menyaksikan beberapa kejayaan cemerlang dicapai syarikat Intrapreneur iaitu menerusi Syarikat Danamin (M) Sdn Bhd yang diberikan pengiktirafan persijilan ISO 14001:2004 dan OHSAS 18001:2007 pada 23 April 2016 dan *"Responsible Contractor for Outstanding Performance"* oleh Petronas Chemical Ammonia Sdn Bhd pada 11 Oktober 2016.

Syarikat Microwell Bio Solutions Sdn Bhd pula mendapat pengiktirafan persijilan oleh NanoVerify dan SIRIM QAS International bagi produk berdasarkan nano iaitu *Groagro 1* dan *Groagro 4*. Syarikat itu sedang memuktamadkan beberapa kerjasama dengan agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan.

Syarikat Pengangkutan Maju (MAJU) Berhad pula meneruskan agenda Perkhidmatan Bas TransJohor apabila kerjasama Perbadanan



Pengangkutan Awam Johor (PAJ) dengan menyediakan perkhidmatan laluan Kota Tinggi (enam unit) yang memulakan operasi April 2016 manakala laluan Muar (dua unit) bermula Mei 2016. Tiga pemandu MAJU turut mendapat pengiktirafan apabila menerima Anugerah Pemandu Berhemah daripada Ketua Polis Negara.

Pencapaian Intrapreneur ini adalah antara bukti keberkesanan skim yang dianjurkan serta komitmen Johor Corporation dalam melaksanakan program pembangunan usahawan di Negeri Johor khasnya dan di seluruh negara. Komitmen Johor Corporation turut diperluaskan di dalam industri pertanian bagi merealisasikan aspirasi kerajaan dalam bidang Sekuriti Makanan Negara melalui program pembangunan usahawan Bumiputera di dalam Industri Ternakan Ayam dan penanaman cili.

Bagi Program Ternakan Ayam, disasarkan seramai 10 usahawan penternak ayam Bumiputera dengan kapasiti pengeluaran 50,000 ekor ayam/pusingan akan dibangunkan oleh Johor Corporation pada 2017. Di samping itu, Johor Corporation melalui anak syarikatnya, KARA Holdings Sdn Bhd akan terus menawarkan peluang perniagaan di bawah Skim Perlesenan Korporat bagi outlet Kedai Ayamas. Terdapat dua outlet Kedai Ayamas yang sehingga kini masih di bawah Skim Perlesenan Korporat masing-masing di Bukit Baru, Melaka dan Taman Melawati, Ulu Kelang.

Untuk projek penanaman cili, pihak Johor Corporation telah menjalankan operasi projek perintis Cili Bangi seluas 1.2 hektar melalui anak syarikatnya iaitu Absolute Ambient Sdn Bhd di Mukim Bukit Batu, Sedenak, Johor sebagai pemangkin kepada program melahirkan usahawan tani. Projek perintis ini juga adalah kesinambungan daripada Perjanjian Kerjasama Strategik yang dilaksanakan oleh Johor Corporation bersama Syarikat Serotech Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Syarikat Pemindahan Teknologi, UKM Technology Sdn Bhd. Melalui projek ini, Johor Corporation mensasarkan untuk melahirkan usahawan tani di kalangan belia bagi penanaman dan pengeluaran cili untuk pasaran tempatan.

Kejayaan Skim Intrapreneur yang dilaksanakan sejak 18 tahun lalu memberi dorongan dan keyakinan kepada Johor Corporation untuk meneruskan inisiatif ini dengan melakukan penambahbaikan. Kajian semula skim ini juga akan dilakukan untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahannya bagi menyediakan wadah baharu yang akan dikenali sebagai Skim Intrapreneur 2.0. Ia bertujuan untuk menarik lebih ramai penyertaan kalangan anggota pekerja dan usahawan luar yang layak bagi membantu mempercepatkan pengembangan skim ini.

**TERDAPAT
34 SYARIKAT
DILETAKKAN DI BAWAH SKIM
INTRAPRENEUR JOHOR
CORPORATION DENGAN
PEROLEHAN DICATATKAN
BERJUMLAH
RM420 JUTA**

Divisyen Tanggungjawab Korporat



**DIVISYEN TANGGUNGJAWAB KORPORAT
SEBAGAI PENYELARAS DAN PEMANTAU
AKTIVITI TANGGUNGJAWAB KORPORAT
JOHOR CORPORATION, YANG
DILAKSANAKAN SECARA LANGSUNG
MELALUI ORGANISASI AMAL SEPERTI
WAQAF AN-NUR CORPORATION BERHAD
(WANCORP) DAN YAYASAN JOHOR
CORPORATION, SERTA TIDAK LANGSUNG
MELALUI SYARIKAT DALAM KUMPULAN.**



Sepanjang 2016, Johor Corporation melaksanakan program tanggungjawab korporatnya melalui pendekatan yang lebih berkesan bersama pelbagai golongan masyarakat. Antara program tanggungjawab korporat pada 2016 adalah seperti laporan berikut.

PENAJAAN PASUKAN BOLA SEPAK JDT

Johor Corporation adalah antara penaja utama pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim (JDT) sejak 2013 dan masih diteruskan sehingga kini. Penajaan untuk sukan ini bukan sahaja kerana ia melibatkan jutaan penonton dan peminat malah sebagai pernyataan menyokong Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor selaku Penaung Diraja Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dalam membangunkan bola sepak Johor.

Hasil aspirasi dan sentuhan kecekapan pengurusan Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor itu, Bangsa Johor kini berbangga dengan pasukan JDT yang ternyata cemerlang dalam liga tempatan setelah menjadi juara Liga Super bagi tiga tahun berturut-turut iaitu pada 2014, 2015 dan 2016 selain menjadi juara Piala AFC pada 2015 sekaligus menjadikannya sebagai kelab bola sepak pertama di Asia Tenggara yang memenangi kejohanan berprestij itu.

Divisyen Tanggungjawab Korporat



SEMARAK JAWI™

Semarak Jawi™ adalah antara inovasi program tanggungjawab korporat syarikat Kumpulan Johor Corporation bersama Yayasan Johor Corporation. Bagi mempertahankan khazanah dan membudayakan penggunaan tulisan Jawi terutama di kalangan generasi muda, Johor Corporation pada 7 September 2016 telah meneruskan penajaan penerbitan akhbar Utusan Melayu Mingguan tahun kedua berturut-turut.

Dengan menaja penerbitan 5,000 naskhah akhbar Jawi setiap minggu, akhbar itu diedarkan ke sekolah terpilih di Johor pada setiap Isnin selama 52 minggu. Penajaan bagi tahun kedua ini ditambahbaik dengan mewujudkan Portal Berita Jawi™ pertama di Malaysia - www.utusanmelayu.com.my. Selain itu, bagi menarik minat lebih ramai masyarakat terutama kalangan generasi muda membaca dan menulis Jawi, Peraduan Semarak Jawi™ diadakan di akhbar Utusan Melayu Mingguan yang menawarkan pelbagai hadiah menarik setiap minggu.

Susulan penajaan penerbitan akhbar itu, program Semarak Jawi™ di sekolah Johor dianjurkan bagi membudayakan penggunaan tulisan Jawi melalui pendekatan yang menyeronokkan, bukan sekadar

SEMARAK JAWI™ ADALAH ANTARA INOVASI PROGRAM TANGGUNGJAWAB KORPORAT SYARIKAT KUMPULAN JOHOR CORPORATION BERSAMA YAYASAN JOHOR CORPORATION.

BAGI MEMPERTAHANKAN KHAZANAH DAN MEMBUDAYAKAN PENGGUNAAN TULISAN JAWI TERUTAMA DI KALANGAN GENERASI MUDA.

sebagai suatu pembelajaran. Tiga jenis pengisian diwujudkan bagi menjayakan program ini iaitu Jelajah Jawi, Coretan Jawi dan Pertandingan Tulisan Khat. Seramai 975 pelajar dan guru daripada 188 sekolah rendah dan menengah dari 11 daerah di Johor terlibat dalam program ini.

JALINAN UKHUWAH™

Program Jalinan Ukhuhwah™ adalah Program Tanggungjawab Korporat™ Johor Corporation yang dikelolakan oleh Divisyen Tanggungjawab Korporat, Johor Corporation. Program Jalinan Ukhuhwah™ ini bertujuan mendekatkan diri pemimpin kepada masyarakat, menjalin hubungan baik antara Johor Corporation dan masyarakat serta menyumbang tenaga demi menjamin kesejahteraan masyarakat setempat. Program yang menyasarkan masyarakat luar bandar di Johor ini boleh dikatakan sebagai bukti Johor Corporation amat prihatin dengan kehidupan masyarakat luar bandar dan ingin berjasa kepada mereka. Setiap aktiviti dilaksanakan oleh anggota Briged Waqaf™ Johor Corporation dengan kerjasama banyak pihak seperti anggota Jabatan Bomba & Penyelamat, Polis DiRaja Malaysia dan pasukan Timbalan Setia Negeri Johor (JMF).

Divisyen Tanggungjawab Korporat

HOSPITAL DAN KWAN

Sejak 1998, Johor Corporation melalui kerjasama antara Waqaf An-Nur Corporation Berhad dan KPJ Healthcare Berhad telah membangunkan 21 Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) di seluruh negara dan sebuah Hospital Waqaf An-Nur di Pasir Gudang, Johor. Perkhidmatan perubatan pesakit luar di KWAN boleh dinikmati semua lapisan masyarakat serta pelbagai bangsa dan agama dengan bayaran RM5 sahaja. Sehingga 2016, sejumlah 1,398,524 rawatan diberikan kepada pesakit di rangkaian KWAN. Daripada jumlah itu, sebanyak 111,881 (11 peratus) adalah jumlah rawatan yang diberikan kepada pesakit bukan Islam. KWAN kini mempunyai 66 mesin dialisis. Seramai 307 pesakit buah pinggang menerima manfaat dengan menjalani rawatan di pusat dialisis yang disediakan.

PPNJ DAN MSA

Johor Corporation turut mempelopori sukan pelayaran dengan penglibatan dalam Persatuan Pelayaran Negeri Johor (PPNJ) dan Persatuan Pelayaran Malaysia (MSA). YB Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation menerajui kedua-dua persatuan itu selaku Presiden. Kedua-dua Organisasi Bisnes Amal (OBA) ini aktif dalam mempromosi dan membangunkan sukan perahu layar di peringkat tempatan malah antarabangsa. Selain semakin menguasai arena tempatan, atlet perahu layar kini mencapai kejayaan memberangsangkan di peringkat antarabangsa.

Dua atlet perahu layar mewakili Malaysia pada Sukan Olimpik Rio 2016 iaitu Khairulnizam Mohd Afendy dan Nur Shazin Mohamad Latif. Prestasi cemerlang atlet perahu layar di persada antarabangsa terus membanggakan Persatuan Pelayaran apabila skuad pelayaran Malaysia memperolehi empat pingat emas di Regata Antarabangsa Qatar 2016. YB Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation turut menerima Anugerah Kepimpinan Sukan 2016 pada Majlis Anugerah Sukan Negara.

PROJEK TUISYEN

Program ini dilaksanakan oleh Yayasan Johor Corporation dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Ia melibatkan 26 sekolah terpilih luar bandar yang berprestasi sederhana. Sejak diperkenalkan pada 2012, ia memberi manfaat kepada 1,973 murid kurang berkemampuan dan anak yatim. Program ini mendapat sokongan penuh seramai 372 tenaga pengajar yang berdedikasi. Kaedah pembelajaran bukan sahaja tertumpu di dalam kelas malah juga telah diperkenalkan sistem pembelajaran secara online bagi menarik minat pelajar dan seterusnya memberi kefahaman yang lebih kepada mereka. Bagi meraikan kejayaan dan seterusnya menggalakkan pelajar ini terus berjaya, mereka dibawa melawat ke ibu pejabat Johor Corporation seterusnya diberi peluang ke Angry Birds Activity Park Johor Bahru. Projek tuisyen ini mendapat sokongan syarikat Kumpulan Johor Corporation iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, Johor Land Berhad dan QSR Brands (M) Holdings Bhd.



KELAB MOTOR JOHOR

Ia adalah antara kelab gabungan Persatuan Automobil Malaysia (AAM) yang aktif dengan menganjurkan acara seperti:

- Johor Clubman Race.
- Johor Sprint Challenge.
- Saturday Nite Sprint.
- Petronas AAM Malaysian Cub Prix.
- Kejohanan Motocross Championship.

Divisyen Tanggungjawab Korporat

Kelab Motor Johor juga mendapat kepercayaan AAM untuk menganjurkan Kejohanan Motorcross di Litar Motorcross Bandar Tiram, Johor Bahru. Kejohanan ini turut mendapat sokongan Johor Land Berhad dari segi penajaan kewangan dan lokasi kejohanan.

MUTIARA JOHOR CORPORATION

Mutiara Johor Corporation ditubuhkan untuk menjaga kebaikan ahli yang terdiri daripada anggota pekerja wanita dan isteri anggota pekerja Johor Corporation. Ia turut menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan, sosial, pendidikan, kebaikan dan sukan. Seiring gaya hidup yang turut mementingkan kesihatan dan penampilan, Mutiara Johor Corporation menganjurkan Zumbarobik, Ceramah Kesihatan dan Aquarobik selain sumbangan kepada yang memerlukan.


Bagi menzahirkan keprihatinan kepada alam sekitar, program Jom Tanam Pokok dianjurkan. Program keagamaan terus menjadi keutamaan di bawah Mutiara dengan penganjuran Majlis Khatam al-Quran serta penganjuran Majlis Bacaan Yaasin dan solat hajat bagi anak anggota pekerja yang akan menduduki peperiksaan UPSR, PT3, SPM & STPM.



PROGRAM KEUSAHAWANAN BISTARI



9,410 pelajar dari
163 SEKOLAH MENENGAH



PROGRAM TUNAS BISTARI

20,725 pelajar dari
184 SEKOLAH MENENGAH

PROGRAM DIDIK BISTARI



1,050 pelajar dari
70 SEKOLAH MENENGAH

1,000 murid
dari 100 sekolah rendah

PROGRAM KEUSAHAWANAN BISTARI

Pada 2016, seramai 1,050 pelajar dari 70 sekolah menengah dan 1,000 murid dari 100 sekolah rendah di seluruh Johor terlibat dalam Program Keusahawanan Bistari. Bermula 1992 sehingga 2016, seramai 20,725 pelajar dari 184 sekolah menengah terlibat dan mendapat manfaat daripada Program Tunas BISTARI. Program Didik BISTARI pula melibatkan 9,410 murid dari 163 sekolah rendah terlibat sejak program itu diperkenalkan pada 2005.

Divisyen Tanggungjawab Korporat



**MASJID KEENAM JOHOR CORPORATION IAITU
MASJID SULTAN ISKANDAR, BANDAR DATO' ONN.**
MASJID TERBESAR DALAM RANGKAIAN MASJID AN-NUR ITU BOLEH MEMUATKAN
LEBIH 4,600 JEMAAH PADA SATU MASA



Pembudayaan keusahawanan ini turut diterapkan kepada siswa di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melalui Program Siswa BISTARI sejak 2004. Pada 2016, Program Bizsiswa diperkenalkan bagi menambahbaik program Siswa Bistari. Sehingga Disember 2016, sebanyak tiga IPT terlibat dalam program ini iaitu Universiti Teknologi MARA, KFCH International College dan KPJ University College. Sebanyak 12 syarikat dibuka melalui program ini dan menjana hasil jualan RM74,794.20.

TABUNG TIJARAH RAMADHAN-YAYASAN JOHOR CORPORATION (TTR-YJC)

TABUNG TIJARAH RAMADHAN-YAYASAN JOHOR CORPORATION (TTR-YJC) adalah inisiatif Johor Corporation untuk memberi bantuan kewangan bagi tujuan perubatan, mangsa bencana dan golongan memerlukan.

Sejak dilancarkan pada 2005 sehingga Disember 2016, sebanyak RM3,620,613 dikumpulkan oleh TTR-YJC hasil sumbangan badan korporat dan orang awam melalui SMS serta deposit tunai dan cek dari seluruh negara. Daripada jumlah itu, TTR menyalurkan lebih RM3,552,647 juga kepada golongan memerlukan dari seluruh negara.

Bagi tempoh Januari-Disember 2016, RM335,208 telah disumbangkan kepada kelompok sasaran. Pada 2016, TTR-YJC menerima sumbangan RM312,000 daripada syarikat Kumpulan Johor Corporation selain sumbangan orang awam sebanyak RM5,280, hibah bank (RM5,098) dan auto debit serta potongan gaji anggota pekerja Johor Corporation (RM17,928).

BRIGED WAQAF™

Briged Waqaf™ adalah pasukan sukarelawan daripada anggota pekerja Johor Corporation dan Kumpulan. Mereka aktif memberikan bantuan kemanusiaan dan melaksanakan program kemasyarakatan. Briged Waqaf™ memainkan peranan signifikan dalam memberi bantuan bagi meringankan beban mangsa bencana. Bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran anggota Briged Waqaf™, Anggota Briged Waqaf™ yang terpilih telah diantar ke Seminar Radio Amatur dan seterusnya menduduki peperiksaan Radio Amatur bagi menguji tahap kompetensi anggota briged di dalam mengendalikan Radio Amatur. Pada 23 Oktober 2016, Perbarisan Tahunan Briged Waqaf™ telah diadakan di Kompleks Bukit Mutiara. Misi bantuan bencana terus menjadi tunjang kepada pergerakan Briged Waqaf™ di mana pasukan Briged Waqaf™ terlibat di dalam membantu mangsa kebakaran di Hospital Sultanah Aminah.

Divisyen Tanggungjawab Korporat



DANA NIAGA™

Dana Niaga™ – satu lagi inisiatif yang dilaksanakan melalui WANCorp bagi menyediakan modal tanpa faedah “Al-Qardhul Hassan” kepada individu yang mahu memulakan bisnes atau usahawan yang mahu mengembangkan bisnes sedia ada. Dana ini bertujuan meningkatkan syiar Islam melalui bisnes dan menggerakkan ekonomi umat Islam serta memberi manfaat kepada semua usahawan Islam yang memerlukan. Sehingga 2016, jumlah sumbangan dan penerima bantuan ialah RM709,300 melibatkan 344 penerima.

RANGKAIAN MASJID AN-NUR

WANCorp menguruskan enam masjid iaitu Masjid An-Nur Kotaraya, Larkin Sentral, Bandar Pasir Gudang, Kompleks Pasir Gudang dan Taman Cendana. Terbaru, WANCorp menguruskan masjid keenam Johor Corporation iaitu Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn. Masjid terbesar dalam Rangkaian Masjid An-Nur itu boleh memuatkan lebih 4,600 jemaah pada satu masa. Ia dirasmikan pada 8 April 2016 oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor. Bagi menjadikan Rangkaian Masjid An-Nur lebih dekat dengan masyarakat, laman web telah dibangunkan bagi mewar-warkan aktiviti dan program yang dianjurkan masjid setiap hari. Melalui laman web itu, masyarakat juga akan lebih mengenali rangkaian Masjid An-Nur. Lebih lanjut, layari www.masjidwancorp.com atau Facebook: *Rangkaian Masjid An-Nur*.



Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan

**MAJLIS PERHIMPUNAN
DIALOG DAN AMANAT
(PEDOMAN) YANG
DIPERKENALKAN SEJAK
1985 BERTUJUAN
MEMBINCANGKAN ISU-
ISU SEMASA, BERKONGSI
MAKLUMAT DAN
MENGUMPUL MAKLUM
BALAS DARIPADA
ANGGOTA PEKERJA.
MAJLIS PEDOMAN
JOHOR CORPORATION
2016 DIADAKAN PADA
26 JANUARI 2016. PADA
MAJLIS ITU TURUT
DIADAKAN MAJLIS
GRADUASI PESERTA
*JOHOR CORPORATION
LEADERSHIP
PROGRAMME COHORT
1.* MANAKALA
MAJLIS PEDOMAN
(PERTENGAHAN TAHUN)
JOHOR CORPORATION
2016 PULA DIADAKAN
PADA 1 OGOS 2016.**



Bagi mengukuhkan kerangka sahsiah di kalangan anggota pekerja, Johor Corporation telah mengisyiharkan Nilai Teras Johor Corporation 2.0 di PEDOMAN (Pertengahan Tahun) 2016. Lima Nilai Teras yang menjadi pegangan oleh setiap anggota pekerja Johor Corporation adalah seperti berikut:

- 1) Integriti.
- 2) Profesional.
- 3) Inovatif.
- 4) Setia.
- 5) Berpasukan.



Nilai Teras ini perlu diterapkan pada semua anggota pekerja Johor Corporation supaya menjadi panduan dalam menjalankan apa jua inisiatif dan aktiviti bisnes sekaligus menjadi budaya yang sinonim di kalangan anggota pekerjanya. Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan imej positif Kumpulan Johor Corporation di kalangan agensi luar serta pemegang kepentingan.

Dalam usaha menerapkan pembudayaannya, beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh Johor Corporation seperti penghasilan video, poster dan buku Nilai Teras Johor Corporation 2.0, Taklimat Nilai dan Budaya untuk anggota pekerja baharu dan juga Program Induksi, Bengkel Nilai Teras Johor Corporation 2.0 Pengurusan Atasan, penghasilan video pendek dalam aktiviti kumpulan dalam program The Dynamites serta kuiz.

Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan

Falsafah Membina dan Membela Johor Corporation yang telah diberi nafas baharu dengan nama Falsafah Membina dan Membela Johor Corporation 2.0 juga telah diisyiharkan di PEDOMAN (Pertengahan Tahun) 2016. Falsafah Membina dan Membela Johor Corporation 2.0 ini mempunyai 11 teras yang merupakan prinsip-prinsip perjuangan Johor Corporation untuk dijadikan pegangan dan amalan di Johor Corporation. Teras-teras tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Johor Corporation sebagai sebuah institusi ekonomi yang berteraskan ilmu dan berfikir.
- 2) Memudahcara, bekerjasama dan bermusyawarah.
- 3) Mengamal dan menghayati prinsip serta nilai-nilai Islam.
- 4) Inovasi dan teknologi memangkin peningkatan daya saing, produktiviti, nilai dan hasil.
- 5) Pengurusan dan operasi berteraskan tadbir urus korporat.
- 6) Pelaksanaan agenda ekonomi berimbang dan mapan.
- 7) Etika dan Integriti sebagai amalan institusi serta modal insan.
- 8) Institusi ekonomi yang cekap, responsif dan mengoptimumkan kos.
- 9) Pewujudan hasil dan berorientasikan nilai dan impak yang tinggi.
- 10) Meletakkan semula kedudukan organisasi secara strategik (*strategic repositioning*) di peringkat nasional dan persada antarabangsa.
- 11) Memangkin transformasi ekonomi Bumiputera.

Bagi 2016, Johor Corporation telah meneruskan pembiayaan *Johor Corporation Education Sponsorship Programme (JESP)* dengan memberikan pembiayaan kepada seramai 27 bakal graduan dari seluruh negara. Terdapat pertambahan dalam bidang yang ditaja seperti Perancangan Bandar, Ukur Bahan, Senibina serta Petroleum dan Gas dengan melihat kepada keperluan dan sinergi bisnes Kumpulan Johor Corporation dengan mengambil kira bisnes masa hadapan yang bakal diterokai kelak. Penyediaan kumpulan



profesional ini adalah penting bagi menghasilkan tenaga kerja yang mampu memandu kesinambungan bisnes Johor Corporation selaku konglomerat yang mampu bersaing secara aktif dalam pelbagai bisnes di pentas dunia.

Bagi 2016, Johor Corporation meneruskan inisiatif *Johor Corporation Chartered Accountancy Programme (JCAP)* bertujuan melahirkan lebih ramai Akauntan Bertauliah di Johor. Seramai 11 pelatih dari pelbagai universiti tempatan di dalam bidang perakaunan dipilih menyertai program ini. Mereka dipilih oleh Johor Corporation dengan kerjasama firma perakaunan tempatan bagi membolehkan peserta mendapatkan petaulahan profesional seperti ICAEW, ACCA, MICPA dan CPA Australia. Mereka ini telah ditempatkan di firma perakaunan di sekitar Kuala Lumpur dan Johor Bahru seperti PricewaterhouseCoopers, BDO, Ernst & Young dan Deloitte.

Johor Corporation turut menyertai Kembara Kerjaya 3.0 anjuran Kerajaan Negeri Johor, UPEN Johor dan Azam Kerja Muafakat Johor yang diadakan pada 20 hingga 22 Mei 2016. Empat daerah dilawati bagi mendapatkan calon-calon yang berkebolehan untuk mengisi kekosongan jawatan yang ada. Ia dimulai dengan daerah Kluang kemudian ke Kulai seterusnya ke Kota Tinggi dan berakhir di Johor Bahru. Kaunter dibuka di Felda Ulu Belitong pada 20 Mei 2016, IMCoop Bandar Indahputra pada 20 Mei 2016, Tanjung Sedili pada 21 Mei 2016, Sekolah Seni Malaysia Johor pada 22 Mei 2016 dan berakhir di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai pada 22 Mei 2016.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Menjadi dasar Johor Corporation bagi memastikan seluruh operasinya mematuhi tadbir urus korporat yang baik. Perubahan persekitaran bisnes serta cara ia dijalankan menjadi faktor utama pembentukan tadbir urus korporat sesebuah organisasi. Sehubungan itu, Johor Corporation sebagai sebuah perbadanan pelaburan di bawah Kerajaan Negeri Johor, perlu mematuhi undang-undang dan peraturan seperti Enakmen Perbadanan Johor No. 4/1968 (sebagaimana pindaan Enakmen No. 5/1995), Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (Akta 380) dan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 (Akta 96).

Johor Corporation sentiasa menjalankan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam semua aktiviti dan urusniaga bisnes syarikat dalam Kumpulan melalui Ahli Lembaga Pengarah, sistem pentadbiran syarikat dan semua jawatankuasa tadbir urusnya. Kami berbangga dengan piawaian tadbir urus korporat dan reputasi yang telah dibina dan percaya semua ini adalah penting bagi membina jenama yang kukuh serta mampu mempertahankan nilai semua pemegang kepentingan (stakeholders). Johor Corporation juga mengamati piawaian yang tinggi mengenai amalan korporat yang selari dengan prinsip dan garis panduan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (yang bersesuaian).

Kami meletakkan struktur tadbir urus korporat dengan sistem kawalan dalaman yang jelas, garis pelaporan dan tanggungjawab serta prosedur yang mudah difahami. Berikut adalah gambaran amalan tadbir urus korporat Kumpulan seperti yang dinyatakan.

LEMBAGA PENGARAH

Komposisi

Lembaga Pengarah Johor Corporation dianggotai oleh 11 ahli terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, tiga wakil daripada Perkhidmatan Awam Negeri Johor, tiga wakil daripada Kerajaan Persekutuan, tiga orang Pengarah Bebas dan juga Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation. Semuanya kecuali Presiden & Ketua Eksekutif, adalah Pengarah Bukan Eksekutif.

Tugas dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas keseluruhan prestasi Johor Corporation dengan cara menetapkan hala tuju dan objektif, memastikan kecukupan serta ketulusan strategi, prestasi kewangan, isu bisnes dan juga sistem kawalan dalaman Johor Corporation.

Seperti termaktub dalam Enakmen, Pengerusi mempunyai peranan yang berbeza dengan Presiden & Ketua Eksekutif. Presiden & Ketua Eksekutif bertanggungjawab untuk mengawal aliran maklumat antara pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan bagi memastikan ia berkualiti dan terkini.

Sebaliknya, Pengerusi yang merupakan bukan kalangan pengurusan pula bertanggungjawab bagi memastikan Lembaga Pengarah berfungsi seperti yang diharapkan. Beliau juga memastikan Lembaga Pengarah dan juga pengurusan berbincang secara membina mengenai pelbagai perkara terutama berkaitan isu strategik dan proses perancangan bisnes.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bermesyuarat bagi menganalisis prestasi Johor Corporation dan menyelesaikan perkara yang berkaitan dengan isu dasar dan strategik bisnes dalam Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan. Pengerusi boleh memanggil mesyuarat pada bila-bila masa dan akan, atas permintaan bertulis daripada tidak kurang lima Ahli Lembaga Pengarah, memanggil mesyuarat khas dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permintaan tersebut. Sepanjang 2016, Lembaga Pengarah telah bersidang sebanyak empat kali.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Bagi memastikan kelancaran operasi serta memudahkan membuat keputusan, dan pada masa sama memastikan kawalan yang bersesuaian, Lembaga Pengarah turut disokong oleh tiga jawatankuasa lain iaitu Jawatankuasa Audit, Jemaah Lembaga Tarawan Dan Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding serta Jawatankuasa Projek Khas. Fungsi pengurusan pula dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU) dan pelbagai jawatankuasa tadbir urus lain.

Capaian kepada Maklumat

Pengurusan sentiasa menyalurkan maklumat mencukupi dan terkini kepada Lembaga Pengarah bagi memudahkan mereka membuat keputusan. Pengurusan juga menyediakan laporan prestasi operasi dan kewangan Kumpulan secara berterusan.

SISTEM PENTADBIRAN SYARIKAT

Semua fungsi kesetiausahaan dalam semua syarikat milik Johor Corporation diuruskan oleh Jabatan Kesetiausahaan Syarikat Kumpulan. Fungsi jabatan ini disokong barisan setiausaha berkelayakan dan ia bertanggungjawab memastikan semua syarikat dalam Kumpulan mematuhi segala keperluan berkanun di bawah Akta Syarikat 1965 serta Keperluan Penyenaraian di Bursa Malaysia serta Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti, mana-mana yang bersesuaian. Ia juga bertanggungjawab memastikan Ahli Lembaga Pengarah mematuhi polisi yang digariskan dan seterusnya mencapai objektif syarikat. Pelantikan setiausaha syarikat dimajukan kepada Jawatankuasa Teraju Korporat untuk kelulusan.

Di samping itu, Jabatan Kesetiausahaan Syarikat Kumpulan bertanggungjawab mentadbir pelantikan pengarah syarikat setiap tahun serta memenuhi kriteria ditetapkan seperti lulus semua peperiksaan wajib, berkhidmat sekurang-kurangnya selama lima tahun dan sebagainya.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA TADBIR URUS

Johor Corporation sentiasa mendokong struktur dan sistem membuat keputusan berasaskan prinsip dan amalan Syura. Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif pula memainkan peranan penting bagi memastikan semua keputusan diluluskan oleh jawatankuasa berkaitan.

- **Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Kumpulan (TERAJU)**

Jawatankuasa ini dipengerusikan Presiden & Ketua Eksekutif dan dianggotai 12 ahli yang peranannya termasuk membincang dan memutuskan isu strategik Johor Corporation dan juga syarikat Kumpulan.

- **Jawatankuasa Teraju Korporat**

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Presiden & Ketua Eksekutif dengan 18 ahli. Peranan jawatankuasa ini termasuk mengesahkan keputusan yang dibuat dalam pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan sebagainya.

- **Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)**

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Presiden (Divisyen Pembangunan Bisnes) dan dianggotai 18 ahli dari kalangan pengurusan Johor Corporation. Jawatankuasa ini membincangkan perkara yang berkaitan operasi serta kewangan dan memajukan cadangan yang signifikan kepada Jawatankuasa Teraju Korporat untuk pertimbangan dan kelulusan lanjut.

- **Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)**

Dipengerusikan Pengarah Eksekutif (Damansara REIT Managers Sdn Berhad), jawatankuasa ini membincangkan semua cadangan projek serta pelaburan baharu. Ia dianggotai 10 ahli yang dilantik dari kalangan pengurusan kanan Johor Corporation dan syarikat Kumpulan.

Di samping empat jawatankuasa utama seperti dinyatakan, terdapat jawatankuasa tadbir urus lain yang mempunyai fungsi dan terma rujukan masing-masing dalam memantau operasi Kumpulan. Antara jawatankuasa itu ialah Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Jawatankuasa Perancangan Strategik, Jawatankuasa Penilaian Prestasi, Jawatankuasa Kemudi Korporat, Jawatankuasa Laporan Suku Tahunan, Jawatankuasa Induk Kewangan serta Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

Penyata Tadbir Urus Korporat

TADBIR URUS KORPORAT DALAM ENTITI TERSENARAI DALAM KUMPULAN JOHOR CORPORATION

Terdapat empat entiti dalam Kumpulan Johor Corporation tersenarai di Bursa Malaysia iaitu KPJ Healthcare Berhad, Al-'Aqar Healthcare REIT, E.A Technique (M) Berhad dan Al-Salām REIT. Sebagai entiti yang tersenarai, syarikat ini perlu melaksanakan tadbir urus korporat yang baik serta sentiasa mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia di mana saham mereka didaftar dan disenaraikan. Setiap syarikat tersenarai ini juga mempunyai Ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa audit masing-masing.

PENGUKUHAN TADBIR URUS KORPORAT

Johor Corporation berpegang kepada tanggapan utama tadbir urus korporat seperti yang dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Tertinggi Kewangan 1999. Ia melibatkan konsep tadbir urus korporat yang melangkaui undang-undang dan peraturan korporat tetapi pada dasarnya merujuk kepada sistem, proses dan struktur sesebuah organisasi.

Bagi memperkuuhkan lagi rangka kerja tadbir urus korporat Johor Corporation di samping memantapkan lagi peranan sebagai sebuah institusi ekonomi Negeri Johor, Presiden & Ketua Eksekutif telah memperkenalkan konsep Misi Kesinambungan Bisnes di peringkat Johor Corporation. Pada asasnya, Misi Kesinambungan Bisnes ini merujuk kepada idea utama seperti berikut:

"MEMASTIKAN JOHOR CORPORATION KEKAL RELEVAN DAN BERDAYA SAING DI DALAM MENJALANKAN BISNES, MENYUMBANG KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN MEMBERI MANFAAT KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG KEPENTINGAN MELALUI TADBIR URUS, INOVASI DAN TANGGUNGJAWAB KORPORAT"

Jabatan Kesinambungan Bisnes ditubuhkan dengan mandat untuk mengkaji dan memperkuuhkan sistem dan amalan tadbir urus di Johor Corporation khususnya berhubung inovasi dan tanggungjawab korporat. Antara inisiatif yang dijalankan oleh jabatan itu sepanjang 2016 ialah:

- (i) Penubuhan fungsi pengurusan dan pemantauan projek ke atas projek-projek berhubung Rangka Kerja Strategik Inovasi dan Tanggungjawab Korporat Johor Corporation serta penjanaan Kekayaan Gelombang Baru;
- (ii) Penerbitan *e-Newsletter "BCM Chrysalis"* iaitu medium perkongsian pengetahuan mengenai maklumat terkini pembangunan inovasi dan tanggungjawab korporat yang diterbitkan secara berkala;
- (iii) Penambahbaikan ke atas Program Intrapreneur Johor Corporation dengan memperkenalkan Polisi Intrapreneur 2.0 Johor Corporation. Melalui inisiatif Polisi Intrapreneur 2.0, Johor Corporation mensasarkan penambahbaikan di dalam aspek-aspek berikut:
 - a) Pewujudan Intrapreneur-intrapreneur berprestasi tinggi yang menumpu kepada produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan berinovatif;
 - b) Peningkatan jumlah Intrapreneur yang berdaya saing dalam pasaran; dan
 - c) Pewujudan Intrapreneur Sosial (i.e. *Social Entrepreneurship*).
- (iv) Mengadakan "*Brown Bag sessions*" iaitu sesi penerapan dan perkongsian pengetahuan berkenaan inovasi dan tanggungjawab korporat kepada semua anggota pekerja Johor Corporation secara dwi bulanan; dan
- (v) Penerbitan "*JCorp's Fortnight Economic Intelligence Report*" iaitu laporan ekonomi semasa bagi negeri Johor, domestik dan global yang diterbitkan secara berkala dan diedarkan bagi tujuan maklumat dan kegunaan dalam Johor Corporation.

KETELUSAN

Ketelusan dalam menjalankan bisnes

Johor Corporation dan syarikat Kumpulan komited dalam membantu usaha Kerajaan membanteras gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di peringkat organisasi dan individu di samping membudayakan integriti dalam menjalankan bisnes. Sebagai buktinya, Ikrar Integriti Korporat ditandatangani Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation pada 26 November 2013 dan diikuti syarikat Kumpulan pada 8 Januari 2014.

Penyata Tadbir Urus Korporat

Seterusnya, Johor Corporation dan syarikat Kumpulan melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan program integriti tidak berakhir begitu sahaja. Satu polisi yang dilaksanakan di Johor Corporation dan syarikat Kumpulan ialah Polisi Tiada Hadiah dan Keraian yang diperkenalkan pada 21 Julai 2014. Antara tujuan polisi itu ialah:-

- Mewujudkan budaya tidak menerima apa-apa hadiah atau keraian sebelum, semasa atau selepas menuaikan tanggungjawab daripada mereka yang ada urusan rasmi dengan anggota pekerja.
- Mengelakkan anggota pekerja berada dalam keadaan serba salah ketika membuat sesuatu keputusan atau mengelak daripada berlaku konflik kepentingan.
- Mengelakkan tohmahan daripada mana-mana pihak bahawa hadiah atau keraian yang diterima adalah rasuah yang boleh menjelaskan nama baik dan reputasi Johor Corporation dan syarikat Kumpulan.

Ketelusan dalam proses membuat keputusan

Beberapa contoh pelaksanaan konsep ketelusan termasuk pembangunan infrastruktur maklumat dalam bentuk intranet dan pengurusan pengetahuan. Pengurusan pengetahuan adalah satu kaedah di mana anggota pekerja berpeluang memberi pelbagai maklumat menerusi percambahan cadangan dan idea. Melalui Skim CEMPAKA dan Konvensyen Kualiti, mereka yang menyumbangkan idea berasas dan inovatif yang boleh dilaksanakan akan mendapat pengiktirafan atau ganjaran daripada Johor Corporation. Selain itu, Johor Corporation mewujudkan saluran komunikasi untuk penyampaian maklumat menerusi Borang Perakuan Peradaban yang diharapkan akan digunakan anggota pekerja untuk menyalurkan maklumat terus kepada Presiden & Ketua Eksekutif jika mereka mempunyai sebarang maklumat mengenai salah laku atau penyelewengan di kalangan anggota pekerja.

Ketelusan terhadap rakan niaga

Bagi menggalakkan ketelusan kepada semua rakan niaga, Johor Corporation turut memanjangkan Borang Perakuan Peradaban ini kepada para kontraktor dan pembekal.

Di samping itu, dalam usaha memperkuuhkan mekanisme pengaduan sedia ada, Johor Corporation melaksanakan Polisi '*Whistleblowing*' di mana pengadu yang membuat aduan atau menyebarkan maklumat dengan suci hati dan bukan berniat jahat, identiti pengadu dan maklumat diberi akan dirahsiakan dan pengadu diberi perlindungan daripada apa-apa tindakan yang memudaratkan.

Polisi '*Whistleblowing*' ini bertujuan memudahkan anggota pekerja Johor Corporation, kontraktor, pembekal, ejen atau mana-mana pihak luar untuk membuat pendedahan berkaitan apa-apa kelakuan tidak wajar dalam pengetahuan mereka. Polisi ini juga bertujuan untuk memberi perlindungan ke atas identiti pemberi maklumat yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar seperti di bawah Seksyen 6 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Sebarang aduan yang diterima akan dibawa kepada Jawatankuasa Menilai Maklumat untuk tindakan selanjutnya.

Ketelusan dalam penilaian prestasi anggota pekerja

Setiap anggota pekerja dinilai berdasarkan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) individu yang telah dipersetujui pada awal tahun. Jabatan Pengurusan Sumber Manusia – Operasi, bersama-sama setiap Ketua Jabatan terbabit akan membentangkan keputusan penilaian tersebut kepada Jawatankuasa Penilaian Prestasi.

AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, Lembaga Pengarah menekankan ketepatan penyata kewangan yang dibentang supaya penilaian secara seimbang dapat dibuat berhubung dengan kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan. Jawatankuasa Audit pula mengkaji laporan penyata kewangan tahunan bagi memastikan polisi-polisi perakaunan yang bersesuaian digunakan secara konsisten dan disokong dengan pertimbangan serta anggaran yang munasabah; dan semua piawaian perakaunan yang diterima pakai telah dipatuhi.

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman yang menggariskan skop dan bentuk pengurusan risiko dan kawalan dalaman Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti yang dinyatakan pada muka surat 78.

Perhubungan dengan Juruaudit

Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit Johor Corporation sentiasa memelihara hubungan yang telus dan wajar dengan juruaudit dalaman dan luaran. Peranan Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit-juruaudit ini digambarkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit seperti pada muka surat 81.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman



Johor Corporation komited untuk mengekalkan satu sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang teguh bagi memastikan tadbir urus dalam setiap peringkat berjalan dengan lancar.

Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko ditubuhkan bagi memastikan matlamat dan objektif Johor Corporation dapat dicapai dan ia merangkumi proses mengenalpasti, menganalisis, menilai dan merawat risiko. Menerusi pengurusan risiko, Johor Corporation dapat mengenalpasti ancaman risiko dengan lebih awal dan menyediakan strategi kawalan untuk membendung risiko di samping membantu dalam proses membuat keputusan. Pengurusan risiko juga melibatkan pemantauan yang berterusan bagi memastikan risiko sedia ada dapat diminimumkan dan mengambil kira risiko baharu yang mungkin timbul.

Rangka kerja Pengurusan Risiko Johor Corporation adalah berasaskan amalan terbaik Piawaian bagi Pengurusan Risiko Australia/New Zealand (AS/NZS 4360:2004); Jawatankuasa Organisasi Penaja Suruhanjaya Treadway ('Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission' – COSO) dalam Pengurusan Risiko Organisasi – Rangka kerja Bersepadu (2004); dan Pertubuhan Antarabangsa bagi Pempiawaian Pengurusan Risiko – Prinsip dan Garis Panduan (ISO 31000:2009). Rangka Kerja Pengurusan Risiko menggariskan tadbir urus, struktur, proses, kebertanggungjawaban serta tanggungjawab pengurusan risiko di Johor Corporation.

Sesi kesedaran Pengurusan Risiko telah diadakan pada Jun 2016 kepada semua wakil jabatan untuk mengekalkan budaya kesedaran risiko dan menggalakkan kefahaman mengenai kepentingan pengurusan risiko di kalangan anggota pekerja.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko berperanan sebagai sebuah jawatankuasa pengurusan dalam menyediakan pengawasan secara konsisten dengan Polisi Pengurusan Risiko. Jawatankuasa Pengurusan Risiko juga mengurus dan memantau aktiviti pengurusan risiko secara keseluruhan di samping mempertimbangkan sama ada terdapat sebarang perkara penting yang memerlukan tindakan dan pemerhatian Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

Bagi tahun pelaporan berakhir 31 Disember 2016, Jawatankuasa Pengurusan Risiko telah bermesyuarat sebanyak dua kali iaitu pada Februari dan Mei untuk membincangkan dan menentukan pelbagai perkara berkaitan risiko termasuk mengenalpasti risiko baharu atau sedia ada yang boleh menjelaskan objektif Johor Corporation.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

Tugas dan Tanggungjawab Pengurusan Risiko adalah seperti berikut:

| | |
|---|--|
| Lembaga Pengarah | <ul style="list-style-type: none"> - Bertanggungjawab terhadap Tadbir Urus Pengurusan Risiko dan Pematuhan Undang-Undang di Johor Corporation. - Meluluskan Dasar Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan. |
| Jawatankuasa Audit (<i>Board Audit Committee</i>) | <ul style="list-style-type: none"> - Pengawasan terhadap Tadbir Urus Pengurusan Risiko dan Pematuhan Undang-Undang di Johor Corporation. |
| Jawatankuasa Pengurusan Risiko (<i>Risk Management Committee</i>) | <ul style="list-style-type: none"> - Mengawasi prosedur dan amalan dalam mengenal pasti, menilai, mengawal dan memantau pendedahan risiko Johor Corporation dan Kumpulan. - Menasihati / memberi pandangan kepada pihak pengurusan dari semasa ke semasa berhubung jenis sumber dan kawalan dalam yang diperlukan dalam menangani risiko tersebut. - Melaporkan secara kerap kepada Lembaga Pengarah berkaitan isu-isu atau risiko yang dihadapi. - Mengenal pasti dan menilai risiko utama yang dihadapi oleh setiap bahagian secara sistematik. - Menilai potensi dan peluang risiko. - Membangunkan dan melaksanakan strategi pengurusan risiko dan menetapkan tanggungjawab bagi setiap pelan tindakan dalam menguruskan risiko-risiko utama bagi setiap unit perniagaan. - Menjalankan kajian suku tahunan terhadap tren risiko, status pelan tindakan dan mengemaskini laporan kepada Lembaga Pengarah. |
| Presiden & Ketua Eksekutif / Ketua Pegawai Operasi | <ul style="list-style-type: none"> - Bertanggungjawab terhadap Pengurusan Risiko secara keseluruhan: polisi risiko, pemantauan risiko dan pelaporan kepada Jawatankuasa Audit. - Pemantauan Pengurusan Risiko dan Pematuhan Undang-Undang. - Penentuan terhadap langkah-langkah mitigasi dan tahap risiko yang boleh diterima diperingkat organisasi. - Pemantauan terhadap '<i>Master Risk Register</i>' dan sentiasa melaporkan kepada Jawatankuasa Audit mengenai pengurusan isu-isu risiko. - '<i>Champion</i>' bagi Pengurusan Risiko Johor Corporation. |
| Pengurusan Atasan | <ul style="list-style-type: none"> - Menilai risiko strategik dan operasi serta mengurus, memantau dan melaporkan kepada Presiden & Ketua Eksekutif melalui Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan. |
| Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan | <ul style="list-style-type: none"> - Menguruskan proses mengenal pasti dan memantau risiko di Johor Corporation. - Penyelenggaraan Daftar Risiko. - Bertanggungjawab dalam mewujudkan, melaksanakan dan menyebarkan Polisi dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan. - Mendorong anggota pekerja dalam melaksanakan amalan terbaik bagi hal-hal berkaitan pengurusan risiko dan pematuhan. - Menyediakan peluang latihan yang berterusan untuk semua anggota pekerja dan menggalakkan budaya pengurusan risiko dalam Johor Corporation. - Memastikan anggota pekerja dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan pengurusan risiko dan pematuhan. |
| Semua Anggota Pekerja | <ul style="list-style-type: none"> - Kesedaran mengurus risiko operasi dan perniagaan serta berupaya dan bertanggungjawab - mana yang berkenaan - untuk mengenalpasti dan melapor peningkatan aras risiko atau risiko baharu dengan cepat dan tepat. |
| Audit Dalaman | <ul style="list-style-type: none"> - Memberi pandangan dan nasihat kepada pengurusan atasan bagi amalan terbaik pengurusan risiko. - Menyediakan nasihat profesional bebas mengenai risiko utama dan isu kawalan apabila diminta. - Mengadakan kajian audit berkala terhadap proses pengurusan risiko Johor Corporation. |

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

CIRI-CIRI UTAMA KAWALAN DALAMAN

Rangka Kerja Kawalan

Strategi Kumpulan dirumus secara teratur oleh pihak pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pengurusan bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan perancangan, mengenalpasti risiko dan memastikan wujudnya langkah-langkah kawalan yang sesuai. Ini dicapai melalui struktur organisasi yang jelas menyatakan tanggungjawab, bidang kuasa dan prosedur pelaporan.

Kumpulan menerima pakai Rangka Kerja Kawalan Dalam *The Committee of the Sponsoring Organisation of the Treadway Commission (COSO)* dan mempunyai manual polisi dan prosedur berkaitan perakaunan dan kewangan, perwakilan kuasa dan tahap bidang kuasanya, operasi hartanah dan pengurusan sumber manusia.

Pelaporan Kewangan

Belanjawan terperinci disediakan setiap syarikat dan disemak oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik sebelum Belanjawan Yang Disatukan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Hasil atau keputusan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan operasi disediakan dan dipantau dengan membandingkannya dengan belanjawan yang telah dibuat.

Kawalan Operasi

Pasukan pengurusan Kumpulan memastikan entiti di bawah kawalan mereka beroperasi berdasarkan kepada garis panduan yang direka untuk mencapai kecekapan operasi dan keberkesanan perkhidmatan yang optimum, dan keputusan kewangan yang dirancangkan. Kawalan yang khusus juga tersedia ada bagi memastikan pengurusan kewangan yang berhemah serta melindungi aset-aset daripada kerugian fizikal, dan menginsurankannya pada tahap yang wajar.

Penilaian Pelaburan

Kumpulan telah menyediakan prosedur yang jelas berhubung dengan kelulusan pelaburan dan perbelanjaan modal lain. Perbelanjaan yang dirancang dinyatakan dalam belanjawan tahunan. Kelulusan ke atas perbelanjaan modal dibuat mengikut peruntukan bidang kuasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semua cadangan pelaburan yang utama adalah tertakluk kepada penelitian oleh jawatankuasa Panel dan juga Jawatankuasa JAWS sebelum dibentangkan dalam mesyuarat TERAJU dan Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Memantau Kawalan

Keberkesanan sistem kawalan dalam kewangan dan prosedur operasinya dipantau oleh pengurusan dan diaudit oleh Jabatan Audit Dalam Kumpulan (GIA). GIA menggunakan teknik perancangan audit berasaskan risiko - satu pendekatan di mana juruaudit memberi tumpuan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi (sama ada bermanfaat atau sebaliknya) ke atas pencapaian objektif organisasi dan operasinya. Skop pengauditannya termasuk ke atas risiko itu sendiri dan kaedah di mana risiko tersebut

ditadbir, diurus serta dikawal. Ia kemudian melaporkan segala kelemahan kawalan dalam kepada Jawatankuasa Audit Dalam Kumpulan (IAC) Johor Corporation dan Jawatankuasa Audit Johor Corporation (BAC) dan memantau terhadap pelaksanaan cadangan bagi tujuan pembetulan dan penambahbaikan.

AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman dijalankan oleh GIA dengan dibantu oleh jabatan audit dalaman syarikat-syarikat tersenarai masing-masing. GIA merancang jadual lawatan auditnya setiap tahun melalui rundingan dengan pihak pengurusan (tetapi bebas daripadanya) dan perancangan tersebut dibentangkan kepada IAC atau BAC untuk kelulusan.

Johor Corporation juga merupakan ahli korporat dalam Institut Juruaudit Dalam Malaysia (IIAM). Secara tidak langsung, GIA juga mematuhi Piawaian Audit Dalam Profesional Antarabangsa dan telah menerima pakai piawaian ini ketika melaksanakan pengauditan. Piawaian tersebut meliputi keperluan seperti kebebasan, kecekapan profesional, skop kerja, pelaksanaan kerja audit dan juga pengurusan aktiviti audit dalaman.

Bagi memastikan aktiviti audit dalaman dijalankan oleh mereka yang profesional lagi cekap serta memastikan pengetahuan teknikal mereka sentiasa relevan dan terkini, GIA menyediakan peluang latihan dan pembangunan bersesuaian kepada anggota pekerjanya, termasuk program Juruaudit Dalam Bertauliah (*Certified Internal Auditor*). Terdapat seramai 11 orang juruaudit bertauliah yang sedang berkhidmat dalam Kumpulan pada masa kini.

Laporan Jawatankuasa Audit

Komposisi

Jawatankuasa Audit dipengerusikan oleh YBhg Encik Izaddeen Daud, Pengarah Bebas. Ahli jawatankuasa lain ialah YB Tuan Haji Mohd Nasir Abd Salam, YBhg Datuk Dr Hafsa Hashim dan YBhg Puan Zainah Mustafa, masing-masing merupakan Ahli Lembaga Pengarah Bebas syarikat tersenarai luar dan dalam Kumpulan Johor Corporation. YBhg Datuk Dr Hafsa Hashim dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit yang baru berkuatkuasa 22 Januari 2017.

YB Tuan Haji Mohd Nasir Abd Salam merupakan Pegawai Kewangan Negeri Johor, manakala Puan Zainah Mustafa pula merupakan ahli felo *Association of Chartered Certified Accountant (ACCA) United Kingdom*.

KEHADIRAN MESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Pada 2016, Jawatankuasa telah mengadakan tiga kali mesyuarat sebagaimana berikut:

| | TARIKH MESYUARAT | | |
|--------------------------------|------------------|---------|--------|
| | 3 Mac | 17 Ogos | 21 Nov |
| Encik Izaddeen Daud | ✓ | ✓ | ✓ |
| Tuan Haji Mohd Nasir Abd Salam | - | - | ✓ |
| Puan Zainah Mustafa | ✓ | ✓ | ✓ |

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan Jawatankuasa Audit ini termasuk:-

Kawalan Dalam

- Menimbang keberkesanan kawalan dalam syarikat ke atas laporan kewangan termasuk kawalan dan keselamatan teknologi maklumat;
- Memahami skop pemeriksaan juruaudit dalam dan luaran ke atas kawalan dalam bagi perkara berikut:
 - Kebolehpercayaan dan ketepatan laporan kewangan;
 - Keberkesanan dan kecekapan operasi;
 - Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan; dan
 - Perlindungan harta syarikat.

Audit Dalaman

- Meneliti laporan Jawatankuasa Audit Dalaman (IAC) Kumpulan Johor Corporation;
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber audit dalaman yang membolehkannya untuk melaksanakan pengauditan;
- Menimbang penemuan audit yang penting daripada siasatan dalaman dan maklum balas pengurusan; dan
- Jika perlu, mengadakan pertemuan berasingan dengan Ketua Eksekutif Audit untuk membincangkan sebarang perkara yang mana kedua-dua pihak percaya ia perlu dibincangkan secara tertutup.

Audit Luaran

- Mengadakan pertemuan berasingan dengan juruaudit luaran untuk membincangkan sebarang perkara yang mana kedua-dua pihak percaya ia perlu dibincangkan secara tertutup;
- Meneliti laporan juruaudit luar dan juga ulasan pengurusan;
- Meneliti pelantikan juruaudit luar, yuran audit dan sebarang kemusyikilan berkaitan dengan perletakan jawatan ataupun pemecatan juruaudit sebelum membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah; dan
- Berbincang dengan juruaudit luar sebelum kerja-kerja audit dijalankan; jenis dan skop audit serta memastikan wujudnya penyelarasan jika lebih daripada satu firma audit terlibat dalam pengauditan.

Penyata Kewangan

- Meneliti laporan kewangan tahunan Johor Corporation dengan tumpuan diberikan khususnya terhadap:
 - Perubahan dalam polisi dan amalan perakaunan;
 - Pelarasian penting yang timbul daripada audit;
 - Andaian operasi yang berterusan; dan
 - Pematuhan kepada piawaian perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan.

Pengurusan Risiko

- Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan membincangkan sebarang risiko atau pendedahan penting serta menilai tindakan yang diambil oleh pengurusan untuk mengurangkan risiko tersebut.

Laporan Jawatankuasa Audit

Pengurusan Kesinambungan Bisnes

- Memantau pelaksanaan inisiatif strategik kesinambungan bisnes Johor Corporation yang memberi tumpuan kepada tanggungjawab korporat dan inovasi iaitu:
 - Perumusan rangka kerja tanggungjawab korporat dan inovasi Johor Corporation;
 - Mengenalpasti bidang ekonomi baharu serta mencadangkan produk atau perkhidmatan berinovatif yang boleh diceburi Johor Corporation;
 - Pengukuhan ilmu berhubung tanggungjawab korporat dan inovasi di kalangan warga Johor Corporation; dan
 - Penzahiran pelaksanaan inisiatif kesinambungan bisnes.
- Meneliti dan menilai keberhasilan pelaksanaan inisiatif strategik kesinambungan bisnes Johor Corporation;
- Memberi cadangan dan idea bernilai tambah ke arah memantapkan agenda pengurusan bisnes Johor Corporation.

Inspektorat

- Membincangkan penemuan hasil daripada pengawasan dan penilaian ke atas aktiviti dan projek yang dibangunkan oleh Johor Corporation dan syarikat Kumpulan.

Pelan Perancangan Strategik

- Menyemak dan meneliti pelan perancangan strategik Johor Corporation dan syarikat Kumpulan.

Litigasi Material

- Membincangkan isu litigasi yang memberikan impak besar serta mengganggu kelangsungan bisnes Johor Corporation dan syarikat Kumpulan.

Tanggungjawab Lain

- Menjalankan aktiviti lain yang berkaitan dengan terma rujukan serta tugas lain seperti yang diminta dan ditakrifkan oleh Pengarah.

RINGKASAN AKTIVITI

Aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

- Meneliti laporan mesyuarat IAC yang diadakan pada 18 Februari dan 8 November 2016;
- Meneliti dan meluluskan Perancangan Audit Dalaman Tahunan 2017;
- Membincangkan masalah dan perkara yang timbul ketika audit dijalankan, dan sebarang perkara yang mana kedua-dua juruaudit dalaman dan luaran berhasrat untuk membincangkannya secara tertutup;
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber juruaudit luaran, dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
- Meneliti keputusan audit akhir tahun oleh juruaudit luar serta membincangkan penemuan dan perkara lain yang menjadi perhatian mereka;
- Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang diadakan pada 17 Februari dan 24 Mei 2016;
- Meneliti penyempurnaan inisiatif strategik Misi Kesinambungan Bisnes Johor Corporation yang dilaksanakan sepanjang 2016 oleh Jabatan Pengurusan Kesinambungan Bisnes;
- Membincangkan penemuan pengawasan projek yang dilaporkan Jabatan Inspektorat & Pemantauan Projek beserta cadangan penambahbaikan ke atas amalan tadbir urus serta pengurusan projek;
- Membincangkan mengenai Akta dan Garispanduan yang perlu dipatuhi oleh Johor Corporation dan syarikat Kumpulannya;
- Membincangkan penyempurnaan inisiatif dan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Unit Integriti Kumpulan sepanjang 2016;
- Membincangkan Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Strategik Johor Corporation; dan
- Meneliti status terkini berhubung tindakan undang-undang yang melibatkan Johor Corporation dan syarikat Kumpulan.

PENYATA KEWANGAN

084 Sijil Ketua
Audit Negara

088 Laporan Para
Pengarah

091 Penyata Pengerusi dan
Seorang Ahli Lembaga
Pengarah Johor Corporation
(Akaun Kumpulan)

093 Penyata
Pendapatan
Komprehensif

092 Pengakuan oleh
Pegawai Utama yang
Bertanggungjawab ke atas
Pengurusan Kewangan
Johor Corporation

095 Penyata
Kedudukan
Kewangan

097 Penyata
Perubahan
Ekuiti

100 Penyata
Aliran Tunai

104 Nota-Nota
kepada Penyata
Kewangan

243 Senarai Syarikat-
Syarikat Anak,
Syarikat-Syarikat
Bersekutu dan
Syarikat-Syarikat
Usahasama



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN JOHOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 104 hingga 263.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Johor dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Perbadanan Johor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Johor dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan,

- merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Johor dan Kumpulan.
 - c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
 - d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Johor atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
 - e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
 - f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.


Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Enakmen untuk disimpan oleh Perbadanan Johor dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Enakmen.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 18 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
20 JUN 2017



Laporan Para Pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan beserta dengan Penyata Kewangan beraudit Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

KEGIATAN UTAMA

Johor Corporation telah diperbadankan di bawah Enakmen Johor Corporation Bil. 4, 1968, (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995) sebagai agensi pembangunan dan perusahaan awam. Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan harta tanah, dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terutamanya terdiri daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan kesihatan pakar (prisihatian), pembangunan dan pengurusan harta tanah, "intrapreneur ventures", restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

| | Kumpulan RM Juta | Johor Corporation RM Juta |
|---------------------------------|---------------------|---------------------------------|
| Keuntungan bersih selepas cukai | 415 | 120 |
| Keuntungan dikaitkan kepada: | | |
| Milikan Johor Corporation | 274 | 120 |
| Kepentingan bukan kawalan | 141 | - |
| | 415 | 120 |

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain dari yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

Laporan Para Pengarah

LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah yang memegang jawatan daripada tarikh laporan yang lalu dan pada tarikh laporan ini adalah:

YAB Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin

(Pengerusi)

YBhg Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa

(Timbalan Pengerusi)

YB Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim

(Presiden & Ketua Eksekutif)

YB Dato' Haji Azmi Bin Rohani

(Dilantik pada 1 Januari 2017)

YB Dato' Ishak Bin Sahari

YB Tuan Haji Mohd Nasir Bin Abd Salam

(Bersara pada 14 April 2017)

YBhg Dato' Siti Zauyah Binti Md Desa

YBhg Datuk Seri Dr Rahamat Bivi Binti Yusoff

YBhg Dato' Azman Bin Mahmud

YBhg Datuk Dr Hafsa Binti Hashim

YB Datuk Haji Md Jais Bin Haji Sarday

YBhg Encik Izaddeen Bin Daud

YB Dato' Haji Ismail Bin Karim

(Bersara pada 31 Disember 2016)

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

- (a) Sebelum Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menentukan bahawa:
 - (i) tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa segala aset semasa, yang tidak mungkin diperolehi nilainya dalam urusan biasa perniagaan, nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan di dalam urusan biasa perniagaan telah dikurangkan nilainya kepada satu amaan yang dijangka boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan:
 - (i) yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskira, atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation tidak mencukupi sehingga tahap yang ketara; atau
 - (ii) yang boleh menyebabkan nilai bagi aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan; atau
 - (iii) yang telah timbul yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan atau tidak sesuai.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini, yang akan menjadikan sebarang amaan yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

Laporan Para Pengarah

MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (d) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
- (i) sebarang gadaian ke atas aset-aset Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul semenjak akhir tahun kewangan sebagai sandaran kepada liabiliti pihak lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (e) Pada pendapat para Pengarah:
- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas dari tarikh akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan atau Johor Corporation untuk memenuhi segala tanggungjawabnya apabila tiba masanya; dan
 - (ii) dalam tempoh antara akhir tahun dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa yang material dan luar biasa yang mungkin menjelaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:

DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN
Pengerusi

DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden & Ketua Eksekutif

Johor Bahru

19 JUN 2017

Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation (Akaun Kumpulan)

Kami, Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin dan Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation masing-masing, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN
Pengerusi



DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM
Presiden & Ketua Eksekutif

Johor Bahru

19 JUN 2017

Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Johor Corporation

Saya, Mohamad Salleh Bin Mohamad Yusof, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar, dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun,1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di Johor Bahru pada **19 JUN 2017**



Dihadapan saya,

Pesuruhjaya sumpah



Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

| | Nota | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|--|------|--------------|------------------------------|-------------------|------------------------------|
| | | 2016 | 2015 Dinyatakan semula | 2016 | 2015 Dinyatakan semula |
| Operasi berterusan | | | | | |
| Hasil | 4 | 5,355 | 5,306 | 288 | 574 |
| Kos jualan | | (3,633) | (3,787) | (56) | (121) |
| Keuntungan kasar | | 1,722 | 1,519 | 232 | 453 |
| Lain-lain item pendapatan | | | | | |
| Lain-lain pendapatan | 5 | 520 | 640 | 348 | 170 |
| Lain-lain item perbelanjaan | | | | | |
| Perbelanjaan pengedaran | | (43) | (83) | (7) | (20) |
| Perbelanjaan pentadbiran | | (1,171) | (1,026) | (117) | (124) |
| Lain-lain perbelanjaan | 6 | (195) | (199) | (215) | (89) |
| Kos kewangan | 7 | (433) | (412) | (129) | (128) |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu, bersih selepas cukai | | 77 | 24 | - | - |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama, bersih selepas cukai | | 64 | 36 | - | - |
| Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan | 8 | 541 | 499 | 112 | 262 |
| Cukai pendapatan | 11 | (126) | (118) | 8 | (56) |
| Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai | | 415 | 381 | 120 | 206 |
| Operasi yang dihentikan | | | | | |
| Keuntungan daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai | 12 | - | 1,316 | - | - |
| Keuntungan bersih selepas cukai | | 415 | 1,697 | 120 | 206 |

Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

| Nota | Kumpulan 2016 | 2015 Dinyatakan semula | Johor Corporation | |
|--|------------------|------------------------------|-------------------|------------------------------|
| | | | 2016 | 2015 Dinyatakan semula |
| Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif, diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh- tempoh seterusnya: | | | | |
| Keuntungan/(kerugian) bersih atas aset kewangan sedia untuk dijual | 8 | (5) | - | - |
| Pertukaran matawang asing dari operasi asing | (2) | 2 | - | - |
| Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif, tidak diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh- tempoh seterusnya: | | | | |
| Lebihan/(kurangan) bersih daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan | 121 | 249 | (10) | 14 |
| Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif tahun kewangan semasa, bersih selepas cukai | 127 | 246 | (10) | 14 |
| Jumlah pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa | 542 | 1,943 | 110 | 220 |
| Keuntungan dikaitkan kepada: | | | | |
| Milikan Johor Corporation | 274 | 1,042 | 120 | 206 |
| Kepentingan bukan kawalan | 141 | 655 | - | - |
| | 415 | 1,697 | 120 | 206 |
| Jumlah pendapatan komprehensif dikaitkan kepada: | | | | |
| Milikan Johor Corporation | 400 | 1,189 | 110 | 220 |
| Kepentingan bukan kawalan | 142 | 754 | - | - |
| | 542 | 1,943 | 110 | 220 |

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2016

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

| | Nota | 31.12.2016 | Kumpulan | | Johor Corporation | | | | |
|--|-------|---------------|------------------------------------|----------------------------------|-------------------|------------------------------------|----------------------------------|--|--|
| | | | 31.12.2015 Dinyatakan semula | 1.1.2015 Dinyatakan semula | 31.12.2016 | 31.12.2015 Dinyatakan semula | 1.1.2015 Dinyatakan semula | | |
| ASET | | | | | | | | | |
| Aset bukan semasa | | | | | | | | | |
| Harta, loji dan kelengkapan | 13 | 9,730 | 9,358 | 8,872 | 608 | 623 | 932 | | |
| Tanah bagi pembangunan harta tanah | 14(a) | 137 | 190 | 119 | 73 | 108 | 26 | | |
| Harta tanah pelaburan | 15 | 3,609 | 3,340 | 2,896 | 1,450 | 1,421 | 1,225 | | |
| Aset tidak zahir | 16 | 261 | 304 | 302 | - | - | - | | |
| Hak-hak guna tanah | 17 | 1 | 8 | 12 | - | - | - | | |
| Pelaburan dalam syarikat-syarikat anak | 18 | - | - | - | 3,195 | 3,314 | 3,769 | | |
| Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu | 19 | 249 | 267 | 268 | 4 | 36 | 36 | | |
| Pelaburan dalam syarikat-syarikat usahasama | 20 | 1,351 | 1,287 | 1,246 | - | - | - | | |
| Aset cukai tertunda | 21 | 89 | 260 | 160 | - | - | - | | |
| Lain-lain pelaburan | 22 | 221 | 242 | 139 | - | 23 | 4 | | |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain | 24 | - | - | - | 153 | 105 | 65 | | |
| | | 15,648 | 15,256 | 14,014 | 5,483 | 5,630 | 6,057 | | |
| Aset semasa | | | | | | | | | |
| Kos pembangunan harta tanah | 14(b) | 1,245 | 969 | 862 | 457 | 348 | 430 | | |
| Inventori | 23 | 183 | 166 | 174 | 21 | 22 | 72 | | |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain | 24 | 1,626 | 1,440 | 991 | 425 | 387 | 289 | | |
| Lain-lain aset semasa | 25 | 523 | 186 | 47 | 329 | - | 7 | | |
| Lain-lain pelaburan | 22 | 16 | 80 | 75 | 48 | 98 | 42 | | |
| Cukai boleh diperolehi kembali | | 53 | 51 | - | 3 | 10 | 71 | | |
| Derivatif instrumen kewangan | 26 | - | 1 | 2 | - | - | - | | |
| Baki tunai dan bank | 27 | 1,268 | 2,403 | 1,048 | 77 | 111 | 85 | | |
| | | 4,914 | 5,296 | 3,199 | 1,360 | 976 | 996 | | |
| Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual | 28 | 327 | 54 | 4,859 | 192 | 37 | 63 | | |
| | | 5,241 | 5,350 | 8,058 | 1,552 | 1,013 | 1,059 | | |
| Jumlah aset | | 20,889 | 20,606 | 22,072 | 7,035 | 6,643 | 7,116 | | |

Penyata Kedudukan Kewangan

Pada 31 Disember 2016

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

| | Nota | 31.12.2016 | Kumpulan | | Johor Corporation | | | | |
|---|-------|---------------|------------------------------------|----------------------------------|-------------------|------------------------------------|----------------------------------|--|--|
| | | | 31.12.2015 Dinyatakan semula | 1.1.2015 Dinyatakan semula | 31.12.2016 | 31.12.2015 Dinyatakan semula | 1.1.2015 Dinyatakan semula | | |
| EKUITI DAN LIABILITI | | | | | | | | | |
| Liabiliti semasa | | | | | | | | | |
| Liabiliti cukai semasa | | 55 | 45 | 40 | - | - | - | | |
| Pembayaran dan pinjaman | 29 | 2,349 | 1,285 | 2,246 | 406 | 56 | 62 | | |
| Pemiutang perdagangan dan lain-lain | 30 | 1,823 | 1,975 | 1,877 | 917 | 936 | 1,620 | | |
| | | 4,227 | 3,305 | 4,163 | 1,323 | 992 | 1,682 | | |
| Liabiliti berkaitan langsung dengan pelupusan kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual | | - | - | 2,085 | - | - | - | | |
| | | 4,227 | 3,305 | 6,248 | 1,323 | 992 | 1,682 | | |
| Jumlah aset/(liabiliti) bersih semasa | | 1,014 | 2,045 | 1,810 | 229 | 21 | (623) | | |
| Liabiliti bukan semasa | | | | | | | | | |
| Lain-lain pemiutang | 30 | 81 | - | - | 368 | 352 | 453 | | |
| Lain-lain liabiliti jangka panjang | 31 | 970 | 558 | 474 | 694 | 390 | 290 | | |
| Liabiliti cukai tertunda | 21 | 666 | 811 | 635 | 71 | 70 | 57 | | |
| Pembayaran dan pinjaman | 29 | 7,158 | 6,732 | 5,930 | 2,610 | 2,969 | 2,974 | | |
| | | 8,875 | 8,101 | 7,039 | 3,743 | 3,781 | 3,774 | | |
| Jumlah liabiliti | | 13,102 | 11,406 | 13,287 | 5,066 | 4,773 | 5,456 | | |
| Jumlah aset bersih | | 7,787 | 9,200 | 8,785 | 1,969 | 1,870 | 1,660 | | |
| Ekuiti | | | | | | | | | |
| Rizab modal | 32(a) | 443 | 337 | 281 | 55 | 55 | 55 | | |
| Rizab penilaian semula | 32(b) | 1,152 | 1,026 | 892 | 202 | 212 | 198 | | |
| Rizab turun naik matakawang | 32(c) | (80) | (74) | (91) | - | - | - | | |
| Rizab pelarasan nilai saksama | 32(d) | 55 | 48 | 51 | - | - | - | | |
| Rizab transaksi ekuiti | 32(e) | (61) | (56) | (56) | - | - | - | | |
| Rizab hasil | 32(f) | 4,074 | 3,628 | 2,766 | 1,712 | 1,603 | 1,407 | | |
| | | 5,583 | 4,909 | 3,843 | 1,969 | 1,870 | 1,660 | | |
| Kepentingan bukan kawalan | | 2,204 | 4,291 | 4,942 | - | - | - | | |
| Jumlah ekuiti | | 7,787 | 9,200 | 8,785 | 1,969 | 1,870 | 1,660 | | |
| Jumlah ekuiti dan liabiliti | | 20,889 | 20,606 | 22,072 | 7,035 | 6,643 | 7,116 | | |

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Perubahan Ekuiti

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

| 2015 Kumpulan | SEKSYEN 5 | | | | | | SEKSYEN 6 | | |
|---|-------------|------------------------|---------------------------|-------------------------------|------------------------|-------------|-----------|---------------------------|---------------|
| | Rizab modal | Rizab penilaian semula | Rizab turun naik matawang | Rizab pelarasan nilai saksama | Rizab urusniaga ekuiti | Rizab hasil | Jumlah | Kepentingan bukan kawalan | Jumlah ekuiti |
| Baki kawal pada 1 Januari 2015 | 297 | 784 | (91) | 51 | (56) | 1,802 | 2,787 | 4,542 | 7,329 |
| Seperit dilaporkan sebelum ini | - | (860) | - | - | - | 860 | - | - | - |
| Kesan pindahan penilaian semula pada 1997 | (16) | 968 | - | - | - | 104 | 1,056 | 400 | 1,456 |
| Pelarasan tahun terdahulu | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2015 (dinyatakan semula) | 281 | 892 | (91) | 51 | (56) | 2,766 | 3,843 | 4,942 | 8,785 |
| Keuntungan bersih selepas cukai | - | - | - | - | - | 1,042 | 1,042 | 655 | 1,697 |
| Lain-lain pendapatan komprehensif | | | | | | | | | |
| Lebihan dari penilaian semula harta, loji dan kelengkapan | - | 134 | - | - | - | - | 134 | 115 | 249 |
| Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan sedia untuk dijual | - | - | - | (3) | - | - | (3) | (2) | (5) |
| Pertukaran matawang asing bagi operasi asing | - | - | 16 | - | - | - | 16 | (14) | 2 |
| Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa | - | 134 | 16 | (3) | - | - | 147 | 99 | 246 |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa | - | 134 | 16 | (3) | - | 1,042 | 1,189 | 754 | 1,943 |
| Transaksi dengan pemilik | | | | | | | | | |
| Terbitan baru tunai oleh REIT tersenarai awam | - | - | - | - | - | - | - | 241 | 241 |
| Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan | - | - | - | - | - | - | - | (310) | (310) |
| Pelupusan syarikat-syarikat anak | - | - | - | - | - | - | - | (1,363) | (1,363) |
| Pengurangan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak | 63 | - | 1 | - | - | (147) | (83) | 34 | (49) |
| Tambahan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak | (7) | - | - | - | - | (23) | (30) | (7) | (37) |
| Pengajihan dana kepada Kerajaan Negeri | - | - | - | - | - | (10) | (10) | - | (10) |
| | 56 | - | 1 | - | - | (180) | (123) | (1,405) | (1,528) |
| Baki akhir pada 31 Disember 2015 | 337 | 1,026 | (74) | 48 | (56) | 3,628 | 4,909 | 4,291 | 9,200 |

Penyata Perubahan Ekuiti

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

| 2016 Kumpulan | Rizab modal | Rizab penilaian semula | Rizab turun naik matawang | Rizab pelarasan nilai saksama | Rizab urusniaga ekuiti | Rizab hasil | Jumlah | Kepentingan bukan kawalan | Jumlah ekuiti |
|---|-------------|------------------------|---------------------------|-------------------------------|------------------------|--------------|--------------|---------------------------|----------------|
| Baki awal pada 1 Januari 2016 | | | | | | | | | |
| Seperiti dilaporkan sebelum ini | 374 | 848 | (74) | 48 | (56) | 2,689 | 3,829 | 3,892 | 7,721 |
| Kesan pintaahan penilaian semula pada 1997 | - | (860) | - | - | - | 860 | - | - | - |
| Pelarasan tahun terdahulu | (37) | 1,038 | - | - | - | 79 | 1,080 | 399 | 1,479 |
| Pada 1 Januari 2016 (dinyatakan semula) | 337 | 1,026 | (74) | 48 | (56) | 3,628 | 4,909 | 4,291 | 9,200 |
| Keuntungan bersih selepas cukai | - | - | - | - | - | 274 | 274 | 141 | 415 |
| Lain-lain pendapatan komprehensif | | | | | | | | | |
| Lebihan dari penilaian semula harta, loji dan ketengkapan | - | 127 | - | - | - | - | 127 | (6) | 121 |
| Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan sedia untuk dijual | - | - | - | 7 | - | - | 7 | 1 | 8 |
| Pertukaran matawang asing bagi operasi asing | - | (1) | (6) | - | - | - | (7) | 5 | (2) |
| Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa | - | 126 | (6) | 7 | - | - | 127 | - | 127 |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa | - | 126 | (6) | 7 | - | 274 | 401 | 141 | 542 |
| Transaksi dengan pemilik | | | | | | | | | |
| Penbusuan saham utama boleh lebuh ubah syarikat anak | 86 | - | - | - | - | (86) | - | - | - |
| Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan | - | - | - | - | - | - | - | (98) | (98) |
| Pengurangan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak | 20 | - | - | - | - | 50 | 70 | 114 | 184 |
| Perambahan/pengurangan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak | - | - | - | - | - | 250 | 250 | (2,422) | (2,172) |
| Penbusuan Modal Terpilih dalam syarikat anak | - | - | - | - | (31) | (31) | 176 | 145 | |
| Lain-lain pengurangan kepentingan | - | - | - | - | (5) | - | (5) | 2 | (3) |
| Tambah kepentingan dalam syarikat anak | - | - | - | - | (11) | (11) | - | - | (11) |
| Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Baki akhir pada 31 Disember 2016 | 106 | - | - | - | (5) | 172 | 273 | (2,228) | (1,955) |
| Baki akhir pada 31 Disember 2016 | 443 | 1,152 | (80) | 55 | (61) | 4,074 | 5,583 | 2,204 | 7,787 |

Penyata Perubahan Ekuiti

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

| Johor Corporation | Rizab modal | Rizab penilaian aset | Rizab hasil | Jumlah ekuiti |
|---|-------------|----------------------|--------------|---------------|
| Baki awal pada 1 Januari 2015 | | | | |
| Seperti dilaporkan sebelum ini | 55 | - | 1,407 | 1,462 |
| Pelarasan tahun terdahulu | - | 198 | - | 198 |
| Pada 1 Januari 2015 (dinyatakan semula) | 55 | 198 | 1,407 | 1,660 |
| Keuntungan bersih selepas cukai | - | - | 206 | 206 |
| Lain-lain pendapatan komprehensif | | | | |
| Lebihan penilaian ke atas harta, loji dan kelengkapan | - | 14 | - | 14 |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan | - | 14 | 206 | 220 |
| Transaksi dengan pemilik | | | | |
| Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri | - | - | (10) | (10) |
| Baki akhir pada 31 Disember 2015 | 55 | 212 | 1,603 | 1,870 |

| | Rizab modal | Rizab penilaian aset | Rizab hasil | Jumlah ekuiti |
|---|-------------|----------------------|--------------|---------------|
| Baki awal pada 1 Januari 2016 | | | | |
| Seperti dilaporkan sebelum ini | 55 | - | 1,616 | 1,671 |
| Pelarasan tahun terdahulu | - | 212 | (13) | 199 |
| Pada 1 Januari 2016 (dinyatakan semula) | 55 | 212 | 1,603 | 1,870 |
| Keuntungan bersih selepas cukai | - | - | 120 | 120 |
| Lain-lain perbelanjaan komprehensif | | | | |
| Defisit penilaian ke atas harta, loji dan kelengkapan | - | (10) | - | (10) |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan | - | (10) | 120 | 110 |
| Transaksi dengan pemilik | | | | |
| Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri | - | - | (11) | (11) |
| Baki akhir pada 31 Disember 2016 | 55 | 202 | 1,712 | 1,969 |

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

| | Kumpulan 2016 | 2015 Dinyatakan semula | Johor Corporation | |
|--|------------------|------------------------------|-------------------|------------------------------|
| | | | 2016 | 2015 Dinyatakan semula |
| KEGIATAN OPERASI | | | | |
| Keuntungan sebelum cukai: | | | | |
| Operasi berterusan | 541 | 499 | 112 | 262 |
| Operasi dihentikan | - | 1,319 | - | - |
| Pelarasan-pelarasian: | | | | |
| Harta, loji dan kelengkapan: | | | | |
| (Keuntungan)/kerugian bersih atas pelupusan | (17) | 7 | (9) | - |
| Hapuskira | 42 | 43 | - | - |
| Susutnilai | 386 | 378 | 24 | 25 |
| Kerugian rosotnilai | 12 | 1 | - | - |
| Hartanah pelaburan: | | | | |
| Perubahan dalam nilai saksama | (290) | (193) | (194) | 13 |
| Kerugian bersih atas pelupusan | - | 1 | - | - |
| Hak-hak guna tanah: | | | | |
| Pelunasan | 4 | - | - | - |
| (Keuntungan)/kerugian atas pelupusan: | | | | |
| Kepentingan separa dalam syarikat anak | - | - | - | (10) |
| Syarikat-syarikat bersekutu | (1) | - | - | - |
| Lain-lain pelaburan | - | (14) | - | (11) |
| Operasi yang dihentikan | - | (1,341) | - | - |
| Pembelian rendah atas pengambilalihan syarikat anak | (20) | - | - | - |
| Perbelanjaan pembangunan: | | | | |
| Hapuskira | - | 11 | - | - |
| Pelaburan: | | | | |
| Perubahan dalam nilai saksama | (2) | (23) | 6 | (35) |
| Pembalikan peruntukan bagi penghausan nilai di dalam lain-lain pelaburan | - | (33) | - | - |
| Peruntukan bagi penghausan di dalam syarikat anak | - | - | 116 | 54 |
| Hapuskira | 26 | - | 43 | - |
| Aset tidak ketara: | | | | |
| Pelunasan | 3 | 2 | - | - |
| Rosotnilai | 59 | - | - | - |

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

| | Kumpulan 2016 | 2015 Dinyatakan semula | Johor Corporation 2016 | 2015 Dinyatakan semula |
|--|------------------|------------------------------|---------------------------|------------------------------|
| KEGIATAN OPERASI (SAMBUNGAN) | | | | |
| Inventori dihapuskira | - | 5 | - | - |
| Pendapatan dividen | (3) | (3) | (133) | (320) |
| Kerugian pertukaran matawang asing belum direalisasi | 60 | (35) | - | - |
| Pelunasan geran kerajaan | (12) | (17) | (4) | (3) |
| Pelunasan tanah pajakan sewaan | (17) | (8) | (15) | - |
| Elaun rosotnilai penghutang | 35 | 82 | - | - |
| Pembalikan rosotnilai penghutang | (56) | (100) | (83) | (92) |
| Hutang lapuk dihapuskira | 1 | - | - | - |
| Perbelanjaan faedah | 433 | 434 | 129 | 128 |
| Pendapatan faedah | (54) | (104) | (3) | (9) |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama | (141) | (60) | - | - |
| Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja | 989 | 851 | (11) | 2 |
| Perubahan dalam modal kerja | | | | |
| Inventori | 41 | 3 | 1 | 50 |
| Kos pembangunan hartaanah | (357) | (148) | (106) | 33 |
| Penghutang | (333) | (426) | (196) | (37) |
| Pemutang | 76 | 207 | (17) | (310) |
| Syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama | 24 | 24 | - | - |
| Tunai dijana/(digunakan dalam) kegiatan operasi | 440 | 511 | (329) | (262) |
| Pulangan cukai | 39 | 26 | 20 | 14 |
| Cukai dibayar | (162) | (155) | - | - |
| Dividen diterima | 3 | 3 | 133 | 314 |
| Faedah diterima | 54 | 104 | 3 | 7 |
| Tunai bersih dijana daripada /(digunakan dalam) kegiatan operasi | 374 | 489 | (173) | 73 |

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

| | Kumpulan 2016 | 2015 Dinyatakan semula | Johor Corporation | |
|--|------------------|------------------------------|-------------------|------------------------------|
| | | | 2016 | 2015 Dinyatakan semula |
| KEGIATAN PELABURAN | | | | |
| Perolehan daripada pelupusan pelaburan dalam: | | | | |
| Syarikat-syarikat anak | - | - | 3 | - |
| Kepentingan separa dalam syarikat anak | - | - | - | 25 |
| Syarikat-syarikat bersekutu | 2 | - | - | - |
| Lain-lain pelaburan | 20 | 24 | 24 | 15 |
| Deposit yang diterima daripada penjualan syarikat bersekutu | 34 | - | 34 | - |
| Deposit dibayar atas pengambilalihan syarikat anak | (130) | (81) | - | - |
| Pendahuluan dibayar kepada syarikat anak | - | - | (52) | - |
| Perbelanjaan pembangunan | - | (33) | - | (33) |
| Perolehan daripada pelupusan tanah dipegang untuk jualan | - | - | 10 | 26 |
| Harta, loji dan kelengkapan: | | | | |
| Perolehan daripada pelupusan | 65 | 348 | 5 | 146 |
| Pembelian | (617) | (965) | (28) | (55) |
| Hartanah pelaburan: | | | | |
| Perolehan daripada pelupusan | 1 | 124 | 1 | - |
| Pembelian | (18) | (366) | - | (40) |
| Aset tidak ketara: | | | | |
| Tambahan | (12) | (10) | - | - |
| Pelupusan | - | 6 | - | - |
| Pengambilalihan syarikat anak | (38) | - | - | - |
| Pembelian: | | | | |
| Kepentingan separa dalam syarikat anak | - | - | - | (3) |
| Lain-lain pelaburan | (4) | (13) | - | (45) |
| Tunai bersih masuk atas pelupusan kumpulan diklasifikasi sebagai pegangan untuk dijual | - | 2,663 | - | - |
| Tunai bersih (digunakan dalam) /dijana daripada kegiatan pelaburan | (697) | 1,697 | (3) | 36 |

Penyata Aliran Tunai

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

| | Kumpulan 2016 | 2015 Dinyatakan semula | Johor Corporation 2016 | 2015 Dinyatakan semula |
|--|------------------|------------------------------|---------------------------|------------------------------|
| KEGIATAN PEMBIAYAAN | | | | |
| Deposit tetap tertakluk kepada sekat/cagaran tidak dianggap sebagai kesetaraan tunai | 1 | (24) | 1 | (1) |
| Pengeluaran pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang | 1,872 | 964 | - | - |
| Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang | (423) | (1,123) | (9) | (11) |
| Geran kerajaan diterima | 45 | 42 | 40 | 35 |
| Pendahuluan diterima daripada syarikat anak | - | - | 245 | - |
| Faedah dibayar | (433) | (434) | (129) | (97) |
| Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan | (98) | (310) | - | - |
| Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri | (5) | (10) | (5) | (10) |
| Perolehan daripada pengurangan kepentingan syarikat anak | 100 | - | - | - |
| Keuntungan timbul daripada aktiviti waran dan ESOS | 145 | - | - | - |
| Penebusan Modal Terpilih syarikat anak | (2,172) | - | - | - |
| Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan | (968) | (895) | 143 | (84) |
| (Pengurangan) /penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | (1,291) | 1,291 | (33) | 25 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari | 2,310 | 911 | 91 | 66 |
| Kesan kadar pertukaran ke atas tunai dan kesetaraan tunai | 12 | 108 | - | - |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember | 1,031 | 2,310 | 58 | 91 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | | | | |
| Baki tunai dan bank | 783 | 866 | 75 | 55 |
| Simpanan tetap | 485 | 1,535 | 2 | 56 |
| | 1,268 | 2,401 | 77 | 111 |
| Simpanan tetap tertakluk kepada sekat/dicagarkan | (97) | (45) | (19) | (20) |
| Overdraf bank | (140) | (46) | - | - |
| | 1,031 | 2,310 | 58 | 91 |

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

1. MAKLUMAT KORPORAT

Johor Corporation telah diperbadankan dibawah Enakmen Johor Corporation Bil. 4, 1968, (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995).

Alamat tempat perniagaan utama bagi Johor Corporation adalah seperti berikut:

Tingkat 11, Menara KOMTAR
Johor Bahru City Centre
80000 Johor Bahru, Johor
Malaysia.

Penyata kewangan Johor Corporation yang disatukan pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 meliputi Johor Corporation dan syarikat-syarikat anaknya dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dan syarikat usahasama.

Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan harta tanah dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri terutamanya daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar (prisihatian), pembangunan dan pengurusan harta tanah, "intrapreneur ventures", restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") di Malaysia. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai pindaan dan FRS baru yang merupakan satu syarat mandatori bagi tempoh-tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016 sebagaimana yang dinyatakan sepenuhnya dalam Nota 2.2.

Penyata kewangan ini telah disediakan berdasarkan kos sejarah kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam asas-asas perakaunan di bawah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan ke juta terdekat (RM juta) melainkan dinyatakan selainnya.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan belanja yang dilaporkan dalam tempoh laporan. Walaupun anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik para pengarah tentang keadaan dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berlainan daripada anggaran tersebut.

Ia juga memerlukan pihak pengurusan membuat penilaian dalam proses mengaplikasikan polisi perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, perkara yang melibatkan penilaian yang lebih tinggi atas perkara yang kompleks, atau perkara di mana andaian dan anggaran yang penting kepada penyata kewangan sebagaimana didekahkan dalam Nota 3.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan

- (a) Polisi-polisi perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan yang lepas kecuali seperti berikut:

Pada 1 Januari 2016, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai penambahbaikan kepada FRS yang diwajibkan bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016:

Perihal

Pindaan kepada FRS 11: Pengaturan bersama - Perakaunan untuk Pengambilalihan Kepentingan dalam Operasi Bersama

Pindaan kepada FRS 116 dan FRS 138: Penjelasan Kaedah Boleh Diterima untuk Susutnilai dan Pindaan Pelunasan kepada FRS 101: Pembentangan penyata kewangan - Pendedahan Inisiatif

Pindaan kepada FRS 127: Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan

Pindaan kepada FRS 10,12 & 128: Entiti Pelaburan - Mengguna Pakai Pengecualian Penyatuan

Penambahbaikan Tahunan kepada Kitaran FRS 2012 – 2014 (FRS 5: Aset Bukan Semasa di Pegang Untuk Jualan dan Operasi yang Dihentikan; FRS 7: Pendedahan Instrumen Kewangan dan FRS 119: Manfaat Pekerja)

Para Pengarah Johor Corporation tidak menjangkakan bahawa menerima pakai pembaharuan ini akan memberikan kesan yang ketara kepada penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation.

- (b) Sebelum 1 Januari 2016, tanah ladang telah dinyatakan menggunakan model kos. Dalam tahun kewangan semasa, Kumpulan telah mengubah polisi perakaunan untuk mengambil kira tanah ladang dibawah model penilaian semula untuk memberikan maklumat yang lebih dipercayai dan relevan kepada pengguna penyata kewangan kerana ia mencerminkan nilai pasaran semasa tanah ladang. Perubahan dalam polisi perakaunan telah diambil kira secara retrospektif dan perbandingan tahun terdahulu telah dinyatakan semula seperti yang ditunjukkan dalam Nota 41 di penyata kewangan.

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Kumpulan dan Johor Corporation belum menerima pakai piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi berikut yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa sehingga tarikh penyata kewangan ini. Kumpulan dan Johor Corporation bercadang untuk menggunakan piawaian ini jika berkenaan, apabila ia berkuatkuasa.

| Perihal | Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas |
|--|---|
| Pindaan kepada FRS 107 :Penyata Aliran tunai - Inisiatif Pendedahan | 1 Januari 2017 |
| Pindaan kepada FRS 112 :Cukai Pendapatan - Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda Bagi Kerugian tidak direalisasi | 1 Januari 2017 |
| FRS 9: Instrumen Kewangan | 1 Januari 2018 |

Beberapa piawaian baru dan pindaan untuk tafsiran tahun kewangan berkuatkuasa bermula selepas 1 Januari 2016. Tiada perubahan ketara yang dijangka akan berlaku di dalam penyata kewangan disatukan untuk Kumpulan dan Johor Corporation, kecuali yang berikut di bawah:

- (a) Pindaan kepada FRS 107 'Penyata Aliran Tunai - Inisiatif Pendedahan' (berkuatkuasa dari 1 Januari 2017) memperkenalkan pendedahan tambahan mengenai perubahan dalam liabiliti daripada aktiviti pembiayaan.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

- (b) Pindaan kepada FRS 112 ‘Cukai Pendapatan - Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi Kerugian Tidak Direalisasi’ (berkuatkuasa dari 1 Januari 2017) menjelaskan keperluan untuk mengiktiraf aset cukai tertunda ke atas kerugian tidak nyata daripada perbezaan sementara yang boleh ditolak atas aset yang dibawa pada nilai saksama.

Di samping itu, dalam menilai sama ada sebuah entiti mempunyai keuntungan yang mencukupi untuk dikenakan cukai pada masa hadapan terhadap perbezaan sementara boleh tolak dapat digunakan, pindaan memerlukan entiti untuk membandingkan perbezaan sementara boleh tolak dengan keuntungan yang dikenakan cukai masa hadapan tetapi tidak termasuk potongan cukai yang terhasil daripada pembalikan perbezaan sementara.

Pindaan hendaklah diaplikasikan secara retrospektif.

- (c) FRS 9 ‘Instrumen Kewangan’ (Berkuatkuasa dari 1 Januari 2018) akan menggantikan FRS 139 ‘Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran’

FRS 9 dikekalkan tetapi dipermudahkan dengan campuran model pengukuran dalam FRS 139 dan menetapkan tiga kategori pengukuran utama untuk aset kewangan: kos dilunaskan, nilai saksama melalui untung rugi dan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (“OCI”). Asas klasifikasi bergantung kepada model bisnes entiti dan ciri-ciri aliran tunai aset kewangan. Instrumen ekuiti pelaburan sentiasa diukur pada nilai saksama melalui untung rugi dengan pilihan tidak boleh batal pada permulaan untuk membentangkan perubahan dalam nilai saksama dalam OCI (dengan syarat instrumen tersebut tidak dipegang untuk dagangan). Instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan hanya jika entiti tersebut dipegang untuk mengutip aliran tunai berkontrak dan aliran tunai tersebut mewakili prinsipal dan faedah.

Untuk liabiliti, piawaian mengekalkan keperluan FRS 139. Ini termasuk perakaunan kos dilunaskan untuk kebanyakan liabiliti kewangan, dengan pencabangan derivatif terbenam. Perubahan utama adalah kes di mana nilai saksama di ambil untuk liabiliti kewangan, sebahagian perubahan nilai saksama disebabkan oleh risiko kredit entiti direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain dan bukannya dari penyata pendapatan, melainkan ia mewujudkan ketidakpadanan perakaunan.

FRS 9 memperkenalkan model kerugian kredit jangkaan menggantikan model kerugian kerosotan ditanggung digunakan dalam FRS 139. Model kerugian kredit jangkaan adalah berpandangan ke hadapan dan dapat menghapuskan keperluan yang mencetuskan suatu peristiwa berlaku sebelum kerugian kredit diiktiraf.

FRS 9 adalah digunakan secara retrospektif tetapi aman perbandingan tidak perlu dinyatakan semula. Kesan daripada piawaian ini kini sedang di dalam proses penilaian oleh para Pengarah Johor Corporation.

Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“Rangka Kerja MFRS”)

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (“MASB”) telah mengeluarkan rangka kerja perakaunan MASB baru yang telah diluluskan, iaitu Rangka Kerja MFRS Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia.

Rangka Kerja MFRS digunakan oleh semua Entiti Lain daripada Entiti Persendirian bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012, dengan pengecualian entiti yang berada dalam skop MFRS 141 Pertanian (“MFRS 141”) dan IC Interpretasi 15 Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah (“IC 15”), termasuk induk, pelabur besar dan pengusaha (di sini dipanggil ‘Entiti Peralihan’).

Entiti Peralihan akan dibenarkan untuk menangguhkan penggunaan Rangka Kerja MFRS baru dan boleh memilih untuk menggunakan Piawaian Pelaporan Kewangan (“FRS”) sebagai rangka kerja pelaporan kewangan bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (“Rangka Kerja MFRS”) (sambungan)

Kumpulan termasuk dalam definisi skop Entiti Peralihan, sehubungan dengan itu perlu untuk menyediakan penyata kewangan yang menggunakan Rangka Kerja MFRS dalam penyata kewangan MFRS yang pertama untuk tahun berakhir 31 Disember 2018. Dalam membentangkan penyata kewangan MFRSnya yang pertama, Kumpulan perlu untuk menyatakan semula penyata kewangan perbandingan kepada jumlah yang menggambarkan pemakaian Rangka Kerja MFRS. Majoriti pelarasan yang diperlukan pada peralihan akan dibuat, secara retrospektif, terhadap baki awal keuntungan terkumpul.

Kumpulan belum lagi selesai melakukan penilaianya terhadap kesan kewangan bagi perbezaan antara Piawaian Pelaporan Kewangan dan piawaian perakaunan di bawah Rangka Kerja MFRS. Sehubungan dengan itu, prestasi kewangan dan kedudukan kewangan seperti yang dinyatakan di dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 mungkin berbeza jika disediakan di bawah Rangka Kerja MFRS.

2.4 Asas-asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Johor Corporation dan kesemua syarikat anaknya pada tarikh laporan. Penyata kewangan syarikat-syarikat anak yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan disediakan pada tarikh laporan yang sama seperti Johor Corporation. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten digunakan untuk urusniaga dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Johor Corporation mengawal satu pelaburan jika dan hanya jika Johor Corporation mempunyai semua yang berikut:

- (i) Kuasa ke atas penerima pelaburan (iaitu hak yang ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan berkaitan penerima pelaburan);
- (ii) Pendedahan, atau hak, untuk pulangan pemboleh ubah daripada pelaburan dengan penerima pelaburan; dan
- (iii) Keupayaan untuk menggunakan kuasa ke atas penerima pelaburan untuk mempengaruhi pulangan.

Apabila Johor Corporation mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi penerima pelaburan, Johor Corporation menganggap yang berikut dalam menilai sama ada atau tidak hak mengundi Kumpulan dalam penerima pelaburan yang mencukupi untuk memberikan kuasanya ke atas penerima pelaburan:

- (i) Saiz pegangan hak mengundi Johor Corporation berbanding dengan saiz dan penyebaran pegangan pemegang undi lain;
- (ii) Potensi hak mengundi yang dipegang oleh Johor Corporation, pemegang undi lain atau pihak-pihak lain;
- (iii) Hak yang timbul daripada pengaturan berkontrak yang lain; dan
- (iv) Mana-mana fakta tambahan dan keadaan yang menunjukkan bahawa Johor Corporation telah, atau tidak mempunyai, keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan yang berkaitan pada masa keputusan perlu dibuat, termasuk corak mengundi di mesyuarat pemegang saham sebelumnya.

Syarikat-syarikat anak disatukan apabila Johor Corporation mempunyai kawalan ke atas syarikat anak dan tidak akan disatukan apabila Johor Corporation kehilangan kawalan ke atas syarikat anak itu. Semua baki antara kumpulan, pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusniaga antara kumpulan tidak direalisasi dihapuskan sepenuhnya.

Kerugian dan setiap komponen kerugian komprehensif lain-lain didalam syarikat anak adalah diagihkan kepada syarikat induk dan kepentingan bukan kawalan walaupun kesannya memberikan kepentingan bukan kawalan menghasilkan baki defisit.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.4 Asas-asas penyatuan (sambungan)

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam syarikat-syarikat anak yang tidak akan mengakibatkan kehilangan kawalan ke atas Johor Corporation diambil kira sebagai urusniaga ekuiti. Amaun dibawa bagi kepentingan Kumpulan dan kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif Johor Corporation dalam syarikat anak. Perbezaan yang terhasil diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan diagihkan kepada pemilik Johor Corporation.

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan ke atas sebuah syarikat anak, keuntungan atau kerugian yang dikira sebagai perbezaan di antara (i) agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama sebarang faedah tertangguh dan (ii) amaun dibawa sebelum ini bagi aset dan liabiliti syarikat anak dan mana-mana kepentingan bukan kawalan, diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan terkumpul syarikat anak atau kerugian yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian atau jika berkenaan, akan dipindahkan ke perolehan tertahan. Nilai saksama bagi mana-mana pelaburan terkumpul dalam syarikat anak terdahulu pada tarikh kawalan hilang dianggap sebagai kos pada pengiktirafan awal pelaburan.

Kombinasi perniagaan

Pengambilalihan syarikat-syarikat anak diambilkira dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan diukur sebagai agregat pertimbangan yang dipindahkan, apa-apa amaun kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih diikrarkan pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Kumpulan memilih asas secara transaksi demi transaksi untuk mengukur kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih sama ada pada nilai saksama atau pada kadar daripada aset bersih yang boleh dikenal pasti. Kos urusniaga yang dibelanjakan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran.

Sebarang pertimbangan kontingen yang akan dipindahkan oleh pengambilalihan akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan seterusnya ke atas pertimbangan kontingen adalah dalam nilai saksama yang disifatkan sebagai suatu aset atau liabiliti, akan diiktiraf menurut FRS 139 sama ada dalam penyata pendapatan atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif lain. Jika pertimbangan kontingen diklasifikasikan sebagai ekuiti, ia tidak akan dikaji semula. Penyelesaian berikutnya diambil kira di dalam ekuiti. Dalam keadaan di mana pertimbangan kontingen tidak termasuk dalam skop FRS 139, ia diukur mengikut FRS yang sesuai.

Apabila Kumpulan mengambil alih perniagaan, Kumpulan menilai aset dan liabiliti kewangan yang diandaikan mengikut pengelasan dan kedudukan mengikut terma kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan yang berkaitan pada tarikh pengambilalihan. Ini termasuk pemisahan derivatif tersembunyi dalam kontrak hos oleh syarikat yang diambilalih.

Jika dalam kombinasi perniagaan yang dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti yang sebelum ini dipegang dalam syarikat yang diambilalih diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

Muhibah pada mulanya diukur pada kos, merupakan lebihan agregat pertimbangan yang dipindahkan dan jumlah yang diiktiraf ke atas aset bersih dan liabiliti yang boleh dikenalpasti bagi kepentingan bukan kawalan. Jika pertimbangan ini adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih syarikat anak yang diambil alih, perbezaannya diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Dasar perakaunan untuk muhibah dinyatakan di Nota 2.9 (a).

2.5 Urusniaga dengan kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan mewakili ekuiti dalam syarikat-syarikat anak yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada milikan Johor Corporation, dan dibentangkan secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif yang disatukan dan ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, berasingan daripada ekuiti dikaitkan kepada milikan Johor Corporation.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.5 Urusniaga dengan kepentingan bukan kawalan (sambungan)

Perubahan dalam pemilikan kepentingan Johor Corporation dalam syarikat anak yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urusniaga ekuiti. Dalam keadaan sedemikian, aman dibawa kepentingan kawalan dan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif mereka dalam syarikat anak. Sebarang perbezaan antara jumlah yang mana kepentingan bukan kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan dikaitkan kepada milikan Johor Corporation.

2.6 Mata wang asing

(a) Mata wang fungsian dan mata wang pembentangan

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang fungsian Johor Corporation.

(b) Urusniaga mata wang asing

Urusniaga dalam mata wang asing adalah diukur dalam mata wang fungsian Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak masing-masing dan direkod pada pengiktirafan awal dalam mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang berhampiran dengan kadar yang digunakan pada tarikh urusniaga tersebut. Liabiliti dan aset monetari yang didenominasi dalam mata wang asing adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh laporan. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang diukur pada kos sejarah saksama adalah ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urusniaga awal. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing diukur pada nilai saksama adalah ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urusniaga awal apabila nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian item-item monetari atau atas pertukaran item-item monetari pada tarikh laporan adalah diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item monetari yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi-operasi asing, yang diiktiraf pada awalnya dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan terkumpul sebagai rizab pertukaran mata wang asing dalam ekuiti. Rizab pertukaran mata wang asing tersebut diklasifikasikan daripada ekuiti kepada untung atau rugi Kumpulan di atas pelupusan operasi luar negara tersebut.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran item-item bukan monetari dibawa pada nilai saksama adalah diambil kira didalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut melainkan perbezaan yang timbul di atas pertukaran item-item bukan monetari di mana untung atau rugi diiktiraf terus di dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item bukan monetari tersebut adalah juga diiktiraf secara langsung didalam ekuiti.

(c) Operasi luar negara

Aset dan liabiliti operasi luar negara ditukar ke dalam RM pada kadar pertukaran pada tarikh laporan dan pendapatan dan perbelanjaan adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Perbezaan tukaran yang timbul daripada pertukaran adalah diambil kira terus sebagai lain-lain pendapatan komprehensif.

Selepas pelupusan sebuah operasi luar negara, jumlah terkumpul diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab pertukaran mata wang asing berkaitan dengan operasi luar negara tersebut diiktiraf di dalam untung atau rugi.

Muhibah dan pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan operasi luar negara adalah dianggap sebagai aset dan liabiliti operasi luar negara tersebut dan direkodkan mengikut mata wang fungsian bagi operasi luar negara tersebut dan ditukarkan pada kadar penutup pada tarikh laporan.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.7 Harta, loji dan kelengkapan

Semua item harta, loji dan kelengkapan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu harta, loji dan kelengkapan hanya diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Harta prisihatin dan tanah ladang diukur pada nilai saksama tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai diambil kira selepas tarikh penilaian semula dibuat. Penilaian ini dilakukan dengan kekerapan yang mencukupi bagi memastikan bahawa amaun dibawa tidak berbeza dengan ketara daripada nilai saksama harta-harta prisihatin dan tanah ladang pada tarikh pelaporan.

Lebihan daripada penilaian semula akan diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab penilaian semula aset, kecuali setakat mana ia membalikkan pengurangan penilaian semula bagi aset yang sama sebelum ini diiktiraf dalam untung atau rugi, di mana pertambahan diiktiraf dalam untung atau rugi. Defisit penilaian semula diiktiraf dalam penyata untung atau rugi, kecuali setakat mana ia mengimbangi lebihan yang sedia ada ke atas aset yang sama dan direkod di dalam rizab penilaian semula aset.

Sebarang susutnilai terkumpul pada tarikh penilaian semula dihapuskan dengan amaun dibawa kasar aset dan jumlah bersih dinyatakan semula kepada jumlah aset yang dinilai. Lebihan penilaian semula termasuk di dalam rizab penilaian semula aset adalah berkenaan dengan aset yang dipindahkan ke rizab hasil apabila dilupuskan.

Semua perbelanjaan berhubung kepada pembangunan ladang minyak sawit (ladang belum matang) akan diklasifikasi di bawah perbelanjaan pembangunan ladang. Kos tersebut akan dilunaskan atas jangka hayat apabila ladang tersebut matang. Tarikh matang bagi perbelanjaan pembangunan ladang adalah masa di mana kawasan baru ditanam menghasilkan sekurang-kurangnya 8.60 tan buah tandan segar sehektar setahun atau 48 bulan daripada tarikh tanaman, yang mana lebih dahulu. Perbelanjaan overhead ladang dibahagikan kepada untung atau rugi dan perbelanjaan pembangunan ladang pada kadar pembahagian kawasan matang kepada tidak matang.

Selepas pengiktirafan, harta, loji dan kelengkapan diukur pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul. Apabila bahagian-bahagian signifikan harta, loji dan kelengkapan diperlukan untuk diganti secara berjarak, Kumpulan mengiktiraf bahagian-bahagian sedemikian sebagai aset-aset individu dengan jangka hayat tertentu, dan susut nilai, masing-masing. Begitu juga, bila pemeriksaan utama dijalankan, kosnya diiktiraf dalam amaun dibawa loji dan kelengkapan sebagai satu gantian sekiranya kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos baik pulih dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi bila ianya ditanggung.

Tanah pegangan bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad, dan oleh demikian tidak disusutnilai. Susutnilai dikira atas dasar garis lurus bagi tempoh jangka hayat boleh guna yang dijangkakan bagi aset-aset tersebut seperti mana berikut:

| | |
|---------------------------------|---------------------------------|
| Tanah pajakan | 15 – 904 tahun |
| Perbelanjaan pembangunan ladang | 17 – 22 tahun dari tahun matang |
| Bangunan | 4 – 50 tahun |
| Harta prisihatin | 50 – 999 tahun |
| Loji dan jentera | 3 – 25 tahun |
| Peralatan pejabat | 5 – 15 tahun |
| Lekapan dan kelengkapan | 2 – 20 tahun |
| Kenderaan bermotor | 3 – 5 tahun |
| Pengubahsuaian | 10 tahun |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.7 Harta, loji dan kelengkapan (sambungan)

Modal kerja dalam pelaksanaan termasuk di dalam harta, loji dan kelengkapan adalah tidak disusutnilai memandangkan aset-aset tersebut belum sedia untuk digunakan.

Nilai bawa harta, loji dan kelengkapan dipertimbangkan bagi kerosotan apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawa tersebut mungkin tidak dapat diperolehi semula.

Sisa nilai, jangka hayat dan kaedah susutnilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Sesuatu item harta, loji dan kelengkapan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambilkira di dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

2.8 Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, hartenah pelaburan diukur pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan-keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran bagi harga-harga urusniaga bagi hartenah yang serupa dan dilakukan oleh para penilai bebas yang berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf dengan sewajarnya dan mempunyai pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori harta yang dinilai. Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai-nilai saksama bagi hartenah pelaburan dimasukkan dalam untung atau rugi dalam tahun di mana iaanya dinilai.

Hartenah pelaburan adalah dinyahiktiraf sama ada selepas ia dilupus atau bila hartenah pelaburan tersebut tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan akan diperolehi daripada penjualannya. Sebarang untung atau rugi atas penamatkan penggunaan atau pelupusan hartenah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun penamatkan penggunaan atau pelupusan.

Pindahan-pindahan dibuat kepada atau daripada hartenah pelaburan hanya apabila ada perubahan dalam kegunaannya. Bagi pindahan daripada hartenah pelaburan kepada hartenah didiami-pemilik, kos yang dianggar bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta didiami-pemilik kepada hartenah pelaburan, harta tersebut diambilkira menurut dasar perakaunan bagi harta, loji dan kelengkapan yang dibentangkan dalam Nota 2.7 sehingga ke tarikh perubahan dalam kegunaan.

2.9 Aset-aset tidak zahir

(a) Muhibah

Muhibah pada awalnya diukur pada kos. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos tolak kerugian rosotnilai terkumpul. Bagi tujuan menguji penurunan nilai, muhibah yang diperolehi diperuntukkan, dari tarikh pemerolehan, kepada setiap satu unit menjana tunai Kumpulan yang dijangka akan menerima manfaat daripada sinergi kombinasi tersebut.

Unit menjana tunai kepada muhibah yang telah diperuntukkan diuji untuk rosotnilai secara tahunan dan apabila terdapat satu indikasi bahawa unit yang menjana tunai tersebut mungkin dirosotnilai, dengan membandingkan amaun dibawa bagi unit yang menjana tunai tersebut, termasuk muhibah yang diperuntukkan, dengan jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut. Bagi situasi di mana jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut adalah kurang daripada amaun dibawa, kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi muhibah tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.9 Aset-aset tidak zahir (sambungan)

(b) Aset-aset tidak zahir lain

Aset-aset tidak zahir diperolehi berasingan pada awalnya diukur pada kos. Kos aset-aset tidak zahir diperolehi dalam satu kombinasi perniagaan adalah nilai saksama mereka pada tarikh pengambilalihan. Selepas pengambilalihan awal, aset-aset tidak zahir diukur pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Aset-aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna yang terbatas adalah dilunaskan atas tempoh hayat berguna yang dijangkakan dan ditaksir semula bagi rosotnilai bila-bila masa terdapatnya satu indikasi bahawa aset tidak zahir tersebut mungkin akan diturun nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap penghujung tahun kewangan. Perubahan-perubahan kepada tempoh hayat berguna dijangka atau corak penggunaan dijangka bagi faedah-faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam aset tersebut dinyatakan dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, mengikut kesesuaian, dan dianggap sebagai perubahan-perubahan dalam anggaran-anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan atas aset-aset tidak zahir dengan hayat terbatas diiktiraf dalam untung atau rugi.

Aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna adalah dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus keatas anggaran tempoh hayat berguna aset-aset seperti berikut:

| | |
|-----------------------------------|---------|
| Hak konsesi operator parkir | 3 tahun |
| Perbelanjaan pembangunan perisian | 5 tahun |

Aset-aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas atau belum lagi dapat digunakan diuji untuk rosotnilai secara tahunan, atau dengan lebih kerap jika peristiwa atau keadaan menunjukkan bahawa nilai bawa mungkin dirosotnilai sama ada secara individu atau pada tahap unit yang menjana tunai. Aset-aset tidak zahir sedemikian tidak dilunas. Hayat berguna bagi aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas dikaji semula secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna tersebut masih boleh terus disokong. Jika tidak, perubahan dalam hayat berguna daripada tidak terbatas kepada terbatas dibuat secara prospektif.

Untung atau rugi daripada aset tidak zahir yang dinyahiktiraf diukur sebagai perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun dibawa aset tersebut dan diiktiraf dalam untung atau rugi bila aset tersebut dinyahiktiraf.

2.10 Hak-hak guna tanah

Hak-hak guna tanah pada awalnya diukur pada kos. Menyusuli pengiktirafan awal, hak-hak guna tanah diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Hak-hak guna tanah dilunas menurut terma-terma pajakan kepada 99 tahun.

2.11 Penurunan nilai aset-aset bukan kewangan

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin dirosotnilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian rosotnilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran jumlah boleh diperolehi semula daripada aset tersebut.

Amaun boleh pulih daripada sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset tolak kos untuk menjual dan nilainya bila diguna. Bagi tujuan penilaian rosotnilai, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah dimana terdapat aliran tunai Unit Penjanaan Tunai ("UPT") yang boleh dikenal pasti secara berasingan.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.11 Penurunan nilai aset-aset bukan kewangan (sambungan)

Dalam menaksir nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset tersebut didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskain pra-cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang khusus terhadap aset tersebut. Jika amaun dibawa sesuatu aset melebihi amaun boleh pulih, aset tersebut dikurangkan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosotnilai berhubung dengan UPT atau kumpulan UPT diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan amaun dibawa bagi sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan amaun dibawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan asas pro-rata.

Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosotnilai kali terakhir. Sekiranya demikian, amaun dibawa aset tersebut ditingkatkan kepada amaun boleh pulih. Peningkatan tersebut tidak boleh melebihi amaun dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susutnilai, tidak mempunyai kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula sedemikian diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai atas muhibah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

2.12 Pelaburan dalam syarikat-syarikat anak

Syarikat anak adalah sebuah entiti di mana Kumpulan memiliki semua yang berikut:

- (i) Kuasa ke atas penerima pelaburan tersebut (hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan berkaitan penerima pelaburan);
- (ii) Pendedahan, atau hak, untuk merubah pulangan daripada pelburannya dengan penerima pelaburan tersebut; dan
- (iii) Keupayaan untuk menggunakan kuasa atas pelaburan untuk mempengaruhi pulangannya.

Dalam penyata kewangan Johor Corporation yang berasingan, pelaburan dalam syarikat-syarikat anak diambilkira pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Bagi pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi. Dimana indikasi rosotnilai wujud, amaun dibawa pelaburan tersebut telah dinilai dan diambilkira dalam amaun diperolehi semula. Lihat polisi perakaunan dalam rosotnilai aset bukan-kewangan seperti dinyatakan dalam Nota 2.11.

2.13 Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam kewangan dan keputusan dasar operasi penerima pelaburan tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar syarikat.

Usahasama adalah pengaturan bersama dimana pihak-pihak yang tersebut dalam pengaturan bersama mempunyai hak kawalan bersama ke atas aset bersih pengaturan bersama. Kawalan bersama adalah persetujuan kawalan usahasama yang telah dipersetujui secara kontrak, yang wujud hanya apabila keputusan mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.13 Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama (sambungan)

Pada pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usahasama, sebarang lebihan kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti dalam pelaburan diiktiraf sebagai muhibah dan dimasukkan dalam amaun dibawa pelaburan tersebut. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti penerima pelaburan ke atas kos pelaburan dikecualikan daripada amaun dibawa pelaburan dan sebaliknya termasuk sebagai pendapatan dalam penentuan bahagian Kumpulan dalam syarikat bersekutu ini atau keuntungan atau kerugian usahasama bagi tempoh di mana pelaburan tersebut diperolehi.

Syarikat bersekutu atau usahasama adalah ekuiti yang diambilkira dari tarikh di mana penerima pelaburan menjadi syarikat bersekutu atau usahasama.

Di bawah kaedah ekuiti, pada pengiktirafan permulaan pelaburan di dalam syarikat bersekutu atau usahasama diiktiraf pada kos, dan amaun dibawa ditambah atau dikurangkan untuk mengiktiraf bahagian Kumpulan dalam keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain daripada syarikat bersekutu atau usahasama selepas tarikh pengambilalihan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usahasama yang sama atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu atau usahasama, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu atau usahasama.

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusniaga huluan dan hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usahasama yang diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan di dalam syarikat bersekutu atau usahasama. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan melainkan urusniaga berkenaan menunjukkan bukti rosotnilai aset yang dipindahkan.

Penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat usahasama disediakan pada tarikh laporan yang sama seperti Johor Corporation. Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas dasar-dasar perakaunan sejarah dengan dasar Kumpulan.

Selepas penggunaan kaedah ekuiti, Kumpulan menggunakan FRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran untuk menentukan sama ada adakah perlu untuk mengiktiraf sebarang tambahan kerugian rosotnilai yang berkaitan dengan pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu atau usahasama. Apabila perlu, amaun dibawa keseluruhan pelaburan diuji untuk rosotnilai menurut FRS 136 Rosotnilai Aset sebagai aset tunggal, dengan membandingkan amaun yang boleh pulih (lebih tinggi daripada nilai yang digunakan dan nilai saksama ditolak kos untuk dijual) dengan amaun dibawa. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf di dalam untung atau rugi. Pembalikan kerugian rosotnilai kemudiannya diiktiraf setakat mana amaun pelaburan yang boleh diperolehi semula meningkat.

Dalam penyata kewangan berasingan Johor Corporation, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usahasama dinyatakan pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Semasa pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi. Dimana indikasi rosotnilai wujud, amaun dibawa pelaburan akan dinilai dan dikurangkan serta merta kepada amaun boleh diperolehi semula. Lihat polisi perakaunan rosotnilai aset bukan-kewangan seperti dinyatakan dalam Nota 2.11.

2.14 Aset-aset kewangan

Aset-aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Apabila aset-aset kewangan diiktiraf pada awalnya, ia diukur pada nilai saksama, serta, bagi kes aset-aset kewangan tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos-kos transaksi yang berkaitan secara langsung.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.14 Aset-aset kewangan (sambungan)

Kumpulan dan Johor Corporation menentukan klasifikasi aset-aset kewangan mereka pada pengiktirafan awal, dan kategori-kategori tersebut termasuk aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan penghutang, pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang dan aset-aset kewangan sedia untuk dijual.

(a) Aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Aset-aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi jika iaanya dipegang untuk dagangan atau ditentukan sedemikian selepas pengiktirafan awal. Aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan adalah derivatif-derivatif (termasuk derivatif-derivatif terbenam berasingan) atau aset-aset kewangan diperolehi untuk tujuan jualan pada masa terdekat.

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian (selain daripada yang berkaitan dengan derivatif yang layak bagi perakaunan lindung nilai sebagaimana diterangkan dalam Nota 2.34) yang timbul daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian bersih ke atas aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi tidak termasuk perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen. Perbezaan-perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen atas aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi diiktiraf berasingan dalam untung atau rugi sebagai sebahagian daripada kerugian atau pendapatan lain.

Aset-aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi boleh dinyatakan sebagai semasa atau bukan semasa. Aset-aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa manakala aset-aset kewangan yang tidak dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa atau bukan semasa berdasarkan pada tarikh penyelesaian.

(b) Pembiayaan dan penghutang

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak tersenarai dalam pasaran aktif diklasifikasikan sebagai pembiayaan dan penghutang.

Selepas pengiktirafan awal, pembiayaan dan penghutang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam untung atau rugi bila pembiayaan dan penghutang dinyahiktiraf atau dirosotnilai, dan melalui proses pelunasan.

Pembiayaan dan penghutang diklasifikasi sebagai aset-aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tarikh-tarikh matang lebih daripada 12 bulan selepas tarikh ia dilaporkan diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

(c) Pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang hingga matang bila Kumpulan mempunyai hasrat dan keupayaan positif untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam untung atau rugi apabila pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang dinyahiktiraf atau dirosotnilai, dan melalui proses pelunasan.

Pelaburan-pelaburan dipegang hingga matang diklasifikasi sebagai aset-aset bukan semasa, kecuali pelaburan-pelaburan yang mempunyai kematangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasi sebagai semasa.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.14 Aset-aset kewangan (sambungan)

(d) Aset-aset kewangan sedia dijual

Aset-aset kewangan tersedia untuk dijual yang ditentukan sebagai sedia dijual atau tidak diklasifikasi dalam mana-mana tiga kategori di atas.

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan tersedia untuk dijual diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama aset-aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali kerugian rosotnilai, keuntungan dan kerugian pertukaran asing ke atas instrumen monetari dan faedah dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelum ini di dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai satu pelarasan klasifikasi semula bila aset kewangan dinyahiktiraf. Pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen-dividen daripada instrumen ekuiti tersedia untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi bila hak Kumpulan dan Johor Corporation untuk menerima pembayaran diwujudkan.

Pelaburan-pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos tolak kerugian rosotnilai. Aset-aset kewangan tersedia untuk dijual diklasifikasikan sebagai aset-aset bukan semasa melainkan dijangka akan direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan.

Aset kewangan akan dinyahiktiraf bila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah luput. Apabila suatu aset kewangan dinyahiktiraf secara keseluruhan, perbezaan antara amanah dibawa dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

Jualan atau belian cara biasa adalah jualan atau belian aset-aset kewangan yang memerlukan penyediaan aset-aset dalam tempoh yang secara amnya diwujudkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran yang berkenaan. Semua jualan dan belian cara biasa aset-aset kewangan diiktiraf atau dinyahiktiraf pada tarikh dagangan tersebut iaitu, tarikh di mana Kumpulan dan Johor Corporation memberi komitmen untuk menjual atau membeli aset tersebut.

2.15 Rosotnilai aset-aset kewangan

Kumpulan dan Johor Corporation menilai pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan dirosotnilai.

(a) Penghutang perdagangan dan lain-lain dan aset-aset kewangan lain dibawa pada kos selepas pelunasan

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosotnilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, Kumpulan dan Johor Corporation mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang ketara dan kegagalan bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara amanah dibawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Kerugian rosotnilai tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

Amanah dibawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Apabila penghutang perdagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapuskan menerusi akaun peruntukan tersebut.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.15 Rosotnilai asset-asset kewangan (sambungan)

(a) Penghutang perdagangan dan lain-lain dan asset-asset kewangan lain dibawa pada kos selepas pelunasan (sambungan)

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian rosotnilai berkurang dan pengurangan ini boleh dikaitkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas rosotnilai tersebut diiktiraf, kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana amaun dibawa asset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Amaun pembalikan diiktiraf di dalam untung atau rugi.

(b) Aset-asset kewangan tersedia untuk dijual

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai asset-asset kewangan sedia untuk dijual dirosotnilai.

Jika asset kewangan sedia untuk dijual dirosotnilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf sebelum ini di dalam untung atau rugi, dipindah daripada ekuiti kepada untung atau rugi.

Kerugian rosotnilai atas pelaburan-pelaburan ekuiti sedia untuk dijual tidak diterbalikkan dalam untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya. Peningkatan dalam nilai saksama, jika ada, selepas kerugian rosotnilai diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif.

2.16 Aset-asset biologi

Aset biologi diukur pada pengiktirafan awal dan akhir setiap tahun kewangan, pada nilai saksama ditolak kos untuk menjual. Keuntungan atau kerugian atas pengiktirafan awal aset biologi pada nilai saksama ditolak kos jualan dan daripada perubahan dalam nilai saksama ditolak kos untuk menjual aset biologi hendaklah dimasukkan ke dalam untung atau rugi bagi tempoh ia berlaku.

Untuk aset biologi di mana harga atau nilai pasaran yang ditentukan tidak boleh didapati, dan anggaran alternatif nilai saksama ditentukan sebagai jelas tidak boleh dipercayai, aset biologi hendaklah diukur pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan segala kerugian rosotnilai terkumpul.

2.17 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank dan di tangan, simpanan semasa, dan pelaburan jangka pendek dan yang sangat mudah untuk ditukar kepada tunai yang diketahui jumlahnya yang tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak signifikan dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai dinyatakan selepas ditolak overdraf bank dan deposit yang dicagarkan.

2.18 Kontrak pembinaan

Hasil daripada kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak dan kos kontrak diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan masing-masing dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Peringkat penyiapan dinilai dengan merujuk kepada bahagian kos kontrak yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos kontrak.

Hasil daripada kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak diiktiraf setakat kos kontrak yang ditanggung yang mungkin boleh pulih. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.18 Kontrak pembinaan (sambungan)

Apabila terdapat kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian yang dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Hasil kontrak terdiri daripada jumlah awal hasil yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif sehingga ke tahap di mana ia berkemungkinan bahawa mereka akan memberikan hasil dan mereka mampu untuk diukur dengan pasti.

Apabila jumlah kos yang ditanggung atas kontrak pembinaan ditambah keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil berperingkat, baki diklasifikasikan sebagai jumlah ter hutang daripada pelanggan atas kontrak. Apabila bil berperingkat melebihi kos yang ditanggung, keuntungan yang diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki diklasifikasikan sebagai jumlah ter hutang kepada pelanggan atas kontrak.

2.19 Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah dan kos pembangunan harta tanah

(a) Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah

Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah terdiri daripada tanah di mana tiada aktiviti-aktiviti pembangunan dijalankan atau di mana aktiviti-aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi normal. Tanah sedemikian diklasifikasi dalam aset-aset bukan semasa dan dinyata pada kos tolak sebarang kerugian rosot nilai terkumpul.

Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah diklasifikasi semula sebagai kos pembangunan harta tanah apabila aktiviti-aktiviti pembangunan telah bermula dan di mana ianya boleh ditunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti pembangunan boleh disiapkan dalam kitaran operasi normal.

(b) Kos-kos pembangunan harta tanah

Kos-kos pembangunan harta tanah terdiri daripada segala kos yang berkaitan terus dengan aktiviti-aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada aktiviti-aktiviti sedemikian.

Apabila hasil kewangan bagi satu aktiviti pembangunan boleh dianggar dengan pasti, hasil dan perbelanjaan pembangunan harta tanah diiktiraf di dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan berdasarkan kos-kos pembangunan harta tanah yang telah dibelanjakan setakat ini dan dibandingkan kepada kos-kos pembangunan harta tanah keseluruhan yang dianggarkan.

Di mana hasil kewangan bagi suatu aktiviti pembangunan tidak dapat dianggar dengan pasti, hasil pembangunan harta tanah hanya diiktiraf sehingga kos-kos pembangunan harta tanah ditanggung yang berkemungkinan akan diperolehi, dan kos-kos pembangunan harta tanah atas harta tanah yang dijual diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh ianya ditanggung.

Sebarang kerugian yang dijangka atas satu projek pembangunan, termasuk kos-kos yang akan ditanggung semasa tempoh liabiliti kecacatan, diiktiraf serta merta sebagai satu perbelanjaan.

Kos-kos pembangunan harta tanah yang tidak diiktiraf sebagai satu perbelanjaan, diiktiraf sebagai satu aset, yang diukur pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai direalisasi bersih.

Lebihan hasil diiktiraf dalam untung atau rugi ke atas tuntutan kepada pembeli-pembeli diklasifikasi sebagai tuntutan terakru dalam penghutang dagangan dan lebihan tuntutan kepada pembeli-pembeli ke atas hasil diiktiraf di dalam untung atau rugi diklasifikasi sebagai tuntutan berperingkat dalam pemutang dagangan.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.20 Inventori

Inventori terdiri daripada bahan-bahan mentah, simpanan dalam gudang, kerja sedang dilaksana, dan kedai dan rumah yang telah siap. Inventori dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah. Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah kos purata wajaran selain daripada inventori yang berkaitan dengan segmen perniagaan restoran khidmat segera Kumpulan. Inventori tersebut, yang terdiri daripada bahan mentah, barang runcit, ternakan ayam itik dan barang pengguna, peralatan dan alat ganti dan barang siap, ditentukan berdasarkan kaedah masuk-dahulu, keluar-dahulu.

Kos hasil pertanian adalah berdasarkan kaedah purata wajaran dan termasuk kos bahan langsung dan bahagian yang sesuai bagi perbelanjaan hasil ladang, kos pengeluaran dan kos overhead berdasarkan kapasiti operasi biasa.

Nilai realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan perniagaan biasa, ditolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk melaksanakan penjualan.

2.21 Peruntukan-peruntukan

Peruntukan-peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) disebabkan satu peristiwa lepas, ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut dan jumlah obligasi tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan-peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dilaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Sekiranya tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut, peruntukan tersebut akan diterbalikkan. Sekiranya kesan nilai masa wang adalah material, peruntukan-peruntukan didiskau menggunakan kadar pra-cukai semasa yang ditunjukkan, mengikut kesesuaian risiko-risiko khusus kepada liabiliti tersebut. Bila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan adalah disebabkan oleh peredaran masa yang berlalu adalah diiktiraf sebagai kos kewangan.

2.22 Geran-geran kerajaan

Geran-geran kerajaan yang diiktiraf pada nilai saksama dimana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat akan dipenuhi. Bagi geran yang berkaitan dengan aset, nilai saksama tersebut diiktiraf sebagai geran modal tertunda dalam penyata kedudukan kewangan dan dilunas di dalam penyata untung atau rugi disepanjang hayat berguna dijangka bagi aset yang relevan menerusi ansuran tahunan yang sama.

Geran kerajaan sebagai pampasan kepada Kumpulan untuk perbelanjaan adalah diiktiraf dalam untung rugi sebagai pendapatan lain secara sistematis dalam tempoh yang sama dimana perbelanjaan tersebut diiktiraf.

2.23 Liabiliti-liabiliti kewangan

Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi seperti terkandung di dalam perjanjian kontrak yang diikat dan didefinisikan sebagai bagi suatu liabiliti kewangan.

Liabiliti-liabiliti kewangan, di dalam skop FRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya bila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi sebagai sama ada liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi atau liabiliti-liabiliti kewangan lain.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.23 Liabiliti-liabiliti kewangan (sambungan)

(a) Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi

Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi termasuk liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan dan liabiliti-liabiliti kewangan ditentukan selepas pengiktirafan awal pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

Liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan termasuk derivatif-derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan dan Johor Corporation yang tidak memenuhi ciri-ciri perakaunan lindung nilai. Liabiliti-liabiliti derivatif diukur pada awalnya pada nilai saksama dan seterusnya dinyata pada nilai saksama, dengan sebarang untung atau rugi yang terhasil dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih atas derivatif-derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Kumpulan dan Johor Corporation belum menentukan sebarang liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

(b) Liabiliti-liabiliti kewangan lain

Liabiliti-liabiliti kewangan lain Kumpulan dan Johor Corporation termasuk pembiayaan dan pinjaman.

Pembiayaan dan pinjaman diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos-kos urusniaga berkaitan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pinjaman dan pembiayaan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas kos-kos urusniaga, dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti-liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai satu hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan kewangan.

Bagi liabiliti-liabiliti kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila liabiliti-liabiliti tersebut dinyahiktiraf, dan menerusi proses pelunasan.

Suatu liabiliti kewangan dinyahiktiraf bila obligasi di bawah liabiliti tersebut terhapus. Apabila suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada peminjam yang sama dengan terma-terma yang jauh berbeza, atau terma-terma bagi liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran tersebut atau modifikasi sedemikian dianggap sebagai nyahiktiraf bagi liabiliti asal dan pengiktirafan satu liabiliti baru, dan perbezaan dalam amaun dibawa masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.24 Kontrak jaminan kewangan

Suatu kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan penerbit untuk membuat pembayaran tertentu untuk membayar balik kepada pemegang bagi kerugian yang ditanggung kerana penghutang tertentu gagal untuk membuat pembayaran apabila tiba tempoh.

Kontrak jaminan kewangan pada awalnya diiktiraf sebagai liabiliti pada nilai saksama, bersih daripada kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai pendapatan dalam untung atau rugi dalam tempoh jaminan kewangan diiktiraf sebagai pendapatan dalam untung atau rugi dalam tempoh jaminan. Jika penghutang gagal untuk membuat bayaran berhubung dengan kontrak jaminan kewangan apabila tiba tempohnya dan Kumpulan, sebagai penerbit, diperlukan untuk membayar balik kepada pemegang untuk kerugian tersebut, liabiliti diukur pada nilai yang lebih tinggi daripada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi semasa pada tarikh pelaporan dan jumlah yang diiktiraf pada awalnya dan di tolak pelunasan terkumpul.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.25 Kos-kos pinjaman

Kos-kos pinjaman dipermodal sebagai sebahagian daripada kos bagi suatu aset kelayakan jika mereka berkaitan secara langsung kepada pemerolehan, pembinaan atau penyiapan aset tersebut. Permodalan kos-kos pinjaman bermula apabila aktiviti-aktiviti untuk menyediakan aset tersebut bagi kegunaan dirancang atau dijual adalah sedang dalam pelaksanaan dan perbelanjaan dan kos pinjaman yang telah ditanggung. Kos-kos pinjaman adalah dipermodal sehingga sebahagian besar aset-aset tersebut telah disiapkan bagi kegunaan yang dirancang atau dijual.

Semua kos-kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh ianya ditanggung. Kos-kos pinjaman terdiri daripada kos-kos faedah dan kos-kos lain yang Kumpulan dan Johor Corporation menanggung berhubung dengan pinjaman dana berkenaan.

2.26 Manfaat anggota pekerja

(a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang meningkatkan hak mereka kepada pampasan ketidakhadiran masa hadapan. Pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit akan diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(b) Pelan caruman wajib

Kumpulan mengambil bahagian dalam skim-skim pencen kebangsaan sebagaimana yang ditakrif oleh undang-undang negara-negara di mana ia beroperasi. Syarikat-syarikat di Malaysia dalam Kumpulan membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, satu skim pencen caruman yang ditentukan. Caruman-caruman kepada skim-skim pencen caruman ditakrif diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan.

2.27 Pajakan-pajakan

(a) Sebagai pemajak

Pajakan-pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada Kumpulan secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, atau sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj kepada untung atau rugi. Sewa-sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana mereka ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusutnilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperolehi pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut.

Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut. Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.27 Pajakan-pajakan (sambungan)

(b) Sebagai pemberi pajak

Pajakan-pajakan di mana Kumpulan secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada amaun dibawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 2.29(j).

2.28 Operasi yang dihentikan

Suatu komponen Kumpulan diklasifikasi sebagai "operasi dihentikan" apabila kriteria untuk diiklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan telah dipenuhi atau ianya telah dilupus dan satu komponen sedemikian mewakili satu cabang perniagaan utama atau tempat dari segi geografi bagi operasi atau sebahagian daripada suatu cabang perniagaan yang utama. Satu komponen dianggap sebagai dipegang untuk jualan jika amaun dibawanya akan diperolehi semula terutamanya melalui urusniaga jualan dan bukan menerusi penggunaan yang berterusan.

Selepas diiklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan, aset-aset bukan semasa dan kumpulan-kumpulan untuk dilupuskan tidak lagi disusutnilai dan diukur pada yang mana lebih rendah antara amaun dibawa dan nilai saksama ditolak kos untuk menjual. Sebarang perbezaan diiktiraf dalam untung atau rugi.

2.29 Pengiktirafan hasil

Hasil diiktiraf ke satu tahap di mana terdapatnya kemungkinan bahawa manfaat-manfaat ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan hasil tersebut boleh diukur dengan pasti. Hasil diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan diterima atau akan diterima.

(a) Jualan barang

Hasil daripada jualan barang diiktiraf selepas pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan barang yang signifikan kepada pengguna. Hasil tidak diiktiraf ke satu tahap di mana terdapat ketidakpastian yang signifikan berhubung penerimaan wang daripada pertimbangan yang akan diperolehi, kos-kos berkaitan atau pemulangan barang yang mungkin berlaku.

(b) Jualan harta

Hasil daripada jualan harta diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana dijelaskan dalam Nota 2.19(b).

(c) Perkhidmatan penjagaan kesihatan

Hasil daripada operasi hospital terdiri daripada caj pesakit dalam dan pesakit luar hospital, yuran perundingan, dan penjualan produk farmaseutikal, bekalan perubatan dan produk pembedahan. Ini diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberikan dan barang dihantar, selepas diskaun, rebet dan pulangan.

(d) Perkhidmatan pengangkutan

Hasil daripada yuran pelabuhan kapal, caj perkhidmatan dermaga dan perkhidmatan pelabuhan lain diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan. Hasil daripada yuran simpanan diiktiraf menggunakan asas akruan. Hasil daripada perkhidmatan pengangkutan awam diiktiraf mengikut tahap penyiapan transaksi pada tarikh laporan.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.29 Pengiktirafan hasil (sambungan)

(e) Perkhidmatan sokongan minyak dan gas

Hasil daripada perkhidmatan sokongan minyak dan gas berkaitan dengan bisnes pemilik kapal dan pengendali kapal marin untuk pengangkutan dan penyimpanan minyak dan gas dipersisiran pantai, penyedia perkhidmatan pelabuhan laut pembinaan kapal, pemasakan kapal, fabrikasi kecil struktur keluli, perkhidmatan kejuruteraan dan perundungan.

(f) Perkhidmatan hotel

Hasil daripada perkhidmatan hotel terdiri daripada sewaan bilik hotel, operasi pusat konvensyen, jualan makanan dan minuman dan lain-lain pendapatan berkaitan diiktiraf pada atas akruan.

(g) Perkhidmatan pengurusan

Perkhidmatan pengurusan juga merupakan perbelanjaan ditukar kepada penduduk di kampung persaraan di bawah perjanjian pengurusan jangka panjang. Yuran pengurusan tertunda diiktiraf atas prestasi perkhidmatan, dikira mengikut terma yang dinyatakan di dalam kontrak pemastautin.

(h) Kontrak-kontrak pembinaan

Hasil daripada kontrak-kontrak pembinaan diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana yang dijelaskan dalam Nota 2.18.

(i) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf bila hak Kumpulan untuk menerima pembayaran wujud.

(j) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diambilkira atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan. Insentif pajakan diiktiraf sebagai sebahagian jumlah pendapatan sewa, bagi tempoh pajakan tersebut.

(k) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan.

(l) Lain-lain perkhidmatan yang diberikan

Hasil daripada perkhidmatan yang diberi diiktiraf menurut tahap penyiapan pada tarikh laporan. Tahap penyiapan ditafsir dengan merujuk kepada tinjauan dan kerja yang telah terlaksana.

2.30 Cukai pendapatan

(a) Cukai semasa

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah dijangka akan diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak-pihak berkuasa percukaian. Kadar-kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlahnya adalah berdasarkan undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan.

Cukai-cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali ke satu tahap di mana cukai tersebut berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.30 Cukai pendapatan (sambungan)

(b) Cukai tertunda

Cukai tertunda disediakan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan-perbezaan sementara pada tarikh laporan antara dasar-dasar cukai bagi aset dan liabiliti dan amaun dibawa mereka bagi tujuan laporan kewangan.

Liabiliti-liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibbah atau satu aset atau liabiliti dalam satu urusniaga yang bukan merupakan satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi yang boleh dicukai.

Aset-aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, bawa kehadapan bagi kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan, ke satu tahap di mana kemungkinan terdapatnya keuntungan boleh dicukai untuk digunakan oleh perbezaan-perbezaan sementara boleh ditolak, dan kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan dibawa kehadapan yang boleh digunakan kecuali di mana aset cukai tertunda berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak, timbul daripada pengiktirafan awal bagi satu aset atau liabiliti dalam satu urusniaga yang bukannya satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi boleh dicukai.

Amaun dibawa bagi aset-aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan kepada satu tahap di mana tiada kemungkinan bahawa untung boleh dicukai yang mencukupi akan ada untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda untuk digunakan. Aset-aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf ke satu tahap di mana terdapatnya kemungkinan bahawa untung boleh dicukai masa depan akan membolehkan aset-aset cukai tertunda digunakan.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar percukaian yang dijangka akan dikenakan pada tahun apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar percukaian dan undang-undang percukaian yang telah menjadi undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan tersebut.

Cukai tertunda berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Item-item cukai tertunda diiktiraf dalam urusniaga yang berhubungkait sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada satu kombinasi perniagaan dilaras terhadap muhibbah atas pengambilalihan.

Aset-aset cukai tertunda dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diimbangi, sekiranya hak yang boleh dikuatkuasakan wujud untuk mengimbangi aset-aset cukai semasa terhadap liabiliti-liabiliti cukai semasa dan cukai-cukai tertunda tersebut berkait dengan entiti boleh dicukai yang sama dan penguasa percukaian yang sama.

2.31 Pelaporan segmen

Bagi tujuan pengurusan, Kumpulan disusun mengikut segmen-segmen operasi berdasarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan mereka yang diurus secara bebas oleh pengurus-pengurus segmen masing-masing yang bertanggungjawab ke atas prestasi segmen masing-masing. Para pengurus segmen melapor secara terus kepada pengurusan Johor Corporation yang mengkaji semula keputusan-keputusan segmen secara berkala bagi memperuntukkan sumber-sumber kepada segmen-segmen tersebut dan untuk menilai prestasi segmen tersebut. Pendedahan tambahan atas setiap daripada segmen-segmen ini ditunjukkan dalam Nota 39, termasuk faktor-faktor yang digunakan untuk mengenal pasti segmen-segmen yang boleh dilapor dan dasar pengukuran bagi maklumat segmen.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.32 Kontingenси

Kontingen liabiliti atau aset adalah satu obligasi yang mungkin ada atau satu aset yang timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas dan di mana kewujudannya akan dipastikan hanya dengan berlakunya atau tidak berlakunya peristiwa (peristiwa-peristiwa) masa depan yang tidak pasti yang tidak secara keseluruhannya dapat dikawal oleh Kumpulan. Kontingen liabiliti dan aset tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan.

2.33 Perakaunan untuk lindung nilai

Kumpulan menggunakan derivatif untuk mengurus pendedahan kepada risiko harga komoditi (khususnya naik turun dalam harga minyak sawit). Kumpulan menggunakan perakaunan lindung nilai untuk hubungan lindung nilai tertentu yang layak bagi perakaunan lindung nilai.

Bagi tujuan perakaunan lindung nilai, hubungan lindung nilai dikelaskan sebagai aliran tunai. Aliran tunai lindung nilai digunakan apabila Kumpulan melindung nilai pendedahan kepada kebolehubahan dalam aliran tunai yang sama ada dikaitkan kepada risiko tertentu berhubung dengan aset atau liabiliti yang diiktiraf atau dikaitkan kepada transaksi ramalan yang berkemungkinan tinggi atau risiko mata wang asing dalam komitmen yang tidak diiktiraf.

Pada permulaan hubungan lindung nilai, Kumpulan secara rasmi memperuntuk dan mendokumenkan hubungan perlindungan kepada Kumpulan yang ingin mengaplikasikan perakaunan lindung nilai serta objektif dan strategi pengurusan risiko untuk melaksanakan lindung nilai. Dokumentasi termasuklah mengenalpasti instrumen lindung nilai perkara atau transaksi yang dilindung nilai, jenis risiko yang dilindung nilai dan bagaimana entiti tersebut akan menilai keberkesanan menggunakan instrumen lindung nilai ini dalam pengimbangan pendedahan kepada perubahan dalam nilai saksama bagi item yang dilindung nilai itu atau aliran tunai yang dikaitkan kepada risiko yang dilindung nilai. Lindung nilai sedemikian dijangka amat berkesan dalam mencapaiimbangan perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai dan dinilai secara berterusan untuk menentukan bahawa mereka sebenarnya adalah amat berkesan sepanjang tempoh pelaporan kewangan di mana ianya diperlukan.

Lindung nilai yang memenuhi kriteria yang ketat bagi perakaunan lindung nilai diambil kira seperti berikut:

(a) Aliran tunai lindung nilai

Bahagian efektif daripada untung atau rugi ke atas instrumen lindung nilai diiktiraf secara langsung dalam pendapatan lain yang komprehensif ke dalam rizab lindung nilai aliran tunai, manakala mana-mana bahagian yang tidak efektif diiktiraf serta merta dalam keuntungan atau kerugian sebagai perbelanjaan operasi lain.

Jumlah yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sebelum ini diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian apabila urusniaga dilindungi mempengaruhi untung atau rugi, seperti apabila pendapatan faedah atau perbelanjaan faedah yang dilindung nilai diiktiraf atau apabila ramalan jualan berlaku. Jika item yang dilindung nilai ialah aset bukan kewangan atau liabiliti bukan kewangan, amaun yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam amaun dibawa awal aset atau liabiliti bukan kewangan tersebut.

Sekiranya transaksi ramalan atau komitmen firma tidak lagi dijangka akan berlaku, keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi. Jika instrumen lindung nilai tamat tempoh atau dijual, ditamatkan atau dijalankan tanpa penggantian atau peralihan, atau jika pengiktirafan sebagai lindung nilai dibatalkan, sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kekal dalam ekuiti sehingga transaksi ramalan atau komitmen firma menjelaskan keuntungan atau kerugian.

Kumpulan menggunakan kontrak hadapan komoditi untuk pendedahan kepada turun naik dalam harga komoditi.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

2.33 Perakaunan untuk lindung nilai (sambungan)

(b) Derivatif yang tidak diperuntukkan atau tidak layak bagi perakaunan lindung nilai

Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif pada tahun yang tidak layak bagi perakaunan lindung nilai adalah diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi.

2.34 Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di kalangan peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- (i) Dalam keadaan pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau
- (ii) Dalam ketiadaan keadaan pasaran utama, dalam keadaan pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan dan yang mana data yang mencukupi boleh didapati, digunakan untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input berkaitan yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- | | | |
|---------|---|---|
| Tahap 1 | - | Tersiar harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa |
| Tahap 2 | - | Teknik penilaian yang mana input paras terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung yang boleh diperhatikan |
| Tahap 3 | - | Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan) |

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf secara berulang di dalam penyata kewangan, Kumpulan menentukan sama ada pemindahan telah berlaku di antara tahap hierarki dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan input tahap terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

3. PERTIMBANGAN DAN ANGgaran PERAKAUNAN YANG KETARA

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang boleh memberi kesan kepada jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangka oleh pihak pengurusan pada tarikh laporan ini. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasan yang ketara mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasan yang ketara perlu dibuat ke atas aman dibawa aset atau liabiliti di masa akan datang.

3.1 Pertimbangan dalam menerima pakai dasar-dasar perakaunan

Dalam proses menggunakan pakai dasar perakaunan Kumpulan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas jumlah diiktiraf di dalam penyata kewangan:

(a) Kawalan ke atas syarikat-syarikat berikut:

(i) Pelaburan di dalam KPJ Healthcare Berhad (“KPJ”)

Para Pengarah berpendapat bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas KPJ walaupun ia mempunyai kurang daripada 50% hak mengundi.

Kumpulan merupakan pemegang saham majoriti KPJ dengan 37% kepentingan ekuiti. Pemegang saham kedua dan ketiga terbesar ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”) dan Waqaf An-Nur Corporation Berhad, yang masing-masing memiliki 11% dan 7% saham ekuiti dalam KPJ. Semua pemegang saham lain secara individu memiliki kurang daripada 5% daripada saham-saham ekuiti KPJ. Dari sudut sejarah, pemegang saham lain tidak membentuk kumpulan untuk menjalankan undi mereka secara kolektif.

Para Pengarah telah membuat penilaian bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas KPJ. Oleh itu, selaras dengan keperluan FRS 10, KPJ merupakan syarikat anak kepada Johor Corporation.

(ii) Pelaburan di dalam Al-'Aqar Healthcare REIT (“Al-'Aqar”)

Pada 31 Disember 2016, Johor Corporation melalui KPJ, memegang 49% kepentingan ekuiti dalam Al-'Aqar. Berdasarkan penilaian oleh pengurusan dari fakta dan hal keadaan yang berkenaan dengan kepentingan ekuiti yang dipegang dalam Al-'Aqar dalam tahun kewangan semasa, pihak pengurusan telah mengenalpasti bahawa wujud kawalan di peringkat Johor Corporation sebagai satu keperluan FRS 10.

KPJ memajak harta tanah daripada Al-'Aqar, yang merupakan syarikat yang dikawal oleh Damansara REIT Managers Sdn Bhd (“DREIT”), pengurus dana dan cabang pengurusan harta tanah pelaburan Johor Corporation. Oleh itu, pengurus dana mempunyai kuasa membuat keputusan untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Al-'Aqar. Walau bagaimanapun, apa-apa keputusan yang dibuat, memberi kesan kepada keseluruhan pendedahan Kumpulan kepada pulangan yang berubah-ubah dan dilakukan demi kepentingan Kumpulan.

Oleh itu, pada 31 Disember 2016, penyata kewangan Al-'Aqar disatukan secara terus dengan Johor Corporation.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

3.1 Pertimbangan dalam menerima pakai dasar-dasar perakaunan (sambungan)

(a) Kawalan ke atas syarikat-syarikat berikut (sambungan):

(iii) Pelaburan di dalam Waqaf An-Nur Berhad ("WanBhd")

WanBhd adalah sebuah syarikat terhad dengan jaminan yang ditubuhkan untuk menguruskan aset dan saham syarikat-syarikat Johor Corporation yang telah dikurniakan mengikut prinsip-prinsip syariah. Walau bagaimanapun, WanBhd telah tidak aktif sejak penubuhannya. Pada 31 Disember 2016, WanBhd memegang 100% kepentingan ekuiti di dalam Sindora Ventures Sdn Bhd ("SVSB") dan kepentingan tidak langsung dalam 2 buah syarikat-syarikat anak lain (melalui SVSB).

Berdasarkan penilaian pengurusan terhadap fakta dan hal keadaan yang berkaitan dalam tahun kewangan semasa, pihak pengurusan telah menetapkan bahawa penyata kewangan WanBhd bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 akan disatukan dengan Johor Corporation, kerana pada masa ini, Ahli-ahli Lembaga Pengarah ("ALP") adalah hanya diwakili oleh dua orang wakil dari Johor Corporation yang mana tidak selaras dengan kehendak Memorandum dan Artikel ("M&A") WanBhd yang memerlukan sekurang-kurangnya empat orang pengarah yang dilantik, yang terdiri daripada Ketua Eksekutif Johor Corporation, Mufti Negeri Johor, Pengarah Jabatan Agama Islam Johor dan Pegawai Waqaf daripada Negeri Johor. Hasilnya, Johor Corporation mempunyai kawalan penuh untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan WanBhd.

(iv) Pelaburan di dalam Al-Salam REIT ("Al-Salam")

Al-Salam telah ditubuhkan pada 26 Mac 2015 dan disenaraikan pada 29 September 2015 dengan 580,000,000 unit saham di pasaran utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Ia telah ditubuhkan untuk melabur samada, secara langsung dan tidak langsung, dalam pelbagai portfolio yang mematuhi kehendak Syariah dengan bangunan-bangunan yang menghasilkan pendapatan daripada perniagaan runcit, pejabat dan harta tanah industri dan aset berkaitan termasuk kompleks membeli-belah, bangunan pejabat, bangunan kolej, gudang dan kedai runcit.

Pada 31 Disember 2016, Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak secara kolektifnya memegang 66% kepentingan ekuiti dalam Al-Salam. Berdasarkan penilaian pihak pengurusan ke atas fakta-fakta dan hal keadaan yang berkenaan dengan kepentingan ekuiti yang dipegang dalam Al-Salam pada tahun kewangan semasa, pengurusan telah menetapkan bahawa kawalan wujud di peringkat Johor Corporation mengikut keperluan FRS 10.

Al-Salam diuruskan oleh Damansara REITS Managers Sdn Bhd ("DREIT"), sebuah syarikat anak milikan penuh Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB"), yang merupakan syarikat anak milikan penuh Johor Corporation.

Johor Corporation, melalui kepentingan kolektif ekuiti dalam Al-Salam dan kawalan ke atas DREIT, pengurus dana, mempunyai kuasa membuat keputusan untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dalam Al-Salam, dan memberi kesan kepada pendedahan keseluruhan Kumpulan untuk pulangan yang berubah-ubah.

Berikut itu, penyata kewangan Al-Salam telah disatukan di dalam penyata kewangan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

3.1 Pertimbangan dalam menerima pakai dasar-dasar perakaunan (sambungan)

(b) Klasifikasi antara hartaanah pelaburan dan harta, loji dan kelengkapan

Kumpulan telah mewujudkan kriteria tertentu berdasarkan FRS 140 dalam membuat pertimbangan sama ada hartaanah layak ditakrif sebagai hartaanah pelaburan. Hartaanah pelaburan adalah harta yang digunakan untuk mendapatkan sewa atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya.

Sesetengah hartaanah terdiri daripada sebahagian yang dipegang untuk memperoleh sewa atau untuk kenaikan modal dan pilihan lain yang dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau bekalan barang atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Sekiranya bahagian ini boleh dijual secara berasingan (atau dipajak secara berasingan di bawah pajakan kewangan), Kumpulan akan mengambil kira bahagian tersebut secara berasingan. Sekiranya bahagian ini tidak boleh dijual secara berasingan, hartaanah itu merupakan hartaanah pelaburan hanya jika bahagian yang tidak ketara dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau bekalan barang atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Penilaian dibuat ke atas hartaanah secara individu untuk menentukan sama ada perkhidmatan sampingan adalah begitu ketara bahawa hartaanah tidak layak sebagai hartaanah pelaburan.

(c) Pajakan - Sebagai Pemajak

Kumpulan telah memeterai pajakan industri dan hartaanah komersial bagi portfolio hartaanah pelaburannya. Kumpulan telah menetapkan bahawa ia mengekalkan semua risiko dan ganjaran pemilikan hartaanah yang dipajakkan pada pajakan operasi yang ketara.

(d) Cukai tertunda pada hartaanah pelaburan

Bagi tujuan untuk mengukur liabiliti cukai tertunda dan aset cukai tertunda yang timbul daripada hartaanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, Kumpulan telah membuat kesimpulan bahawa portfolio hartaanah pelaburan mereka tidak dipegang di bawah model perniagaan yang objektifnya ialah untuk mengambil sebahagian besar daripada manfaat ekonomi yang termaktub berdasarkan hartaanah pelaburan dari masa ke masa, dan bukannya melalui penjualan. Oleh itu, cukai tertunda ke atas hartaanah pelaburan diukur pada nilai saksama semula melalui jualan tidak disangkal. Implikasinya Kumpulan telah mengira cukai tertunda ke atas perubahan dalam nilai saksama hartaanah pelaburan dalam Kumpulan tertakluk kepada kadar cukai pendapatan.

3.2 Punca utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama berhubung masa hadapan dan punca utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini yang mempunyai risiko signifikan yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang adalah dibincangkan di bawah:

(a) Rosot nilai muhibah

Muhibah mempunyai jangka hayat yang tidak menentu adalah diuji bagi rosot nilai pada setiap tahun dan pada masa-masa lain apabila terdapat tanda-tanda sedemikian wujud. Ini memerlukan satu anggaran nilai boleh pulih Unit Penjanaan Tunai ("UPT") kepada muhibah yang diperuntukkan.

Dianggarkan amaun boleh pulih memerlukan pengurusan membuat anggaran aliran tunai masa hadapan daripada UPT dan juga memilih kadar diskau yang sesuai untuk mengira nilai kini aliran tunai tersebut. Jumlah diperolehi daripada UPT ditentukan berdasarkan daripada nilai saksama tertinggi tolak kos untuk dijual atau nilai dalam pengiraan. Hasil daripada taksiran kemerosotan nilai, Kumpulan telah mengiktiraf sebarang kemerosotan nilai sejumlah RM59,678,538 sepanjang tahun kewangan.

Butiran lanjut mengenai pengunaan jangkaan dan andaian utama yang digunakan dalam penilaian rosot nilai bagi muhibah dinyatakan dalam Nota 16.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

3.2 Punca utama ketidakpastian anggaran (sambungan)

(b) Rosotnilai pembiayaan dan penghutang

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan telah rosotnilai. Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bagi rosotnilai, Kumpulan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan ketara penghutang dan kegagalan atau kelewatan ketara dalam membuat bayaran.

Di mana terdapat bukti yang objektif bagi rosotnilai, jumlah dan penjadualan waktu bagi aliran tunai masa depan dianggar berdasarkan pengalaman kerugian asal bagi aset-aset dengan ciri-ciri risiko kredit yang serupa. Amaun dibawa dan perincian mengenai penghutang Kumpulan pada tarikh laporan adalah dinyatakan dalam Nota 24.

(c) Pembangunan harta tanah

Kumpulan mengiktiraf hasil dan perbelanjaan pembangunan harta tanah dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan oleh bahagian kos-kos pembangunan harta tanah ditanggung bagi kerja yang telah dilaksanakan kepada anggaran kos-kos pembangunan harta tanah keseluruhan.

Pertimbangan yang ketara diperlukan dalam menentukan tahap penyiapan, ke tahap kos-kos pembangunan harta ditanggung, hasil dan kos pembangunan harta keseluruhan yang dianggarkan, serta sejauh mana kos-kos pembangunan harta boleh diperolehi. Dalam membuat pertimbangan ini, Kumpulan menilai berdasarkan pengalaman lampau dan merujuk kepada khidmat pakar.

Amaun dibawa bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti Kumpulan yang timbul daripada aktiviti-aktiviti pembangunan harta tanah dinyatakan dalam Nota 14.

(d) Nilai saksama harta tanah pelaburan

Nilai saksama harta tanah pelaburan Kumpulan adalah berdasarkan penilaian yang dibuat oleh firma bebas daripada penilai profesional. Penilaian itu mengguna pakai anggaran, pertimbangan dan andaian dalam penentuan nilai saksama bagi harta tanah pelaburan. Penilaian yang membentuk asas bagi amaun dibawa dalam penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 15.

(e) Aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara, kredit cukai atau kerugian cukai yang boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan berhubung prestasi kewangan masa depan entiti tertentu yang mana aset cukai tertunda telah dikenali. Jumlah aset cukai tertunda yang timbul daripada perbezaan sementara dan kerugian cukai tidak digunakan tidak diiktiraf berjumlah RM253 juta (2015:RM242 juta).

(f) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan adalah dianggarkan berdasarkan peraturan yang diatur di bawah Akta Cukai Pendapatan, 1967. Pertimbangan penting diperlukan dalam menentukan peruntukan cukai pendapatan dan pendedahan penalti cukai kerana terdapat banyak transaksi dan pengiraan di mana penentuan cukai muktamad adalah tidak pasti semasa perjalanan biasa sesuatu perniagaan. Kumpulan mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan anggaran sama ada cukai tambahan akan dikenakan, atau apa-apa penalti cukai akan menjadi kenyataan. Hal di mana cukai akhir adalah berbeza daripada jumlah yang dicatatkan pada permulaan, perbezaan tersebut akan memberi kesan kepada cukai pendapatan dan peruntukan cukai pendapatan tertunda dalam tempoh di mana penentuan tersebut dibuat.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

3.2 Punca utama ketidakpastian anggaran (sambungan)

(g) Penilaian bagi harta, loji dan kelengkapan

Kumpulan, kerana bergantung kepada penilai profesional bebas, anggaran, pertimbangan dan andaian digunakan dalam penentuan nilai saksama bagi tanah ladang. Penilaian tersebut menjadi asas bagi amaun dibawa dalam penyata kewangan (Nota 13).

(h) Kontrak pembinaan

Kumpulan mengiktiraf hasil kontrak pembinaan dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah peringkat persiapan. Hasil kontrak pembinaan dan keuntungan diiktiraf berdasarkan peratusan siap yang ditentukan oleh bahagian kos sebenar yang dilakukan sehingga kini berbanding dengan jumlah anggaran kos yang dianggarkan.

Pertimbangan penting dan anggaran yang tinggi diperlukan dalam menilai peratusan siap; penentuan sama ada variasi dalam kerja-kerja kontrak hendaklah dimasukkan ke dalam hasil kontrak; pengukuran tuntutan dimana Kumpulan bertujuan untuk mengutip daripada pelanggan sebagai bayaran balik untuk kos tidak termasuk dalam harga kontrak kerana pengukuran jumlah itu adalah tertakluk kepada tahap yang tinggi yang tidak menentu dan sering bergantung kepada hasil rundingan; dan anggaran yang dibuat berkenaan dengan jumlah anggaran kos kontrak.

Peningkatan/(pengurangan) 5% dalam jumlah anggaran kos yang dianggarkan akan (mengurangkan) / meningkatkan keuntungan Kumpulan bagi tahun kewangan sebanyak (RM31,242,387) / RM25,029,751.

(i) Penilaian pelaburan

Kumpulan mengklasifikasikan pelaburannya dalam instrumen ekuiti tidak tersiar harga sebagai sedia untuk dijual ("AFS") aset kewangan apabila ia tidak mempunyai niat untuk memegang ia untuk dagangan, atau menetapkan ia pada nilai saksama melalui untung atau rugi. Pelaburan Kumpulan dalam aset kewangan AFS di dalam World Logistics Council Limited ("WLC") dinyatakan pada kos ditolak sebarang kerugian kemerosotan nilai sebagai instrumen ekuiti tidak mempunyai harga yang tersiar di dalam pasaran aktif dan nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti. Dalam tahun kewangan, pengarah Asia Logistics Council Sdn. Bhd. ("ALC") melaksanakan penilaian terhadap pelaburan ALC berdasarkan pernilaian yang adil, para pengarah membuat kesimpulan bahawa instrument tersebut perlu dibawa pada kos tolak kemerosotan nilai terutamanya kerana pelbagai ukuran nilai saksama yang munasabah adalah penting dan kebarangkalian pelbagai anggaran tidak boleh dinilai dengan munasabah, berdasarkan pelbagai teknik penilaian boleh diterima untuk menentukan nilai saksama instrumen tersebut.

(j) Kemerosotan nilai pelaburan

Kumpulan membawa pelaburan yang terdiri daripada pelaburan dalam aset kewangan AFS pada kos sebagai nilai saksama yang tidak boleh ditentukan. Kumpulan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa pelaburan dalam aset kewangan AFS terjejas jika, dan hanya jika, disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal ('peristiwa kerugian') dan peristiwa kerugian (atau peristiwa-peristiwa) mempunyai kesan ke atas aliran tunai masa hadapan aset kewangan AFS yang boleh dianggarkan dengan pasti. Para pengarah telah mempertimbangkan kelewatan dalam rancangan perniagaan WLC sebagai indikasi kemerosotan nilai berkaitan dengan pelaburan ALC dalam WLC dan sewajarnya para pengarah telah menilai kemerosotan pelaburan. Berdasarkan penilaian kemerosotan yang dijalankan, para Pengarah telah membuat kesimpulan bahawa amaun dibawa pelaburan boleh diperolehi.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

4. HASIL

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|--------------|------------------------------|-------------------|------|
| | 2016 | 2015 Dinyatakan semula | 2016 | 2015 |
| Barangan dijual | 877 | 949 | 30 | 90 |
| Restoran khidmat cepat | 55 | 58 | - | - |
| Pembangunan harta tanah dan perindustrian | 449 | 654 | 82 | 123 |
| Perkhidmatan penjagaan kesihatan | 2,922 | 2,732 | - | - |
| Perkhidmatan pengangkutan | 91 | 71 | - | - |
| Perkhidmatan perhotelan | 43 | 48 | - | - |
| Perkhidmatan sokongan minyak dan gas | 626 | 549 | - | - |
| Perkhidmatan pengurusan | 95 | 89 | - | - |
| Pendapatan dividen | 3 | 3 | 133 | 320 |
| Pendapatan sewa | 142 | 90 | 43 | 41 |
| Pemberian lain-lain perkhidmatan | 52 | 63 | - | - |
| | 5,355 | 5,306 | 288 | 574 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

5. LAIN-LAIN PENDAPATAN

Item-item berikut telah diambilkira dalam pengiraan lain-lain pendapatan:

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|------------|------------------------------|-------------------|------|
| | 2016 | 2015 Dinyatakan semula | 2016 | 2015 |
| Pelunasian geran kerajaan (Nota 31) | 12 | 17 | 4 | 3 |
| Perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan (Nota 15) | 290 | 193 | 194 | - |
| Perubahan dalam nilai saksama lain-lain pelaburan | 8 | 23 | - | 35 |
| Keuntungan atas pelupusan: | | | | |
| Harta, loji dan kelengkapan | 17 | - | 9 | - |
| Lain-lain pelaburan | - | 14 | - | 11 |
| Syarikat-syarikat bersekutu | 1 | - | - | - |
| Keuntungan atas pelupusan sebahagian saham syarikat-syarikat anak | - | - | - | 10 |
| Pendapatan faedah | 54 | 104 | 3 | 9 |
| Geran berkaitan terimaan pendapatan daripada kerajaan | - | 22 | 49 | - |
| Pembelian rendah atas pengambilalihan syarikat anak | 20 | - | - | - |
| Pembalikan peruntukan bagi kerosotan penghutang perdagangan dan lain-lain | 56 | 100 | 83 | 92 |
| Pembalikan bagi penghausen lain-lain pelaburan | - | 33 | - | 33 |
| Keuntungan pertukaran matawang asing direalisasi | - | 14 | - | - |
| Keuntungan pertukaran matawang asing tidak direalisasi | - | 35 | - | - |
| Hutang lapuk terpulih | 1 | - | - | - |
| Lain-lain pendapatan | 67 | 94 | 7 | 10 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

6. LAIN-LAIN PERBELANJAAN

Item-item berikut telah diambilkira dalam pengiraan lain-lain perbelanjaan:

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|-----------|------|-------------------|------|
| | 2016 | 2015 | 2016 | 2015 |
| Pelunasan dan rosotnilai aset tidak zahir (Nota 16) | 62 | 2 | - | - |
| Perubahan dalam nilai saksama harta tanah pelaburan (Nota 15) | - | - | - | 13 |
| Perubahan dalam nilai saksama lain-lain pelaburan | 6 | - | 6 | - |
| Peruntukan bagi hutang ragu | 35 | 82 | - | - |
| Penghapusan kira hutang lapuk | 2 | - | - | - |
| Penghapusan kira pelaburan | 26 | - | 43 | - |
| Perbelanjaan geran | - | - | 49 | - |
| Sumbangan Wakaf | 3 | - | - | - |
| Peruntukan bagi rosotnilai dalam pelaburan syarikat-syarikat anak, bersih (Nota 18) | - | - | 116 | 54 |
| Rugi atas pelupusan: | | | | |
| Harta, loji dan kelengkapan | - | 7 | - | - |
| Harta tanah pelaburan | - | 1 | - | - |
| Kerugian pertukaran matawang asing direalisasi | 13 | 4 | - | - |
| Kerugian pertukaran matawang asing tidak direalisasi | 60 | - | - | - |

7. KOS KEWANGAN

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---|------------|------|-------------------|------|
| | 2016 | 2015 | 2016 | 2015 |
| Perbelanjaan faedah atas: | | | | |
| Bon Cara Islam Boleh Tebus Terjamin ("BIBTT") | 34 | 33 | - | - |
| Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI") | 202 | 194 | 96 | 95 |
| Pinjaman berjangka | 142 | 134 | 3 | 4 |
| Pinjaman jangka pendek | 10 | 11 | - | - |
| Overdraft bank | 6 | 7 | - | - |
| Pembentangan Kerajaan Persekutuan | 13 | 7 | 4 | 1 |
| Pajakan kewangan | 7 | 5 | - | - |
| Jumlah pinjaman kepada syarikat anak | - | - | 25 | 27 |
| Lain-lain | 19 | 21 | 1 | 1 |
| | 433 | 412 | 129 | 128 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

8. KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DARIPADA OPERASI BERTERUSAN

Item-item berikut telah diambil kira dalam pengiraan keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan:

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|---------------------------------------|--------------|------------------------------|-------------------|------------------------------|
| | 2016 | 2015 Dinyatakan semula | 2016 | 2015 Dinyatakan semula |
| Yuran konsultan perubatan | 779 | 700 | - | - |
| Yuran audit | 6 | 5 | * | * |
| Kos pembekal perubatan | 707 | 704 | - | - |
| Penyewaan harta, loji dan kelengkapan | 5 | 9 | - | - |
| Hapuskira inventori | - | 5 | - | - |
| Harta, loji dan kelengkapan: | | | | |
| Susutnilai (Nota 13) | 386 | 378 | 24 | 25 |
| Hapuskira | 42 | 43 | - | - |
| Rosotnilai | 12 | 1 | - | - |
| Penyewaan loji dan mesin | - | 4 | - | - |
| Hak-hak guna tanah: | | | | |
| Pelunasan (Nota 17) | 4 | - | - | - |
| Penyewaan pejabat dan bangunan | 77 | 121 | - | - |
| Perbelanjaan manfaat pekerja (Nota 9) | 1,100 | 965 | 46 | 40 |
| Baikpulih dan penyelenggaraan | 66 | 38 | - | - |

* Yuran audit bagi Johor Corporation adalah RM100,000 (2015: RM100,000)

9. PERBELANJAAN MANFAAT PEKERJA (TERMASUK IMBUHAN PENGARAH EKSEKUTIF)

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|------------------------------------|--------------|------|-------------------|------|
| | 2016 | 2015 | 2016 | 2015 |
| Upah, gaji dan bonus | 948 | 846 | 40 | 35 |
| Pelan persaraan caruman ditentukan | 92 | 88 | 6 | 5 |
| Lain-lain manfaat pekerja | 60 | 31 | - | - |
| | 1,100 | 965 | 46 | 40 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

10. IMBUHAN PERSONEL PENGURUSAN UTAMA

Pengurusan utama terdiri daripada para Pengarah, Ketua Eksekutif dan ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan ("TERAJU") yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Kumpulan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Imbuhan personel pengurusan utama adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|--------------------------------------|----------------|----------------|-------------------|----------------|
| | 2016 RM'000 | 2015 RM'000 | 2016 RM'000 | 2015 RM'000 |
| Pengarah Eksekutif: | | | | |
| Yuran | 505 | 517 | 130 | 130 |
| Imbuhan | 1,686 | 1,694 | 1,686 | 1,694 |
| Pelan persaraan caruman ditentukan | 238 | 254 | 238 | 254 |
| Lain-lain manfaat pengarah | 10 | - | 10 | - |
| | 2,439 | 2,465 | 2,064 | 2,078 |
| Pengarah bukan Eksekutif: | | | | |
| Yuran | 1,665 | 1,466 | 1,665 | 1,466 |
| Lain-lain personel pengurusan utama: | | | | |
| Yuran | 3,034 | 3,356 | - | - |
| Imbuhan | 30,027 | 23,929 | 10,813 | 8,824 |
| Lain-lain manfaat pekerja | 4,151 | 4,031 | 6 | - |
| Pelan caruman ditentukan | 3,835 | 3,733 | 1,526 | 928 |
| | 41,047 | 35,049 | 12,345 | 9,752 |
| | 45,151 | 38,980 | 16,074 | 13,296 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

11. CUKAI PENDAPATAN

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|--|-------------|------|-------------------|------|
| | 2016 | 2015 | 2016 | 2015 |
| Cukai bagi tahun kewangan semasa: | | | | |
| Malaysia | 132 | 126 | - | - |
| Luar Negara | - | - | - | - |
| (Terlebih)/terkurang peruntukan dalam tahun kewangan terdahulu | (12) | (48) | (11) | 47 |
| | 120 | 78 | (11) | 47 |
| Cukai tertunda (Nota 21): | | | | |
| Permulaan dan pembalikan perbezaan sementara | 6 | 40 | 3 | 9 |
| | 6 | 40 | 3 | 9 |
| Cukai pendapatan daripada operasi berterusan | 126 | 118 | (8) | 56 |
| Cukai pendapatan daripada operasi dihentikan (Nota 12) | - | 3 | - | - |
| Jumlah cukai | 126 | 121 | (8) | 56 |

Penyesuaian cukai pendapatan diaplikasikan ke atas keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan dan dihentikan pada kadar cukai pendapatan berkanun Malaysia pada kadar cukai pendapatan efektif bagi Kumpulan dan Johor Corporation:

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|--|-------------|-------|-------------------|-------|
| | 2016 | 2015 | 2016 | 2015 |
| Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan | 541 | 499 | 112 | 262 |
| Keuntungan sebelum cukai daripada operasi dihentikan (Nota 12) | - | 1,319 | - | - |
| | 541 | 1,818 | 112 | 262 |
| Cukai dikira pada kadar cukai pendapatan Malaysia 24% (2015: 25%) | 130 | 454 | 27 | 65 |
| Cukai tertunda diiktiraf pada kadar cukai berbeza | (25) | (1) | (4) | (1) |
| Perbelanjaan tidak dibenarkan | 58 | 144 | 29 | 28 |
| Pendapatan tidak dikenakan cukai | (12) | (483) | (47) | (113) |
| Aset cukai tertunda tidak diiktiraf | 20 | 9 | - | 30 |
| Pengiktirafan cukai tertunda tidak diiktiraf sebelumnya | - | 61 | (2) | - |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu | (18) | (6) | - | - |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama | (15) | (9) | - | - |
| (Terlebih)/terkurang peruntukan dalam tahun kewangan terdahulu: | | | | |
| Cukai pendapatan | (12) | (48) | (11) | 47 |
| Jumlah cukai | 126 | 121 | (8) | 56 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

11. CUKAI PENDAPATAN (SAMBUNGAN)

Cukai pendapatan domestik dikira pada kadar cukai berkanun Malaysia sebanyak 24% (2015: 25%) daripada anggaran keuntungan boleh tafsir bagi tahun kewangan ini. Kadar cukai berkanun domestik telah dikurangkan kepada 24% daripada kadar tahun terdahulu 25%, berkuatkuasa dari tahun taksiran 2016.

Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 16 Ogos 2005 memberi pengecualian kepada Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak tertentu daripada cukai pendapatan berhubung dengan pendapatan tertentu yang dinyatakan dalam warta yang diterima dari 1 Januari 1998 sehingga 31 Disember 2006. Pada 18 Januari 2007, pengecualian yang sama telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2012. Pada tahun 2013, Johor Corporation telah membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan ("MOF") untuk sambungan lanjutan dan lanjutan itu telah dikurniakan oleh MOF sehingga 31 Disember 2017 seperti berikut:

- (i) Pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun (pendapatan perniagaan) di bawah seksyen 127(3A) Akta Cukai Pendapatan, 1967;
- (ii) Pengecualian duti setem di bawah seksyen 80(1A) Akta Setem, 1949 atas "Surat cara pindah milik harta tanah atau saham" dilaksanakan antara Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak; dan
- (iii) Pengecualian Cukai Keuntungan Harta Tanah ("CKHT") di bawah seksyen 9 (3A) Akta CKHT, 1976 ke atas pelupusan harta tanah dan saham di antara Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak.

12. OPERASI YANG DIHENTIKAN DAN PELUPUSAN KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL

Operasi yang dihentikan pada tahun 2015

(a) Pelupusan bagi New Britain Palm Oil Limited ("NPOL")

Pada 9 Oktober 2014, Sime Darby Plantation Sdn Bhd ("SDP") menyerahkan notis pengambilalihan NPOL dan mengumumkan untuk membuat tawaran tunai bagi memperoleh semua saham NPOL pada harga tawaran GBP 7.15 atau PNG Kina 28.79 sesaham NPOL ("Tawaran") dari Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB"), syarikat anak Johor Corporation dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM2,887 juta.

Pada 3 Disember 2014, pemegang saham KMB mengundi untuk menerima Tawaran daripada SDP di Mesyuarat Agung Luarbiasa untuk Tawaran tersebut dipertimbangkan.

Pada 18 Februari 2015, SDP mengumumkan bahawa semua syarat-syarat utama terdahulu di dalam Dokumen Tawaran telah dipenuhi dan kini Tawaran tersebut diterima tanpa syarat.

Pada 26 Februari 2015, KMB mengumumkan pelupusan NPOL telah selesai berikutan penerimaan tunai daripada SDP. Dengan itu, NPOL bukan lagi syarikat anak tidak langsung Kumpulan.

| Penyelesaian timbang tara | 16 | - | - | - |
| Peruntukan untuk timbang tara | - | 77 | - | - |
| | 1,823 | 1,975 | 917 | 936 |
| Bukan semasa | | | | |
| Jumlah ter hutang kepada syarikat anak | - | - | 368 | 352 |
| Penyelesaian timbang tara | 76 | - | - | - |
| Peruntukan | 5 | - | - | - |
| | 81 | - | 368 | 352 |
| Jumlah | 1,904 | 1,975 | 1,285 | 1,288 |

(a) Pemiutang perdagangan

Amaun-amaun ini adalah tanpa faedah. Pemiutang perdagangan biasanya diselesaikan dalam jangka masa 60 hari (2015: 60 hari).

(b) Lain-lain pemiutang

Amaun-amaun ini adalah tanpa faedah. Lain-lain pemiutang biasanya diselesaikan dalam jangka masa purata enam bulan (2015: purata enam bulan).

(c) Jumlah ter hutang kepada syarikat-syarikat berkaitan, syarikat-syarikat sekutu dan lain-lain pemegang saham syarikat-syarikat anak

Amaun-amaun ini tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

(d) Jumlah ter hutang kepada syarikat anak

Amaun-amaun ini adalah tidak bercagar, faedah yang dikenakan antara 6.55% hingga 6.77% (2015: 6.55% hingga 6.77%) setahun. Amaun ter hutang kepada syarikat anak hendaklah dibayar dalam tempoh di antara 3 hingga 10 tahun selaras dengan Perjanjian Ijarah yang dimeterai di antara syarikat anak dan Johor Corporation pada 24 Jun 2013.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

30. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

(e) Penyelesaian timbang tara dan peruntukan untuk timbang tara

Dalam bulan Mac 2011, salah satu pelanggan Tanjung Langsat Port Sdn. Bhd. ("TLP") telah menulis kepada TLP dan memberi notis awal tuntutan ke atas kerugian yang disebabkan oleh kebakaran di Pelabuhan Tanjung Langsat dalam tahun 2008.

Peruntukan bagi keputusan timbang tara telah dibuat oleh TLP dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 berikutan timbang tara antara pihak yang menuntut dengan TLP. Ia mewakili jumlah pampasan berjumlah USD22,855,772 (RM75,316,626 berdasarkan kadar pertukaran pada 31 Disember 2013) yang ditawarkan kepada pihak yang menuntut bagi kerugian yang ditanggung akibat daripada kejadian di atas.

Pada 23 Disember 2013, Tribunal Timbang Tara telah menganugerahkan sejumlah wang pampasan kepada pihak yang menuntut sebanyak USD141,230,022 dan faedah ke atas jumlah wang yang dianugerahkan, dikira pada 3 bulan "Kadar Tawaran Antara Bank London" ("LIBOR") ditambah 1% setahun, bermula dari tarikh penganugerahan ini sehingga penyelesaian penuh jumlah wang yang diberikan.

Pada 1 April 2014, TLP telah memfailkan permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk mengetepikan keputusan timbang tara berjumlah USD141,230,022. Pada 13 November 2015, mahkamah telah menolak permohonan ini. TLP telah memfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan terhadap keputusan ini dan juga menangguh perintah Mahkamah Tinggi sementara menunggu rayuan terakhir TLP.

Pada 19 Januari 2016, penangguhan sementara perintah Mahkamah Tinggi telah diberikan oleh Mahkamah Rayuan di mana TLP diminta untuk menyediakan jaminan kepada pihak yang menuntut berjumlah USD3.5 juta ("Stay Order") yang mana TLP telah mematuhi. Pada 13 Jun 2016, pihak yang menuntut membuat permohonan di Mahkamah Rayuan untuk mengetepikan atau mengubah "Stay Order" tersebut dan pada 30 Ogos 2016 Mahkamah Rayuan telah membenarkan permohonan daripada pihak menuntut dengan meningkatkan jumlah jaminan yang akan dibayar kepada pihak yang menuntut daripada USD3.5 juta kepada USD17 juta ("Variation Order").

Pada 11 November 2016, TLP telah memeterai Perjanjian Penyelesaian dengan pihak yang menuntut untuk jumlah penyelesaian USD30 juta. Kedua-dua pihak dengan permohonan bersama kepada Mahkamah Persekutuan, bersetuju untuk menangguhkan Seksyen 80 Permohonan Syarikat daripada 7 Februari 2017 hingga 20 Februari 2017 untuk membolehkan Pihak Menuntut untuk mengesahkan pematuhan dengan Fasal 3.1.2 Perjanjian Penyelesaian oleh Syarikat. Sekiranya kedua-dua syarat terdahulu, iaitu bayaran awal USD3.5 juta dan pengeluaran Surat Aku Janji selepas mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Kementerian Kewangan berpuas hati, Pihak Menuntut selama-lamanya hendaklah mengetepikan tuntutan asalnya USD141,230,022 dan kepentingan mengenainya di bawah pemberian, yang mana tuntutan dan hak hendaklah digabungkan atau diambil alih oleh jumlah penyelesaian yang dipersetujui USD30 juta seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Penyelesaian.

Pada 17 Mac 2017, TLP dan Trafigura telah memaklumkan kepada Mahkamah Rayuan bahawa kedua-dua pihak telah menyempurnakan penyelesaian pertikaian dan oleh itu meminta Mahkamah untuk mengeluarkan kedua-dua pihak rayuan pada tarikh perbicaraan yang akan ditetapkan pada 20 April 2017.

TLP telah memfailkan Notis Pemberhentian pada 24 Mac 2017 terhadap rayuan-rayuan TLP di Mahkamah Rayuan dan Permohonan-permohonan TLP di Mahkamah Persekutuan bagi kebenaran untuk merayu dan permohonan TLP di bawah Seksyen 80.

Pada 14 Mac 2017, Trafigura telah memaklumkan TLP bahawa semua terma dan syarat yang ditetapkan di bawah Perjanjian Penyelesaian telah dipatuhi. Trafigura berpuas hati dan melepaskan tuntutan asal dan hak di bawah Pemberian Separa terhadap TLP termasuk semua perintah dan penghakiman Mahkamah memihak kepada Trafigura yang kini semua hak hendaklah digantikan dengan Perjanjian Penyelesaian.

TLP telah membuat pembayaran kedua USD3.5 juta pada 27 Mac 2017 melalui pindahan telegraf ke akaun bank Trafigura. Menurut fasal 2.3.3 Perjanjian Penyelesaian, bayaran pertama daripada baki USD23 juta hendaklah dibuat satu (1) tahun kalender dari tarikh pengesahan Trafigura, 14 Mac 2017, daripada pematuhan TLP kepada syarat-syarat terdahulu.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

30. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

(e) Penyelesaian timbang tara / peruntukan untuk timbang tara (sambungan)

Berdasarkan Perjanjian Penyelesaian, jumlah penyelesaian hendaklah diselesaikan oleh TLP mengikut cara yang berikut:

- (i) Pembayaran awal sebanyak USD3.5 juta telah dibayar pada tahun semasa selepas pelaksanaan perjanjian.
- (ii) Pembayaran kedua sebanyak USD3.5 juta telah dibayar oleh TLP pada 27 Mac 2017.
- (iii) Baki USD23 juta hendaklah dibayar sebanyak 6 ansuran tahunan dengan ansuran pertama akan berakhir dalam tempoh setahun dari tarikh perjanjian syarat terdahulu yang dinyatakan di atas. Ansuran pertama dan kedua berjumlah USD3 juta setiap satu dan ansuran ketiga hingga keenam berjumlah USD4.25 juta setiap satu.

Surat Akujanji telah dikeluarkan oleh Johor Corporation pada 3 Februari 2017.

Baki jumlah penyelesaian USD26.5 juta, selepas ditolak bayaran awal, bayaran tersebut telah dikurangkan kepada nilai saksama yang diiktiraf menggunakan kadar faedah pasaran semasa bagi pinjaman sebanyak 8%. Perbezaan antara nilai saksama dan jumlah baki penyelesaian diiktiraf sebagai faedah sepanjang tempoh baki penyelesaian melalui pelunasan.

Jumlah tertunggak pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | 2016 | 2015 |
|---|-------------|------|------|
| Baki tertunggak | 92 | - | - |
| Profil kematangan : | | | |
| Dalam tempoh 12 bulan | 16 | - | - |
| Lebih daripada 1 tahun dan tidak lebih daripada 5 tahun | 52 | - | - |
| Lebih daripada 5 tahun | 24 | - | - |
| Jumlah baki tertunggak | 92 | - | - |
| Perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan (di bawah liabiliti semasa) | (16) | - | - |
| Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan (di bawah liabiliti bukan semasa) | 76 | - | - |
| Nilai dibawa | 92 | - | - |
| Nilai saksama | 92 | - | - |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

30. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)

(e) Penyelesaian timbang tara / peruntukan untuk timbang tara (sambungan)

Pergerakan dalam peruntukan timbang tara seperti berikut:

| | Kumpulan | 2016 | 2015 |
|---|----------|-------------|------|
| Pada 1 Januari | | 77 | 77 |
| Peruntukan tambahan bagi tahun semasa | | 4 | - |
| Kerugian tidak direalisasi pertukaran asing | | 27 | - |
| Pembayaran semula timbang tara | | (16) | - |
| Pada 31 Disember | | 92 | 77 |

31. LAIN-LAIN LIABILITI JANGKA PANJANG

| | Kumpulan | 2015 Dinyatakan semula | Johor Corporation | |
|---|------------|------------------------------|-------------------|------|
| | 2016 | | 2016 | 2015 |
| Geran Kerajaan (Nota (a)) | 315 | 286 | 258 | 275 |
| Penyewaan pajakan tanah diterima terdahulu (Nota (b)) | 580 | 207 | 436 | 115 |
| Lain-lain pemutang jangka panjang (Nota (c)) | 39 | 51 | - | - |
| Deposit (Nota (d)) | 27 | 14 | - | - |
| Lain-lain | 9 | - | - | - |
| | 970 | 558 | 694 | 390 |

(a) Geran Kerajaan

| | Kumpulan | 2015 | Johor Corporation | |
|--|--------------|------|-------------------|------|
| | 2016 | | 2016 | 2015 |
| Pada kos: | | | | |
| Pada 1 Januari | 462 | 420 | 278 | 243 |
| Geran diterima dalam tahun kewangan semasa | 45 | 42 | 40 | 35 |
| Pembalikan | (163) | - | (49) | - |
| Pengkelasan semula | (4) | - | (4) | - |
| Pada 31 Disember | 340 | 462 | 265 | 278 |
| Pelunasan terkumpul: | | | | |
| Pada 1 Januari | 176 | 159 | 3 | - |
| Pelunasan (Nota 5) | 12 | 17 | 4 | 3 |
| Pembalikan | (163) | - | - | - |
| Pada 31 Disember | 25 | 176 | 7 | 3 |
| Baki pada 31 Disember | 315 | 286 | 258 | 275 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

31. LAIN-LAIN LIABILITI JANGKA PANJANG (SAMBUNGAN)

(b) Penyewaan pajakan tanah diterima terdahulu

| | Kumpulan 2016 | 2015 Dinyatakan semula | Johor Corporation 2016 | 2015 |
|--|------------------|------------------------------|---------------------------|------|
| Pada kos: | | | | |
| Pada 1 Januari (seperti dilaporkan sebelumnya) | 166 | 88 | 115 | 47 |
| Pelarasan tahun terdahulu | 76 | 76 | - | - |
| Pada 1 Januari (dinyatakan semula) | 242 | 164 | 115 | 47 |
| Tambahan | 390 | 78 | 336 | 68 |
| Pada 31 Disember | 632 | 242 | 451 | 115 |
| Pelunasan terkumpul: | | | | |
| Pada 1 Januari (seperti dilaporkan sebelumnya) | 15 | 10 | - | - |
| Pelarasan tahun terdahulu | 20 | 17 | - | - |
| Pada 1 Januari (dinyatakan semula) | 35 | 27 | - | - |
| Pelunasan bagi tahun kewangan semasa | 17 | 8 | 15 | - |
| Pada 31 Disember | 52 | 35 | 15 | - |
| Amaun dibawa pada 31 Disember | 580 | 207 | 436 | 115 |

Ini mewakili wang diterima terdahulu daripada pajakan semula bagi tempoh pajakan 30 hingga 60 tahun.

| | Kumpulan 2016 | 2015 | Johor Corporation 2016 | 2015 |
|---------------------|------------------|------|---------------------------|------|
| Kurang 1 tahun | 13 | 12 | 7 | 5 |
| 1 - 2 tahun | 23 | 24 | 17 | 16 |
| 2 - 3 tahun | 23 | 24 | 17 | 17 |
| Melebihilah 3 tahun | 521 | 147 | 395 | 77 |
| Pada 31 Disember | 580 | 207 | 436 | 115 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

31. LAIN-LAIN LIABILITI JANGKA PANJANG (SAMBUNGAN)

(c) Lain-lain pembiutang jangka panjang

Lain-lain pembiutang jangka panjang adalah berkaitan dengan baki balasan belian bagi pembelian tanah pegangan bebas dan hartanah daripada Kerajaan Negeri Johor dan Setiausaha Negeri Johor (Diperbadankan) ("SUK"). Jumlah tersebut adalah tidak dicagar, tidak dikenakan faedah dan perlu dibayar balik seperti berikut:

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|------------------|----------|------|-------------------|------|
| | 2016 | 2015 | 2016 | 2015 |
| Kurang 1 tahun | 1 | 2 | - | - |
| 1 - 2 tahun | 1 | 2 | - | - |
| 2 - 3 tahun | 1 | 2 | - | - |
| Melebihi 3 tahun | 36 | 45 | - | - |
| Pada 31 Disember | 39 | 51 | - | - |

(d) Deposit

Deposit merupakan jumlah yang diterima daripada perunding perubatan, yang perlu dibayar atas kematian, persaraan (pada umur 65 tahun) atau hilang upaya perunding perubatan. Deposit akan luput dengan penamatan perkhidmatan pakar perunding perubatan itu sama ada oleh Kumpulan berikutnya berlakunya kemungkiran atau penamatan awal oleh perunding perubatan. Walaubagaimanapun, deposit boleh dibayar balik kepada perunding perubatan jika mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah.

Deposit sebelum ini diukur pada kos, kini diukur pada nilai saksama pada mulanya dan seterusnya pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan. Perbezaan antara nilai saksama dan nilai tunai dikenali sebagai pendapatan perundingan tertunda yang dikenali sebagai pendapatan bersara sepanjang tempoh perkhidmatan yang tinggal sehingga persaraan (pada umur 65) para perunding.

32. RIZAB

(a) Rizab modal

Rizab modal merangkumi terutamanya Rizab Waran, Rizab ESOS, dan lain-lain rizab yang disimpan oleh syarikat-syarikat anak dalam Kumpulan.

(b) Rizab penilaian semula aset

Rizab penilaian semula aset mewakili lebihan daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan bagi harta prisihatin dan tanah ladang.

(c) Rizab perubahan matawang

Rizab perubahan matawang terdiri daripada semua perbezaan matawang asing yang timbul daripada penterjemahan penyata kewangan operasi luar negara di mana matawang fungsian adalah berbeza daripada matawang persembahan Kumpulan.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

32. RIZAB (SAMBUNGAN)

(d) Rizab pelarasan nilai saksama

Rizab pelarasan nilai saksama terdiri daripada perubahan bersih terkumpul dalam nilai saksama aset-aset kewangan sedia dijual sehingga pelaburan tersebut dinyahiktirafkan atau dirosotnilai.

(e) Rizab urusniaga ekuiti

Rizab urusniaga ekuiti terdiri daripada perbezaan antara bahagian kepentingan bukan kawalan dalam syarikat-syarikat anak yang diambilalih/dijual dan balasan telah dibayar/diterima.

(f) Rizab hasil

Rizab hasil terdiri daripada sebahagian keuntungan perniagaan yang disimpan oleh Kumpulan dan Johor Corporation untuk pelaburan di masa hadapan.

33. URUSNIAKA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak adalah dianggap sebagai berkaitan dengan Kumpulan atau Johor Corporation sekiranya Kumpulan atau Johor Corporation mempunyai kemampuan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal sesuatu pihak atau melaksanakan pengaruh secara ketara ke atas pihak tersebut di dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Johor Corporation dan pihak tersebut adalah tertakluk kepada kawalan sepunya atau pengaruh ketara sepunya. Pihak-pihak berkaitan terdiri daripada individu-individu atau lain-lain entiti.

Selain daripada dinyatakan dalam penyata kewangan, transaksi penting pihak-pihak berkaitan dalam Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | Dinyatakan semula | Johor Corporation | Dinyatakan semula |
|---|------------|-------------------|-------------------|-------------------|
| | 2016 | | 2016 | |
| Telah dibayar/perlu dibayar kepada syarikat-syarikat anak: | | | | |
| Pembelian buah tandan segar | - | - | 29 | 27 |
| Yuran pengurusan | - | - | 1 | 4 |
| Pembelian harta, loji dan kelengkapan | - | - | - | 31 |
| Belanja sewaan | - | - | 2 | - |
| Belanja faedah | - | - | 29 | 32 |
| Belanja penyelenggaraan | - | - | - | 14 |
| Belanja konsesi | - | - | - | 2 |
| Belanja pemasaran | - | - | 6 | 14 |
| Telah dibayar/perlu dibayar berkaitan kerajaan: | | | | |
| Premium tanah | 197 | 132 | 197 | 132 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

33. URUSNIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)

Selain daripada dinyatakan dalam penyata kewangan, transaksi penting pihak-pihak berkaitan dalam Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut (sambungan):

| | Kumpulan | | Johor Corporation | | Dinyatakan semula |
|---|----------|------|-------------------|------|-------------------|
| | 2016 | 2015 | 2016 | 2015 | |
| Penerimaan/akan diterima daripada syarikat-syarikat anak: | | | | | |
| Jualan barang | - | - | 29 | 63 | |
| Pendapatan faedah | - | - | 1 | - | |
| Dividen | - | - | 128 | 313 | |
| Pendapatan yuran pengurusan | - | - | 3 | - | |
| Perkongsian keuntungan | - | - | - | 1 | |
| Pendapatan sewa | - | - | 5 | 24 | |
| Yuran konsesi | - | - | 22 | - | |

Johor Corporation telah ditubuhkan di bawah Enakmen Johor Corporation (No. 4, 1986) (seperti yang dipinda oleh Enakmen No. 5 1995), dan dikawal oleh Kerajaan Negeri Johor. Kumpulan menganggap untuk tujuan FRS 124 - "Kenyataan Pihak Berkaitan", Kerajaan Negeri Johor mempunyai hak untuk melaksanakan kawalan ke atas Johor Corporation. Hasilnya, badan-badan Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Negeri Johor terkawal (secara kolektif dirujuk sebagai "entiti berkaitan kerajaan") adalah pihak berkaitan Kumpulan dan Johor Corporation.

Selain daripada urus niaga secara individu penting seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan, Kumpulan dan Johor Corporation secara kolektif, tetapi tidak termasuk secara individu, urus niaga penting dengan entiti berkaitan kerajaan yang lain termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (i) Cukai tanah dan taksiran yang dibayar kepada Pejabat Tanah Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor; dan
- (ii) Lesen perniagaan dan sewaan yang dibayar kepada entiti berkaitan Kerajaan Negeri Johor

Urus niaga ini dijalankan dalam perjalanan biasa perniagaan Kumpulan atas temarua secara konsisten selaras dengan dasar dan proses dalaman Kumpulan. Syarat ini tidak bergantung kepada sama ada pihak tersebut adalah entiti berkaitan kerajaan atau tidak.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

34. KOMITMEN

(a) Komitmen modal

| | Kumpulan 2016 | | Johor Corporation 2016 | | Johor Corporation 2015 |
|--|------------------|-----|---------------------------|----|---------------------------|
| Perbelanjaan modal dibenarkan tidak diperuntukan dalam penyata kewangan: | | | | | |
| Telah dikontrakkan | 262 | 332 | 50 | 27 | |
| Tidak dikontrakkan | 265 | 290 | - | - | |
| | 527 | 622 | 50 | 27 | |
| Dianalisa seperti berikut: | | | | | |
| Harta, loji dan kelengkapan | 437 | 456 | - | - | |
| Perbelanjaan pembangunan | 12 | 12 | 50 | 27 | |
| Hartanah pelaburan | 78 | 154 | - | - | |
| | 527 | 622 | 50 | 27 | |

(b) Komitmen pajakan operasi tidak boleh batal - sebagai penerima pajak

Segmen perniagaan hartanah Kumpulan telah memeterai perjanjian pajakan operasi tidak boleh-batal bagi kegunaan tanah dan bangunan. Pajakan ini mempunyai tempoh purata 15 tahun dan tiada pilihan pembaharuan atau belian yang dinyatakan dalam kontrak pajakan. Kontrak-kontrak tertentu juga termasuk klausa pertambahan atau pengaturan sewa kontingen yang dikira berdasarkan jualan yang dicapai manakala yang lain termasuklah sewa tetap untuk purata 3 tahun. Tiada sekatan yang dikenakan ke atas Kumpulan untuk memasuki pajakan ini.

Sewa minima masa hadapan yang perlu dibayar di bawah pajakan operasi tidak boleh batal pada tarikh laporan adalah seperti berikut:

| | Kumpulan 2016 | | Kumpulan 2015 |
|---|------------------|-----|------------------|
| Bayaran minima pajakan pada masa hadapan: | | | |
| Tidak lebih dari 1 tahun | 101 | 37 | |
| Lebih daripada 1 tahun dan tidak lebih daripada 5 tahun | 205 | 137 | |
| Lebih daripada 5 tahun | 2,763 | 91 | |
| | 3,069 | 265 | |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

35. LIABILITI LUAR JANGKA

(a) Tanjung Langsat Port Sdn Bhd (“TLP”)

Pada 10 Oktober 2014, Tanjung Langsat Port Sdn Bhd (“TLP”) telah diberikan Notis Timbang Tara dari salah satu pelanggan atas tuduhan TLP gagal untuk menyediakan jeti dan fasiliti pelabuhan yang mencukupi. TLP telah memberi maklum balas pada 7 November 2014 mempertikaikan dakwaan tersebut. Pelanggan telah mengemukakan kerugian dan tuntutan ganti rugi sebanyak RM600 juta pada 8 Julai 2016 manakala TLP telah menuntut balas untuk jumlah RM63,057,911 pada 31 Mei 2016. Pendengaran untuk timbang tara bermula dari 28 November 2016 sehingga 16 Disember 2016 dan bersambung untuk keterangan mengenai jumlah tuntutan mulai 8 Februari 2017 sehingga 9 Februari 2017. Perbicaraan ditutup pada 9 Februari 2017 dan Tribunal telah menunjukkan bahawa Anugerah separa (Kecuali untuk Kos) hendaklah diadakan pada akhir Mei 2017. Prosiding timbang tara kini dilanjutkan selama satu bulan mulai 31 Mei 2017. Para Lembaga Pengarah berpendapat, tiada alasan yang munasabah untuk diambil tindakan dan oleh itu tidak ada peruntukan bagi apa-apa liabiliti telah dibuat dalam penyata kewangan ini.

(b) KPJ Healthcare Berhad (“KPJ”)

KPJ adalah tertakluk kepada tindakan undang-undang perniagaan, yang timbul daripada operasi hospital syarikat anak. Para Pengarah berpendapat, berdasarkan kepada khidmat nasihat guaman dan khidmat perlindungan penyelewengan, tiada kepentingan yang memerlukan pengiktirafan.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

36. KATEGORI-KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan bagi Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember dikategorikan sebagaimana kelas-kelas berikut:

| | 2016 | 2015 |
|--|---------------|-------------------|
| | | Dinyatakan semula |
| Kumpulan | | |
| Pembiayaan dan penghutang: | | |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain (Nota 24) | 1,626 | 1,440 |
| Baki tunai dan bank (Nota 27) | 1,268 | 2,403 |
| | 2,894 | 3,843 |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi: | | |
| Lain-lain pelaburan (Nota 22) | 21 | 73 |
| | 21 | 73 |
| Aset kewangan sedia dijual: | | |
| Lain-lain pelaburan (Nota 22) | 216 | 249 |
| | 237 | 322 |
| Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas: | | |
| Pemutang perdagangan dan lain-lain (Nota 30) | 1,904 | 1,285 |
| Pembiayaan dan pinjaman (Nota 29) | 9,507 | 8,017 |
| | 11,411 | 9,302 |
| Johor Corporation | 2016 | 2015 |
| Pembiayaan dan penghutang: | | |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain (Nota 24) | 578 | 491 |
| Baki tunai dan bank (Nota 27) | 77 | 111 |
| | 655 | 602 |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi: | | |
| Lain-lain pelaburan (Nota 22) | 48 | 121 |
| | 48 | 121 |
| Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas: | | |
| Pemutang perdagangan dan lain-lain (Nota 30) | 1,285 | 1,288 |
| Pembiayaan dan pinjaman (Nota 29) | 3,016 | 3,025 |
| | 4,301 | 4,313 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kumpulan dan Johor Corporation terdedah kepada risiko-risiko kewangan yang timbul daripada operasi mereka dan penggunaan instrumen-instrumen kewangan. Risiko-risiko kewangan yang utama termasuk risiko kredit, risiko kecairan, risiko kadar faedah, risiko matawang asing dan risiko harga pasaran.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah mengkaji semula dan bersetuju polisi-polisi dan prosedur bagi menguruskan risiko-risiko tersebut, yang dilaksanakan oleh pasukan pengurusan. Ahli-ahli jawatankuasa audit memberikan pendapat bebas atas keberkesanan proses pengurusan risiko.

Ianya, dan sebagaimana sepanjang tahun kewangan semasa dan lalu, polisi Kumpulan bahawa tiada derivatif akan diambil kecuali bagi penggunaan instrumen lindung nilai dimana sesuai dan menjimatkan kos. Kumpulan menggunakan perakaunan aliran tunai lindung nilai ke atas hubungan lindung nilai yang layak bagi perakaunan lindung nilai.

Seksyen berikut memberikan perincian berkaitan pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko-risiko kewangan yang telah dinyatakan di atas serta objektif, polisi dan proses-proses untuk menguruskan risiko-risiko tersebut:

(a) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul atas instrumen-instrumen kewangan tertunggak sekiranya satu pihak gagal menjelaskan tanggungannya. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada penghutang perdagangan dan lain-lain. Bagi aset-aset kewangan lain (termasuk sekuriti pelaburan, baki tunai dan bank dan derivatif), Kumpulan dan Johor Corporation meminimumkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan pihak-pihak yang mempunyai rekod kredit yang baik.

Kumpulan cuba untuk mendapatkan pelaburan aset tunai yang selamat dan menguntungkan. Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang signifikan dan ia bukanlah polisi Kumpulan untuk melindungi nilai risiko kredit. Kumpulan akan memastikan syarikat-syarikat anak yang operasinya signifikan bahawa polisi penjualan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan dengan mengambilira sejarah hutang dan menghadkan jumlah pendedahan kepada satu-satu pelanggan. Bagi syarikat-syarikat anak yang signifikan, tiada berlakunya pemberian had kredit yang melampau sepanjang tempoh laporan dan pengurusan tidak menjangkakan sebarang kerugian ketara daripada pihak-pihak yang tidak produktif.

Pendedahan kepada risiko kredit

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit diwakili oleh amaun dibawa bagi setiap jenis aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Jaminan Kewangan tidak diiktiraf dalam penyata kewangan kerana nilai saksama pada pengiktirafan awal adalah tidak material.

Profil tumpuan risiko kredit

Selain daripada jumlah terhutang daripada syarikat anak kepada Johor Corporation, Kumpulan dan Johor Corporation tidak terdedah kepada apa-apa tumpuan risiko kredit yang ketara dalam bentuk penghutang daripada penghutang tunggal atau kumpulan penghutang.

Aset-aset kewangan yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak dirosotnilai

Maklumat mengenai penghutang perdagangan dan lain-lain yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak dirosotnilai dinyatakan dalam Nota 24. Deposit-deposit dengan bank dan institusi kewangan lain dan pelaburan diletakkan dalam institusi-institusi kewangan bereputasi atau syarikat-syarikat yang mempunyai rekod kredit yang tinggi dan tiada sejarah kemungkiran bayaran.

Aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosotnilai

Maklumat mengenai aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosotnilai dinyatakan dalam Nota 24.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Kumpulan dan Johor Corporation yang akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi tanggungan kewangannya disebabkan kekurangan dana. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidakserasan tempoh matang aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan. Objektif Kumpulan dan Johor Corporation adalah untuk mengekalkan keseimbangan antara kesinambungan pembiayaan dan fleksibiliti menerusi penggunaan kemudahan-kemudahan kredit siap sedia.

Analisis instrumen kewangan menurut baki matang

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada tarikh laporan berdasarkan tanggungan bayaran balik tidak didiskaun mengikut kontrak.

| Pada 31 Disember 2016 Kumpulan | Atas permintaan atau dalam 1 tahun | 1 hingga 5 tahun | Lebih 5 tahun | Jumlah |
|---|---------------------------------------|---------------------|------------------|--------|
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang | 1,822 | 86 | - | 1,908 |
| Pinjaman dan pembiayaan | 2,433 | 4,023 | 3,461 | 9,917 |
| Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun | 4,255 | 4,109 | 3,461 | 11,825 |
| Johor Corporation | | | | |
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang | 916 | 393 | - | 1,309 |
| Pinjaman dan pembiayaan | 407 | 2,586 | 24 | 3,017 |
| Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun | 1,323 | 2,979 | 24 | 4,326 |
| Pada 31 Disember 2015 (dinyatakan semula) Kumpulan | Atas permintaan atau dalam 1 tahun | 1 hingga 5 tahun | Lebih 5 tahun | Jumlah |
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang | 2,034 | - | - | 2,034 |
| Pinjaman dan pembiayaan | 1,304 | 2,768 | 4,203 | 8,275 |
| Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun | 3,338 | 2,768 | 4,203 | 10,309 |
| Johor Corporation | | | | |
| Liabiliti kewangan: | | | | |
| Pemutang perdagangan dan lain-lain pemutang | 936 | 397 | - | 1,333 |
| Pinjaman dan pembiayaan | 57 | 408 | 2,563 | 3,028 |
| Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun | 993 | 805 | 2,563 | 4,361 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan dan Johor Corporation akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kadar faedah yang timbul terutama daripada pinjaman dan pembiayaan. Pinjaman yang dikeluarkan pada kadar yang berbagai mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah aliran tunai manakala pinjaman yang dikeluarkan pada kadar tetap pula mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah nilai saksama. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran kadar pinjaman tetap dan terapung.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pada tarikh laporan, perubahan 100 mata asas ("ma") dalam kadar faedah akan menyebabkan kenaikan/(penurunan) keuntungan atau kerugian selepas cukai bagi jumlah ditunjukkan di bawah. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pembolehubah lain, khususnya kadar pertukaran wang asing, tidak berubah.

| | Kumpulan 2016 | 2015 | Johor Corporation 2016 | 2015 |
|--|------------------|-------|---------------------------|-------|
| Kadar faedah: | | | | |
| Meningkat dalam kadar faedah sebanyak 100 ma | 866 | 741 | 294 | 297 |
| Menurun dalam kadar faedah sebanyak 100 ma | (866) | (741) | (294) | (297) |

(d) Risiko mata wang asing

Risiko mata wang asing adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen kewangan akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar pertukaran asing.

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada risiko mata wang asing atas jualan, belian dan pinjaman yang didenominasi dalam mata wang selain daripada mata wang fungsian entiti-entiti Kumpulan berkenaan. Urus niaga ini didenominasi adalah terutamanya dalam Dolar Amerika Syarikat ("USD").

Ianya bukanlah polisi Kumpulan untuk melindung nilai pendedahan risiko mata transaksi wang asing.

Kumpulan juga mempunyai pelaburan-pelaburan dalam operasi asing, yang mana aset bersih terdedah kepada risiko terjemahan mata wang asing. Ianya bukanlah polisi Kumpulan untuk melindung nilai risiko terjemahan mata wang asing. Kumpulan mengekalkan akaun bank yang didenominasi oleh mata wang asing, terutamanya dalam USD, sebagai satu lindung nilai yang semula jadi berbanding risiko mata wang asing.

Pendedahan Kumpulan kepada risiko mata wang asing, berdasarkan amaun dibawa pada tarikh laporan berakhir adalah:

| | Kumpulan Didenominasi dalam USD 2016 | 2015 |
|--|--|-------|
| Penghutang perdagangan dan lain-lain | 207 | 191 |
| Baki tunai dan bank | 302 | 684 |
| Pembiayaan perdagangan dan lain-lain | (167) | (48) |
| Pembiayaan dan pinjaman | (552) | (461) |
| Pendedahan bersih dalam penyata kedudukan kewangan | (210) | 366 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(d) Risiko mata wang asing (sambungan)

Analisis sensitiviti bagi risiko mata wang asing

Jadual di bawah menunjukkan sensitiviti keuntungan Kumpulan bersih selepas cukai terhadap perubahan yang mungkin dan munasabah dalam kadar pertukaran USD berbanding mata wang fungsian entiti-entiti Kumpulan, dengan semua pembolehubah lain adalah sama.

| | | Keuntungan bersih selepas cukai | | Pendapatan komprehensif lain bersih selepas cukai | |
|---------------|------------|---------------------------------|------|---|------|
| | | 2016 | 2015 | 2016 | 2015 |
| USD | | | | | |
| Dikukuhkan 5% | (2015: 5%) | (9) | (18) | 1 | (1) |
| Disusutkan 5% | (2015: 5%) | 9 | 18 | (1) | 1 |

(e) Risiko harga pasaran

Risiko harga pasaran adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan yang akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam harga pasaran (selain daripada faedah atau pertukaran kadar).

Kumpulan terdedah kepada risiko harga ekuiti yang timbul daripada pelaburannya dalam instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga. Instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga di Malaysia disenaraikan di Bursa Malaysia. Instrumen-instrumen ini diklasifikasi sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi atau aset-aset kewangan tersedia untuk dijual.

Harga komoditi

Kumpulan menggunakan instrumen-instrumen kewangan derivatif (jualan dan belian hadapan minyak kelapa sawit Malaysia) bagi menjamin harga jualan minyak kelapa sawit yang minima dan menutup kedudukan yang dikeluarkan sebelumnya. Perakaunan aliran tunai lindung nilai digunakan ke atas risiko harga derivatif. Sepanjang tahun kewangan semasa Kumpulan tidak mempunyai pendedahan yang signifikan kepada risiko harga komoditi.

Nilai saksama

Instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan amaun dibawa adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama.

Berikut adalah kategori instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan mempunyai anggaran amaun dibawa yang munasabah:

| | Nota |
|---|------|
| Penghutang dagangan dan lain-lain | 24 |
| Pembayaran dan pinjaman (kecuali pinjaman tertentu yang nilai saksama dinyatakan dalam Nota 29) | 29 |
| Pembiutang dagangan dan lain-lain | 30 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(e) Risiko harga pasaran (sambungan)

Nilai saksama (sambungan)

Amaun dibawa aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama, sama ada disebabkan oleh sifat jangka pendeknya atau kerana ia adalah instrumen kadar terapung yang dihargakan semula pada kadar faedah pasaran, pada atau berdekatan tarikh laporan.

Nilai saksama lain-lain pembiayaan (bukan semasa) dan pinjaman dianggarkan dengan mendiskaluan aliran tunai masa hadapan yang dijangka pada kenaikan kadar pembiayaan pasaran bagi pembiayaan, pinjaman atau pengaturan pemajakan yang serupa pada tarikh laporan.

Instrumen ekuiti tersiar harga

Nilai saksama ditentukan secara langsung dengan merujuk kepada terbitan tawaran harga pasaran pada tarikh laporan.

Derivatif

Kontrak tukaran faedah dinilai menggunakan teknik penilaian dengan input yang boleh diperhatikan di pasaran. Teknik yang paling kerap digunakan atas penilaian termasuklah model harga hadapan dan kajian, menggunakan pengiraan nilai kini. Model ini menggabungkan pelbagai input termasuklah kualiti kredit pihak balas, tempat pertukaran mata wang asing, kadar hadapan dan keluk kadar faedah.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(e) Risiko harga pasaran (sambungan)

Hierarki nilai saksama

Kumpulan mempunyai aset dan liabiliti berikut yang dinilai pada nilai saksama atau tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan:

| Kumpulan Pada 31 Disember 2016 | Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Jumlah |
|---|---------|---------|---------|--------|
| Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama: | | | | |
| Saham tidak tersiar harga | - | - | 185 | 185 |
| Saham tersiar harga | 42 | - | - | 42 |
| Pelaburan dana | 10 | - | - | 10 |
| Aset-aset bukan kewangan dinilai pada nilai saksama: | | | | |
| Hartanah pelaburan | - | - | 3,609 | 3,609 |
| Harta, loji dan kelengkapan | | | | |
| - Hartanah prisihatin | - | - | 1,933 | 1,933 |
| - Tanah pegangan bebas | - | - | 1,580 | 1,580 |
| - Tanah pajakan | - | - | 2,169 | 2,169 |
| - Bangunan | - | - | 460 | 460 |
| Liabiliti kewangan tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan: | | | | |
| Pinjaman berjangka - terapung | - | - | 2,924 | 2,924 |
| Kemudahan Kredit Pusingan Komited Cara Islam | - | - | 799 | 799 |
| Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI") | - | - | 3,845 | 3,845 |
| Pinjaman Kerajaan Persekutuan | - | - | 222 | 222 |
| | 52 | - | 17,726 | 17,778 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(e) Risiko harga pasaran (sambungan)

Hierarki nilai saksama (sambungan)

| Kumpulan Pada 31 Disember 2015 | Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Jumlah |
|---|---------|---------|---------|--------|
| Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama: | | | | |
| Saham tidak tersiar harga | - | - | 198 | 198 |
| Saham tersiar harga | 56 | - | - | 56 |
| Pelaburan dana | - | 68 | - | 68 |
| Aset-aset bukan kewangan dinilai pada nilai saksama: | | | | |
| Hartanah pelaburan | - | - | 3,340 | 3,340 |
| Harta, loji dan kelengkapan | | | | |
| - Hartanah prisihatih | - | - | 2,029 | 2,029 |
| - Tanah pegangan bebas | - | - | 1,433 | 1,433 |
| - Tanah pajakan | - | - | 2,090 | 2,090 |
| Liabiliti kewangan tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan: | | | | |
| Pinjaman berjangka - terapung | - | - | 1,565 | 1,565 |
| Kredit Pusingan Cara Islam | - | - | 472 | 472 |
| Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI") | - | - | 4,563 | 4,563 |
| Pinjaman Kerajaan Persekutuan | - | - | 242 | 242 |
| | 56 | 68 | 15,932 | 16,056 |

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(e) Risiko harga pasaran (sambungan)

Hierarki nilai saksama (sambungan)

| Johor Corporation Pada 31 Disember 2016 | Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Jumlah |
|---|---------|---------|---------|--------|
| Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama: | | | | |
| Saham tersiar harga | 32 | - | - | 32 |
| Waran tersiar harga | 16 | - | - | 16 |
| Hartanah pelaburan | - | - | 1,450 | 1,450 |
| Harta, loji dan kelengkapan | | | | |
| - Tanah pegangan bebas | 150 | - | - | 150 |
| - Tanah ladang | 350 | - | - | 350 |
| Liabiliti kewangan tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan: | | | | |
| Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI") | - | - | 3,004 | 3,004 |
| Pinjaman Kerajaan Persekutuan | - | - | 60 | 60 |
| | 548 | - | 4,514 | 5,062 |

| Johor Corporation Pada 31 Disember 2015 | Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Jumlah |
|---|---------|---------|---------|--------|
| Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama: | | | | |
| Saham tidak tersiar harga | - | - | 23 | 23 |
| Saham tersiar harga | 30 | - | - | 30 |
| Waran tersiar harga | 68 | - | - | 68 |
| Hartanah pelaburan | - | - | 1,421 | 1,421 |
| Harta, loji dan kelengkapan | | | | |
| - Tanah pegangan bebas | 151 | - | - | 151 |
| - Tanah ladang | 318 | - | - | 318 |
| Liabiliti kewangan tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan: | | | | |
| Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI") | - | - | 2,960 | 2,960 |
| Pinjaman Kerajaan Persekutuan | - | - | 76 | 76 |
| | 567 | - | 4,480 | 5,047 |

Sepanjang tarikh laporan berakhir 31 Disember 2016 dan 2015, tiada sebarang pindahan di antara Tahap 1 dan Tahap 2 hierarki nilai saksama.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

38. PENGURUSAN MODAL

Objektif Kumpulan ketika menguruskan modal adalah untuk menjaga keupayaan Johor Corporation untuk diteruskan sebagai sebuah perusahaan berterusan dan bagi mengekalkan struktur modal yang optimal bagi mematuhi syarat-syarat hutang dan peraturan pihak berkuasa.

Kumpulan secara aktif dan berkala mengkaji semula dan menguruskan struktur modalnya untuk memastikan struktur modal yang optimal dan pulangan bagi pemegang saham, dengan mempertimbangkan keperluan modal masa hadapan Kumpulan dan keberkesanan modal, unjuran keuntungan, unjuran aliran tunai, unjuran perbelanjaan modal dan unjuran peluang pelaburan strategik.

Pengurusan memantau modal berdasarkan kepada nisbah penggearan ("gearing ratio") bersih. Nisbah penggearan ini dikira sebagai hutang bersih dibahagi dengan ekuiti pemegang saham. Hutang bersih dikira sebagai pinjaman di tolak tunai dan kesamaan tunai.

| | Kumpulan | | Johor Corporation | |
|--------------------------------------|--------------|------------------------------|-------------------|------------------------------|
| | 2016 | 2015 Dinyatakan semula | 2016 | 2015 Dinyatakan semula |
| Pinjaman bank (Nota 29) | 9,507 | 8,017 | 3,016 | 3,025 |
| Tolak: Baki tunai dan bank (Nota 27) | (1,268) | (2,403) | (77) | (111) |
| Hutang bersih | 8,239 | 5,614 | 2,939 | 2,914 |
| Jumlah ekuiti | 7,783 | 9,200 | 1,969 | 1,870 |
| Nisbah hutang kepada ekuiti | 1.06 | 0.61 | 1.49 | 1.56 |

Tiada perubahan dalam pendekatan Kumpulan bagi pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

Terdapat keperluan modal yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia kepada sebuah syarikat anak tidak langsung yang terlibat dalam broker insuran dan perundungan untuk mengekalkan dana pemegang saham minimum sebanyak RM600,000 pada bila-bila masa. Keperluan modal yang dikenakan secara luaran ini telah dipatuhi oleh syarikat anak tersebut bagi tahun kewangan.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

39. MAKLUMAT SEGMEN

Maklumat segmen Kumpulan dibentangkan berdasarkan segmen bisnes dan geografi. Format pelaporan utama, segmen bisnes, adalah berdasarkan struktur pengurusan dan pelaporan dalaman Kumpulan. Penentuan harga antara segmen adalah berdasarkan terma-terma biasa atau terma-terma yang telah dirundingkan.

Keputusan-keputusan segmen, aset-aset dan liabiliti-liabiliti adalah termasuk item-item yang boleh diagihkan terus kepada suatu segmen dan juga yang boleh diagihkan atas dasar yang munasabah.

Perbelanjaan modal segmen adalah jumlah kos yang ditanggung dalam tahun kewangan semasa untuk membeli harta tanah, loji dan kelengkapan dan hak-hak guna tanah.

Segmen bisnes

Segmen-segmen bisnes utama Kumpulan adalah seperti berikut:

- Minyak sawit
 - Perladangan kelapa sawit, pemprosesan minyak sawit mentah, perkhidmatan perundingan dan pengurusan perladangan.
 - Hospital dan perkhidmatan kesihatan.
 - Pembangunan harta tanah dan pembangunan perumahan.
 - Perkhidmatan pengurusan harta tanah, pelaburan harta tanah dan pelaburan amanah harta tanah.
 - Pembangunan dan penjualan tanah industri dan pengurusan projek.
 - Kedai Pizza Hut, Ayamas and Kentucky Fried Chicken.
 - Penyediaan pengangkutan laut dan perkhidmatan yang berkaitan.
 - Pengurusan letak kenderaan, jualan produk berasaskan kayu dan mel pukal dan percetakan.
 - Menggalak, membangun, melaksana dan menguruskan pelabuhan.
- Prisihatin
- Pemaju harta tanah
- Pengurusan harta tanah
- Pembangunan industri
- Restoran khidmat cepat
- Minyak dan gas
- Intrapreneur ventures
- Pelabuhan logistik

Lain-lain operasi Kumpulan adalah terdiri terutamanya daripada operasi-operasi yang saiznya tidak memadai untuk dilaporkan secara berasingan.

Segmen-segmen geografi

Segmen bisnes Kumpulan diuruskan atas dasar seluruh dunia, beroperasi dalam dua kawasan geografi utama:

- Malaysia
 - Terutamanya operasi perladangan, prisihatin, harta tanah, restoran khidmat cepat dan aktiviti pelaburan.
- Indonesia
 - Terutamanya operasi perladangan.
- Singapura, Brunei, Kemboja
 - Terutamanya operasi restoran khidmat cepat.
- Australia, Thailand, Bangladesh
 - Terutamanya operasi prisihatin.

Dalam membentangkan maklumat berdasarkan segmen-segmen geografi, segmen pendapatan adalah berdasarkan lokasi geografi para pelanggan. Segmen aset adalah berdasarkan lokasi geografi aset-aset tersebut. Penyesuaian di dalam segmen-segmen yang boleh dilaporkan banyak berkaitan dengan penghapusan QR Brands (M) Holdings Sdn Bhd, anak syarikat usahasama kumpulan yang telah termasuk dalam segmen yang dilaporkan.

Nota-nota kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

39. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes

| Kumpulan Pada 31 Disember 2016 | Minyak sawit | Prisipiatin | Pemaju hartanah | Pengurusan hartanah | Pembangunan industri | Restoran khidmat cepat | Minyak dan gas | Sub jumlah (i) |
|--|--------------|-------------|-----------------|---------------------|----------------------|------------------------|----------------|----------------|
| Hasil dari pihak luar | 819 | 3,021 | 334 | 127 | 126 | 4,297 | 626 | 9,350 |
| Hasil antara segmen | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Jumlah hasil | 819 | 3,021 | 334 | 127 | 126 | 4,297 | 626 | 9,350 |
| Keputusan | 131 | 239 | 181 | 125 | 66 | 225 | 39 | 1,006 |
| Keputusan segmen (luaran) | | | | | | | | |
| Pendapatan tidak diperuntukkan | | | | | | | | |
